

BAB 2

PEMBANGUNAN ETIKA DAN MORAL DI KALANGAN PELAJAR

2.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan konsep dan teori yang berkaitan pembangunan etika dan moral di kalangan pelajar. Ia mengandungi keperluan pembangunan etika dan moral, pertumbuhan dan perkembangan psikologi pelajar, program-program pembangunan etika dan moral dan juga faktor keberkesanan program yang telah dijalankan di kalangan pelajar. Objektif kajian dalam bab ini adalah untuk mengenalpasti kepentingan pembangunan etika dan moral melalui program-program yang dilaksanakan di kalangan pelajar. Metodologi kajian yang digunakan untuk mencapai tujuan tersebut adalah melalui kaedah penyelidikan perpustakaan dan kajian lapangan menerusi kaedah temubual.

2.2 Pembangunan Etika dan Moral di Kalangan Pelajar

Pembangunan etika dan moral di kalangan pelajar merupakan salah satu perkara utama yang disentuh di dalam falsafah pendidikan negara. Usaha untuk melahirkan manusia yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek adalah bermula daripada perkembangan ilmu yang dilalui oleh pelajar. Proses pendidikan yang dilalui oleh mereka mencakupi perkembangan dari aspek kognitif,⁶³ afektif⁶⁴ dan psikomotor.⁶⁵

⁶³ Penekanan bidang ini ialah dari segi pemikiran dan kefahaman. Teori perkembangan moral kognitif telah dibincangkan oleh Lawrence Kohlberg (1972). Beliau dianggap sebagai pelopor utama dalam memperkatakan teori perkembangan moral. Teori yang dikemukakan oleh beliau berasaskan kepada pemikiran Jean Piaget dan John Dewey yang menekankan pertumbuhan manusia berkembang secara falsafah dan psikologi dalam bentuk yang positif. Lihat Tam Yeow Kwai (2006), *Pendidikan Moral: Konsep dan Pedagogi Pendidikan Moral untuk Pelajar-pelajar KPLI, LPBS dan PISMP Maktab-maktab Perguruan*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd., h. 35.

⁶⁴ Bidang ini berkait rapat dengan perasaan, sikap dan tindak balas tingkah laku pelajar.

⁶⁵ Bidang ini diperkenalkan oleh Simpson, E. J. mementingkan kemahiran fizikal seperti membuat, membina, mencipta, membentuk dan sebagainya.

Keseimbangan kesemua elemen tersebut amat perlu kerana dapat membantu pembinaan etika dan moral yang dikehendaki dalam kehidupan sosial mereka. Apabila membincangkan etika dan moral, ianya tidak dapat dipisahkan dengan akhlak Islam. Akhlak adalah satu sistem yang mengatur kehidupan manusia dari segala segi dan ianya bersifat universal. Ia tidak terbatas oleh faktor masa, zaman dan tempat. Elemen-elemen etika dan moral (termasuk juga etika agama) banyak terdapat persamaannya dalam akhlak Islam seperti berkasih sayang, hormat-menghormati, jujur, amanah dan seumpamanya.

Manakala perbezaannya dengan akhlak menurut Haron Din boleh dilihat seperti berikut iaitu akhlak mempunyai daya kekudusan dan ini menghasilkan dua kesan iaitu penghormatan kepada sistem akhlak tersebut. Keduanya, sistem dan undang-undang akhlak akan memberi kesan praktik dalam kehidupan seseorang, sama ada dari aspek positif atau negatif. Selain itu, undang-undang akhlak dapat membawa manusia mencapai kebahagiaan dalam hidupnya dalam aspek material dan moral. Sebaliknya, ini tidak dapat dilakukan oleh undang-undang etika. Dari segi prinsipnya akhlak bersifat umum dan tetap melangkaui batas undang-undang daripada ciptaan manusia sama ada dari segi kesan atau perlaksanaannya. Undang-undang akhlak juga mencorakkan kehidupan manusia mengikut jiwa, matlamat dan falsafah akhlak. Adapun etika pula adalah ciptaan manusia dan ianya diselaraskan oleh keinginan dan pemahaman manusia tentang hidup.⁶⁶

Selain itu, Mohd. Janib juga menjelaskan lagi beberapa perbezaan etika dengan akhlak. Pada beliau akhlak disebut sebagai etika agama mempunyai disiplin yang kuat dan ketat. Setiap tindakan sama ada beretika atau tidak akan diberi perhatian. Ia juga bersifat mutlak dan universal dan asasnya begitu kuat dan tidak akan berubah, jauh

⁶⁶ Haron Din *et al.* (1988), *Manusia dan Islam*. Shah Alam: Hizbi Marketing Sdn. Bhd., h. 15.

sekali bersifat subjektif dan relatif kerana sumbernya dari Tuhan dan wahyu. Etika agama menurutnya lagi mempunyai kekuatan etika yang kuat dan berdasarkan kepercayaan dan keimanan kepada Tuhan.⁶⁷

Walaupun terdapat perbezaan seperti yang dinyatakan sebelumnya, namun dalam perbincangan ini hanya memfokuskan fungsi etika dan moral, akhlak dan etika agama yang terdapat di dalam agama Buddha, Hindu, Toisme, dan Kristian. Aspek penting yang ditekankan adalah bagaimana etika dan moral dan akhlak dapat memberikan garis panduan kepada manusia untuk hidup dalam keadaan yang diterima oleh umum tanpa mengira perbezaan agama dan bangsa.

Moral dan etika seperti yang dibincangkan dalam bab yang pertama adalah membawa satu makna yang sama seperti pendapat K, Berthens iaitu beliau menyimpulkan moral dari sudut etimologinya sama dengan etika, walaupun dari segi perkataannya berbeza. Ia membawa maksud nilai dan norma yang menjadi pegangan seseorang atau satu kelompok dalam mengatur tingkah laku.⁶⁸ Ini juga seiring dengan pandangan J. L Mackenzie yang tidak membezakan terma moral dan etika apabila beliau mendapati etika dan moral adalah garis panduan yang dapat membezakan sama ada sesuatu perbuatan itu betul atau salah, baik atau buruk.⁶⁹ Begitu juga dengan Mustafa Hj. Daud yang turut bersetuju persamaan moral dan etika apabila beliau mendapati sesetengah sarjana pengurusan mendefinisikan etika sebagai sains moral dan prinsip-prinsip moral.⁷⁰

⁶⁷ Mohd. Janib Johari (2001), *Etika Profesional*. Skudai: Penerbit UTM, h. 30.

⁶⁸ Bertens, K. (2003), *Etika dan Moral Untuk Pengajian Tinggi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 4.

⁶⁹ J.L Mackenzie (1971), *Inventing Right and Wrong*. Great Britain: Cox and Wyman Ltd., h. 9.

⁷⁰ Mustafa Hj. Daud (1996), *Etika Pengurusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd., h. 3-4.

Perkataan akhlak pula berasal dari kalimah bahasa Arab *akhlāq*, jamak dari *al-khulūq*. Dalam *Kamus Lisān al-‘Arab*,⁷¹ akhlak dapat diertikan sebagai tabiat, adab, maruah dan lain-lain. Daripada sudut istilahnya pula, akhlak dapat diringkaskan sebagai keadaan kejiwaan yang mendorong untuk melakukan sesuatu perbuatan tanpa melalui pertimbangan fikiran dan teragak-agak.⁷² Sebagai ilmu yang tersendiri akhlak adalah sains yang mengkaji perkara-perkara kebaikan dan menolak keburukan.⁷³ *Kamus Dewan* pula mendefinisikan akhlak sebagai budi pekerti, kelakuan, tabiat ataupun watak.⁷⁴

Pada makna biasa akhlak bermaksud keadaan jiwa yang menentukan tindakan manusia. Dalam keadaan ini ia tidak merujuk kepada jiwa ataupun tindakan kerana jiwa adalah bersifat semula jadi manakala perbuatan adalah keadaan di mana jiwa mencetuskan sesuatu tindakan itu berlaku.⁷⁵ Perkataan akhlak juga adalah pecahan dari perkataan *al-khalq* yang bererti ciptaan seperti yang dinyatakan oleh al-Quran dalam surah al-Sajdah ayat 7:

الَّذِي أَحْسَنَ كُلَّ شَيْءٍ خَلَقَهُ ۖ وَبَدَأَ خَلْقَ الْإِنسَانِ مِن طِينٍ ﴿٧﴾

Maksudnya:

“Yang membuat segala sesuatu yang dia ciptakan sebaik-baiknya dan yang memulai penciptaan manusia dari tanah.”

Surah al-Sajdah (32): 7.

Al-Mawdūdī (1903-1979M) mendefinisikan akhlak sebagai tingkah laku yang telah menjadi kebiasaan yang ada pada diri seseorang. Apabila dilakukan tidak perlu kepada berfikir panjang. Ia terbahagi kepada dua iaitu akhlak yang baik dan akhlak yang

⁷¹ Ibn Manzūr, Abū al-Faḍl Jamāl al-Dīn Muḥammad ibn Mukram ibn Manzūr al-Afriqī al-Miṣrī (1986), *Lisān al-‘Arab*. j. 6., Kaḥerah: Dār al-Ma‘ārif, h. 1244-1248.

⁷² Ibn Miskawayh, Aḥmad ibn Muḥammad (1961), *Tahdhīb al-Akhlāq*. Beirut: Manshūrah Dār al-Maktabah al-Ḥayāh, h. 31.

⁷³ Mardzelah Makhsin (2007), *Sains Pemikiran dan Etika*. Selangor: PTS Publications and Distributors Sdn.Bhd., h. 89.

⁷⁴ Teuku Iskandar (1991), *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 19.

⁷⁵ Mohd. Nasir Omar (2003), *Christian and Muslim Ethics*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 3.

keji. Kebaikan dan keburukan dalam erti kata yang sebenarnya mestilah berdasarkan kepada ketetapan yang diberikan oleh al-Quran dan al-Sunnah. Menurut al-Mawdūdī lagi, akhlak Islam adalah bersifat semula jadi dan sesuai dengan fitrah manusia. Pada keseluruhannya apa-apa saja yang dikatakan sebagai akhlak yang baik oleh Islam tetap diakui dan diterima oleh semua manusia.⁷⁶

Al-Ghazālī mentakrifkan akhlak sebagai satu gambaran daripada keadaan dalam diri yang telah sehati dan daripadanya akan melahirkan tingkah laku yang mudah dicerna dan spontan tanpa memerlukan pemikiran atau pengulangan berasaskan al-Quran dan al-Hadis.⁷⁷

Menurut Haron Din akhlak mempunyai dua bentuk. Akhlak Islam dan akhlak falsafah atau etika. Akhlak Islam ialah akhlak yang bersumberkan kepada wahyu al-Quran dan al-Sunnah. Sementara akhlak falsafah ialah akhlak yang bersumberkan kepada daya usaha kemampuan pemikiran akal manusia. Akhlak Islam bersumberkan kepada kekudusan yang mutlak sementara akhlak falsafah sumbernya tidak kudus, tidak mutlak dan tidak tetap. Akhlak Islam juga bersifat *rabbāni*, iaitu dari langit. Manakala akhlak falsafah bersumberkan kemanusiaan dari bumi.⁷⁸

Hubungan akhlak dengan iman dalam diri seorang Islam amatlah jelas. Islam melihat hidup dengan mengamalkan akhlak yang terpuji melambangkan kematangan iman seseorang. Bahkan menurut sarjana Yusuf Islahi dalam bukunya *Ettiquettes of Life in Islam* (1990) mendapati intipati al-Quran ialah membentuk masyarakat yang beretika dalam hidup.⁷⁹ Justeru, Rasulullah SAW adalah merupakan model terbaik dalam

⁷⁶ al-Mawdūdī, Abū al-A'la (1973), *Mahādī al-Islāmi*. Lahore: tp, h. 23.

⁷⁷ al-Ghazālī, Abū Ḥamīd Muḥammad Muḥammad (1998), *Iḥyā' 'Ulumuddīn*. j 2. Kaherah Maktabah Miṣr, h. 67.

⁷⁸ Haron Din *et al.* (1988), *op. cit.*, h. 4.

⁷⁹ Dipetik, Md. Salleh Hassan *et al.* *Etika Komunikasi*. Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia, h. 29.

menggambarkan keluhuran akhlak yang terpuji. Keutamaan mencontohi akhlak Rasulullah SAW telah dirakamkan di dalam firman Allah SWT:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ﴿٤﴾

Maksudnya:

“Dan Sesungguhnya kamu benar-benar berbudi pekerti yang agung.”

Surah al-Qalam (38): 4.

Berdasarkan ayat di atas, dapatlah difahami bahawa baginda SAW adalah contoh terbaik yang perlu diikuti dalam kehidupan dan menjadi keutamaan kepada setiap orang Islam untuk meletakkan akhlak terpuji untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT dan firman-Nya lagi:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ
الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ﴿٢١﴾

Maksudnya:

“Sesungguhnya Telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu (iaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan dia banyak menyebut Allah.”

Surah al-Ahzab (33): 21.

Ayat di atas juga seiring dengan pernyataan ayat sebelum ini dan sewajarnya setiap manusia menyakini tiada contoh terbaik yang boleh dijadikan ikutan melainkan Nabi Muhammad SAW seperti mana yang termaktub di dalam al-Quran mahupun al-Sunnah.

Akhlak Islam menurut Ibn Khaldun (1332-1406M) dalam bukunya *Muqaddimah* amat penting. Beliau mendapati pentingnya akhlak itu menyamai agama itu sendiri. Nilai-nilai murni akhlak Islam menjadi asas kepada *madīnah faḍīlah* atau keperkasaan pentadbiran (*supreme governance*). Keperkasaan pentadbiran ini bakal menjadi nukleus atau roh kepada *‘umrān al-madani* atau tamadun yang seimbang spiritual dan fizikalnya.⁸⁰

Akhlak juga turut penting dalam penyampaian dakwah Islam. Akhlak yang terpuji memainkan peranan yang utama dari segi isi atau *uslūb* dakwah. Dakwah Nabi Muhammad SAW di Mekah dikemukakan dalam bentuk *al-Qudwah al-Ḥasanah* atau contoh teladan yang baik. Ia merupakan cara dakwah Nabi yang sangat berpengaruh dan berjaya dalam penyebaran akhlak yang baik dan antara asas pegangan pendakwah.⁸¹ Ini menunjukkan bahawa kejayaan menyebarkan dakwah Islam amat berkait rapat dengan etika ataupun budi pekerti pendakwah apabila berdepan dengan sasaran dakwah.

Manakala jika dilihat dari perspektif etika agama, peranan etika dan moral juga turut dimuatkan dalam doktrin agama. Ia meliputi amalan-amalan seharian yang perlu diikuti oleh penganutnya agar mencapai keharmonian dalam hidup. Menurut K. Bertens, setiap agama mengandungi suatu ajaran moral yang menjadi pegangan bagi perilaku para penganutnya. Menurutnya lagi, jika kita membandingkan pelbagai agama, ajaran moralnya barangkali sedikit berbeza tetapi secara menyeluruh perbezaannya tidaklah terlalu besar. Beliau turut menambah, ajaran moral dalam sesuatu agama penting kerana ajaran tersebut berasal dari Tuhan dan mengungkapkan kehendak Tuhan.⁸²

⁸⁰ *Ibid.*, h.30.

⁸¹ Ab. Aziz Mohd Zin (2005), *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 52.

⁸² Bertens, K. (2003), *Etika dan Moral Untuk Pengajian Tinggi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 26.

Ini dapat dibuktikan dengan ajaran agama Buddha,⁸³ Hindu, Taoisme dan juga Kristian. Dalam agama Buddha misalnya, ia tidak mengajar mengenai hal-hal ketuhanan, metafizika atau falsafah kerana Buddha sendiri tidak menggalakkan falsafah. Sebaliknya, ajaran Buddha merupakan ajaran-ajaran psikologi dan etika yang berhubung kait dengan kehidupan.⁸⁴ Antara intisari ajaran yang utama adalah *Dhamma* yang merangkumi ‘Empat Kebenaran Yang Mulia’ iaitu *Dukka* (penderitaan), *Samudaya* (punca atau sebab membawa penderitaan), *Nirodha* dan *Marga* (cara untuk memadamkan api keinginan).⁸⁵ Kesemua aspek tersebut adalah bertujuan untuk memperkembangkan minda yang reflektif daripada kongkongan kepercayaan palsu. Bagi agama Buddha, aspek mental amat penting untuk mengatasi penderitaan dalam hidup. Selain itu, Trevor Ling mendapati konsep *dhamma* juga memfokuskan kepada undang-undang, peraturan dan organisasi sosial yang berhubung dengan undang-undang bersifat semulajadi. Ia bertindak secara langsung terhadap proses pembangunan dan penyempurnaan insan.⁸⁶

Menurut Cheu Hock-Tong, sistem agama Buddha terdiri daripada doktrin dan disiplin. Disiplin bermaksud kesempurnaan moral (*moral excellence*), menjinakkan lidah dan tindakan melalui badan. Ini lebih dikenali sebagai *sila* dan latihan moral. Doktrin pula berkaitan dengan latihan mental dan menjinakkan fikiran melalui meditasi ke arah penumpuan mental dan kebijaksanaan.⁸⁷

Elemen etika dan moral menurut K. Sri Dhammananda turut diketengahkan dengan Jalan Lapan Lapis Mulia di dalam ajaran Buddha. Ia merangkumi aspek-aspek

⁸³ Menurut *The New Encyclopedia Britannica* pengasas doktrin Buddhisme ini ialah Siddharta Gautama Buddha (563-483S.M). Beliau dilahirkan pada tahun 563 SM. Siddharta ialah nama yang diberikan oleh ibu bapanya manakala Gautama pula ialah nama keluarga (gotra). Buddha pula menandakan seorang manusia itu telah mencapai taraf kesedaran kerohanian yang sempurna. Lihat *The New Encyclopedia Britannica*. Volume II, (1978). U.S.A: The University of Chicago, h. 342. Lihat juga Michael Carrithers (1996), *Buddha: A Very Short Introduction*. United Kingdom: Oxford University Press, h. 12.

⁸⁴ G. Sivapalan *et al.* (2001), “Tamadun India: Masyarakat dan Budaya”, dalam *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 270.

⁸⁵ *Ibid.*

⁸⁶ Trevor Ling (1993), *Buddhist Trends in South-east Asia*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, h. 342.

⁸⁷ Cheu Hock-Tong (2007), *Buddhism in Chinese Culture*. Selangor: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd., h. 3.

berikut iaitu pemahaman yang betul, ucapan yang betul, perbuatan yang betul, pekerjaan yang betul, fikiran yang betul, usaha yang betul, kesedaran yang betul dan tumpuan yang betul.⁸⁸

Menurut David Burton, Jalan lapan Lapis Mulia ini memerlukan seseorang itu menggunakan disiplin spiritual sebagai formula untuk mencapai dimensi kognitif dan non-kognitif manusia. Aspek non-kognitif menurut beliau merangkumi aspek kasih sayang dan kemahuan setiap individu. Selain itu, ia juga memerlukan penganutnya menjalani amalan atau latihan yang sistematik bagi membolehkan perubahan yang baik dari segi intelek, emosi, kemahuan dan juga tindak tanduk serta tutur kata seseorang.⁸⁹

Menurut K. Sri Dhammananda lagi, ada lima amalan-amalan (Panca Sila) yang disarankan untuk dipraktikkan setiap hari iaitu jangan membunuh binatang yang hidup atau menyakiti orang lain, jangan mencuri, jangan berzina, jangan bercakap bohong atau membuat fitnah dan jangan minum arak.⁹⁰ Hukum Karma dalam agama Buddha pula memperlihatkan hukum sejagat tentang sebab dan akibat dan nasib manusia yang sekarang ini ditentukan oleh perbuatan-perbuatan mereka pada masa lalu. Halangan untuk mendapatkan karma yang baik boleh diatasi dengan mematuhi lima amalan atau rukun moral Buddha yang dinyatakan sebelum ini.⁹¹

Oleh itu jelas menunjukkan bahawa dalam ajaran agama Buddha, peranan etika dan moral menjadi keperluan dalam membina masyarakat yang aman dan harmoni. Ia meliputi hubungan sesama manusia dan juga interaksi manusia dengan alam sekitarnya. Kepelbagaian unsur moral dan etika yang disarankan membuktikan bahawa agama

⁸⁸ K. Sri Dhammananda (1987), *What Buddhist Believe*. Kuala Lumpur: Buddhist Missionary Society, h. 163.

⁸⁹ David Burton (2004), *Buddhism, Knowledge and Liberation: A Philosophical Study*. England: Ashgate Publishing Limited, h. 65.

⁹⁰ K. Sri Dhammananda (1987), *op. cit.*, h. 164.

⁹¹ Cheu Hock-Tong (2007), *op. cit.*, h. 43.

Buddha menganjurkan penganutnya peka dengan undang-undang dan peraturan yang digariskan agar dapat melahirkan masyarakat yang berdisiplin dan bertanggungjawab.

Dalam ajaran agama Hindu⁹² pula, unsur etika dan moral boleh dikesan dalam beberapa ajarannya. Misalnya dalam konsep *Dharma*⁹³ (tanggungjawab), ia memerlukan segala tugas dan tanggungjawab dilaksanakan dengan sempurna serta amanah. *Ahimsa* (kasih sayang) ditekankan dalam hidup bahawa tiada kekejaman terhadap sebarang makhluk sama ada manusia atau binatang. Gesaan untuk bertimbang rasa atau baik hati kepada semua orang terdapat dalam *Kahamaa* dan konsep *Maakkrodha* (keseimbangan) pula menitikberatkan keseimbangan dari semua segi seperti emosi, jasmani dan rohani. Sumber kepada ajaran Hindu berteraskan kepada ilmu pengetahuan suci iaitu kitab Veda.⁹⁴ Kitab ini membicarakan ajaran-ajaran yang berhubung dengan nyanyian pujaan, puisi, ajaran berkaitan dengan sembahyang dan juga ilmu pengetahuan. Selain itu, terdapat kitab yang lain iaitu Upanishad yang merupakan asas bagi semua sistem falsafah Hindu dan kebanyakan tradisi-tradisi agama.⁹⁵

Bagi agama Taoisme,⁹⁶ ajarannya amat berkait rapat dengan keharmonian dengan alam semesta yang disebut sebagai *Tao* yang bermaksud cara atau jalan.⁹⁷ *Tao* dianggap sumber kepada kehidupan alam semesta ini. Antara ajaran Taoisme yang

⁹² Menurut Kim Knott, sejarah awal kemunculan agama Hindu sukar ditentukan kerana agama ini dianggap bersifat semula jadi. Hinduisme tidak mempunyai pengasas dan tidak memiliki institusi agama bersifat pusat untuk mengetuai segala pengikut agama ini di seluruh dunia. Kepercayaan dan ajaran agama Hindu juga diwarisi secara turun temurun. Nama asal agama Hindu ialah *Sanata Dharma* bererti prinsip ataupun peraturan kerohanian yang kekal abadi seperti juga sifat Tuhan yang kekal abadi. Maklumat lanjut sila lihat Kim Knott (1998), *Hinduism: A Very Short Introduction*. United Kingdom: Oxford University Press, h. 5.

⁹³ Menurut Margaret dan James, *dharma* atau *dhamman* bermaksud moral, hal-hal yang berhubung dengan keagamaan, undang-undang dan budaya. Ia mengamalkan pergerakan dan perubahan yang dinamik terhadap ciri-ciri utama yang terkandung dalam peraturan semulajadi. Lihat Margaret & James Stutly (1977), *A Dictionary of Hinduism: It's Mythology, Foklore and Development 1500B.C – A.D 1500*. London: Roulledge and Kegan Paul Ltd., h. 76.

⁹⁴ Menurut Margaret dan James, terdapat empat kitab Veda iaitu *Rig Veda*, kitab yang tertua dan utama yang mengandungi nyanyian pujaan. Keduanya, *Yajur Veda*, berkaitan dengan pengetahuan upacara. Ketiga *Sama Veda*, mengandungi ajaran sembahyang dan yang terakhir *Atharya Veda* berhubung dengan ilmu pengetahuan. Lihat Margaret & James Stutly (1977), *A Dictionary of Hinduism: It's Mythology, Foklore and Development 1500B.C – A.D 1500*. London: Roulledge and Kegan Paul Ltd., h. 328.

⁹⁵ *Ibid.*, h. 312.

⁹⁶ Menurut Paula R.Hartz, Taosime berasaskan ajaran Lao Tze (575-485 SM). Ajarannya terkandung dalam bukunya *TaoTe Ching* yang bermakna Jalan dan Kekuasaan. Ia adalah himpunan 81 puisi pendek dan para sarjana percaya ia adalah himpunan daripada pelbagai himpunan puisi yang ditulis oleh ramai orang. Ia mengandungi undang-undang, nasihat dan cara bagaimana untuk mentadbir masyarakat dan negara. Lihat Paula R.Hartz (1993), *Taoism World Religions*. U.S.A: Fact on File, Inc., h. 8.

⁹⁷ Foster Stockwell (1996), *Religion in China Today*. Beijing, China: New World Press, h. 59.

menggarap aspek etika dan moral adalah *Wu-Wei* yang bermaksud cara bukan tindakan. Ia dihuraikan sebagai melakukan sesuatu tindakan bukan untuk diri sendiri sahaja, malah atas sebab umum. Cara bukan tindakan adalah konsep kehidupan yang sederhana, bebas dan tidak dikongkong oleh hawa nafsu.⁹⁸ Akibat daripada amalan ini dapat membentuk unsur dalaman dan luaran individu yang seimbang selari dengan keperluan keluarga, masyarakat dan negara.

Seterusnya bagi agama Kristian, agama yang berasaskan kepada kitab Injil (*Bible*). Kitab ini adalah himpunan kitab-kitab yang dianggap suci oleh orang Kristian yang bermaksud khabar yang menggembirakan. Antara aspek etika dan moral yang disentuh oleh agama ini adalah mengenai sepuluh rukun (*The Ten Commandments*).⁹⁹ Ia menjelaskan tentang suruhan dan larangan yang menjadi sebahagian penting ajaran Kristian. Empat rukun yang pertama adalah berkaitan dengan etika manusia dengan Tuhan, manakala selebihnya menyentuh soal-soal kemasyarakatan dalam kehidupan manusia iaitu, aku Tuhan kamu, kamu tidak akan menyembah Tuhan-tuhan selain Aku, jangan salah gunakan nama Tuhan kamu, ingat hari *Sabbath* dan jadikannya hari mulia, hormati ibu bapa kamu, kamu tidak boleh membunuh, kamu tidak boleh berzina, kamu tidak boleh mencuri, kamu tidak boleh menjadi saksi palsu dan kamu tidak boleh tamak dengan hak orang lain.¹⁰⁰

Selain itu menurut Keith Ward, ajaran Kristian dan moral memang tidak dapat dipisahkan. Beliau mengulas intipati yang terdapat dalam sepuluh rukun sepertimana dicatatkan dalam kitab Injil yang melarang tindakan membunuh orang lain, merampas dan mencuri harta orang tanpa hak. Setiap orang menurut beliau harus berkongsi kekayaan dengan cara yang lebih positif dan berhemah. Kitab Injil juga menyarankan

⁹⁸ Milon Nandy (1996), *The Profound Teachings of Buddhism, Taoism, Confucianism and Shintoism*. Kuala Lumpur: Eurasian-Pacific Books, h. 58.

⁹⁹ *The Bible* (1965), New York: Simon and Schuster. Inc., h. 107.

¹⁰⁰ Stephen F. Brown (1991), *Christianity World Religions*. U.S.A: Fact on File, Inc., h. 19.

manusia bertanggungjawab terhadap alam semesta seperti belas kasihan kepada haiwan kerana mereka juga adalah makhluk yang diberikan nafas oleh Tuhan. Inilah konsep etika dan moral bersifat universal yang dianjurkan oleh Kristian.¹⁰¹

Kesimpulannya, dari huraian di atas dapatlah difahami bahawa keperluan pembangunan etika dan moral di kalangan pelajar adalah penting sama ada dari perspektif etika dan moral, akhlak, mahupun etika agama. Para pelajar yang memahami keperluan etika dan moral dalam kehidupan mereka akan dapat menjalani proses pengajaran dan pembelajaran dengan baik dan berkesan. Keperluan pembangunan etika dan moral telah dipersetujui oleh ramai sarjana seperti yang dibincangkan sebelum ini dan kegagalan dalam menerapkan kefahaman ini akan mengakibatkan berlakunya masalah sosial di kalangan pelajar. Perbincangan seterusnya akan melihat kepentingan etika dan moral di kalangan pelajar.

2.2.1 Kepentingan Etika dan Moral

Kepentingan pembangunan etika dan moral pada masa kini telah banyak dibincangkan, misalnya Suffean Hussin mendapati pendidikan di Malaysia memberikan penumpuan kepada pendidikan tinggi ke arah pembangunan negara. Beliau memetik kata-kata Farquhar menggambarkan universiti adalah institusi unggul dan unik yang memainkan tiga peranan utama iaitu melahirkan golongan sarjana dan ilmuwan, untuk menjalankan penyelidikan bagi mencari kebenaran dan untuk menjadi pemimpin dalam memanfaatkan ilmu bagi pembangunan masyarakat.¹⁰² Oleh itu aspek kepimpinan merupakan salah satu elemen penting yang terdapat di dalam pembangunan etika dan moral dalam membentuk peribadi pelajar.

¹⁰¹ Kieth Ward (2000), *Christianity: A Short Introduction*. England: Oneworld Publications, h. 126-127.

¹⁰² Suffean Hussin (2004), *Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 380.

Selain itu, Abdul Rahim Abd Rashid juga dalam bukunya *Nilai-nilai Murni Dalam Pendidikan* mendapati pembentukan sahsiah, moral, tingkah laku dan pembudayaan individu adalah amat penting dalam sistem pendidikan negara kita. Menurut beliau lagi, pendidikan dan persekolahan di negara membangun khususnya di Malaysia menekankan kepada keperluan terhadap penerapan dan pemupukan nilai-nilai murni yang memberikan kesan positif pembangunan diri pelajar.¹⁰³

Manakala, Mardzelah Maksin dalam bukunya *Sains Pemikiran dan Etika* mendapati peranan etika sama pentingnya dengan cabang ilmu yang lain seperti falsafah dan pemikiran. Memahami etika menurut beliau dapat membantu individu membuat penilaian ke atas masalah yang dihadapi dalam sistem kehidupan, terutamanya dalam amalan-amalan pengurusan, perniagaan dan juga proses pendidikan di Malaysia. Beliau menambah, peranan sains pemikiran dan etika dalam pembentukan paradigma pemikiran bersepadu di Malaysia telah diwujudkan melalui Rukun Negara, Wawasan 2020, Islam Hadhari dan pendidikan di Malaysia.¹⁰⁴

Sufean Hussin dalam bukunya yang lain, *Dasar Pembangunan Pendidikan di Malaysia* berpendapat bahawa dalam menggubal sesuatu dasar dalam negara termasuklah di dalam bidang pendidikan, konsep tauhid perlu dijadikan kerangka akhlak dalam pentadbiran Islam. Selain itu, terdapat prinsip-prinsip lain yang perlu diambil perhatian seperti prinsip integrasi agama-politik, prinsip kepimpinan berakhlak, prinsip uniti sejagat dan juga prinsip jujur dan amanah.¹⁰⁵ Semua perkara tersebut termasuk di dalam bidang etika dan moral yang diperlukan dalam usaha membangunkan peribadi dan jiwa yang murni di kalangan pelajar.

¹⁰³ Abd Rahim Abd Rashid (2001), *Nilai-nilai Murni Dalam Pendidikan: Menghadapi Perubahan dan Cabaran Alaf Baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., h. 23.

¹⁰⁴ Mardzelah Maksin (2007), *op. cit.*, 15.

¹⁰⁵ Suffean Hussin (2002), *Dasar Pembangunan Pendidikan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 48-50.

Bagi menggambarkan kepentingan terhadap pembangunan etika dan moral di dalam sistem pendidikan di Malaysia, Abdullah Sani Yahaya menghuraikan Falsafah Pendidikan Negara antara lain bertujuan melahirkan rakyat Malaysia yang berakhlak mulia. Ini dijelaskan dengan perlunya masyarakat Malaysia memiliki tingkah laku dan budi pekerti yang baik, berdisiplin, mengamalkan prinsip-prinsip perpaduan, kesopanan dan kesusilaan yang didorongkan dalam diri. Proses pembentukan akhlak ini menurut beliau mestilah berteraskan ilmu, keyakinan dan amalan.¹⁰⁶ Pandangan ini turut disokong oleh Abdul Fatah Hasan apabila beliau menjelaskan tujuan pendidikan di Malaysia adalah rentetan daripada beberapa dasar yang telah menyumbang kepada lahirnya Falsafah Pendidikan Negara iaitu Perlembagaan Persekutuan, Rukun Negara, Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pelajaran Kebangsaan. Oleh itu pendidikan mempunyai tanggungjawab dalam menerangkan perkembangan nilai-nilai moral yang baik kepada generasi muda, terutamanya pelajar.¹⁰⁷

Kepentingan konsep insan dan implikasinya dalam pendidikan telah dijelaskan oleh Mohd Idris Jauzi. Beliau berpendapat bahawa pendidikan adalah proses penyuburan potensi insan sepanjang hayat yang meliputi aspek rohani, psikologi, intelek, jasmani dan emosi. Ini adalah bertujuan untuk merealisasikan statusnya dan kedudukannya sebagai hamba dan khalifah Tuhan di muka bumi ini. Selain itu, beliau memetik pandangan Robert M. Hutchins yang mendapati apabila pendidikan hanya bertujuan untuk membina tenaga kerja dan bukannya untuk merealisasikan potensi insan itu sendiri maka pendidikan demikian menjadi *inhuman, nonhuman and antihuman*. Berlakunya banyak masalah sosial di serata dunia adalah berpunca daripada terhakisnya nilai-nilai insaniah di kalangan masyarakat.¹⁰⁸

¹⁰⁶ Abdullah Sani Yahaya (2003), *Perkembangan Pendidikan di Malaysia*. Selangor: PTS Publications and Distributors Sdn. Bhd., h. 57.

¹⁰⁷ Abdul Fatah Hasan (2003), *Pengenalan Falsafah Pendidikan*. Selangor: PTS Publications and Distributors Sdn. Bhd., h. 146.

¹⁰⁸ Mohd Idris Jauzi (1991), "Konsep Insan dan Implikasi Kepada Pendidikan", dalam Mohd Idris Jauzi (ed.), *Reformasi Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, h. 133.

Wan Mohd Nor pula mendapati idea-idea yang diberikan oleh al-Attas dalam mendefinisikan *insan adabi* adalah menarik. Beliau menjelaskan bahawa orang yang terpelajar adalah orang baik. Baik yang dimaksudkan di sini adalah adab dalam pengertian yang menyeluruh meliputi kehidupan spritual dan material seseorang serta berusaha menanamkan kualiti kebaikan yang diterimanya. Ini dapat dilihat dalam tulisannya yang berbunyi:

*Orang baik adalah orang yang insaf sepenuhnya tanggungjawab dirinya kepada Tuhan Yang Hak, yang memahami dan menyelenggarakan penunaian keadilan dirinya dan diri-diri lain dalam masyarakatnya, yang terus berupaya meningkatkan setiap aspek dalam dirinya menuju kesempurnaan sebagai insan adabi.*¹⁰⁹

Berdasarkan petikan di atas boleh difahami bahawa peranan pendidikan dalam melahirkan pelajar yang beradab dalam konteks hubungan sesama manusia berlandaskan norma dan etika amatlah penting. Oleh itu, pendapat yang dinyatakan sebelum ini adalah seiring dengan hasrat pendidikan negara dalam menyediakan keperluan modal insan.

Kepentingan etika dan moral dalam pembangunan modal insan turut mempunyai kaitan yang rapat. Sidek Baba telah menjelaskan bahawa kualiti modal insan bergantung kepada kekuatan ilmu dan kecanggihan ketrampilan yang dimiliki oleh seseorang. Masyarakat yang maju memberikan fokus yang tinggi terhadap pembangunan modal insan. Beliau menambah, sistem pendidikan yang ditawarkan terutamanya di peringkat tinggi mampu menyediakan keperluan dan melahirkan modal insan yang relevan dengan perkembangan sains dan teknologi. Ini sesuai dengan fahaman Islam terhadap insan iaitu dalam konteks warga yang baik di mana utiliti manusia bukan saja dihubungkan

¹⁰⁹ Wan Mohd Nor Wan Daud (2005), *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed M. Naquib Al-Attas: Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 117.

dengan kekuatan pemikiran dan ilmunya tetapi termasuk juga kekuatan peribadi yang dimilikinya.¹¹⁰

Mohd. Salleh Lebar pula berpendapat kepentingan pembangunan etika dan moral di kalangan pelajar adalah lanjutan daripada pengenalan subjek pendidikan Islam dan Moral yang diperkenalkan di peringkat sekolah rendah dan menengah. Usaha ini harus diteruskan di peringkat pengajian tinggi. Menurut beliau, pendidikan tidak boleh dipisahkan dengan agama, sebab itulah Falsafah Pendidikan Negara memasukkan unsur-unsur pendidikan agama Islam dan moral bagi melahirkan pelajar yang seimbang, bertanggungjawab dan boleh menjadi contoh kepada seluruh masyarakat.¹¹¹

Ini disokong oleh Abd Rahim Abd Rashid yang mendapati nilai-nilai asas dalam pendidikan merangkumi aspek kewarganegaraan, patriotisme, kebangsaan, moral dan etika, budaya dan kemanusiaan. Justeru, nilai moral dan etika dalam pendidikan bertujuan memperkukuhkan pembinaan peribadi generasi muda supaya mempunyai kesedaran, dorongan dan sedia mempertahankan amalan dan tindak tanduk yang baik dalam kehidupan mereka. Dengan memupuk nilai moral dan etika golongan muda seharusnya akan menolak segala bentuk kemungkaran dan penyelewengan. Ini selaras dengan matlamat membentuk masyarakat yang bersih dan bebas daripada rasuah dan jenayah, berhemah tinggi, bertamadun dan melahirkan individu yang bertanggungjawab. Nilai moral dan etika ini harus dipupuk sejak di rumah dalam kehidupan keluarga, di sekolah dan dalam masyarakat.¹¹²

¹¹⁰ Sidek Baba (2007), "Pembangunan Modal Insan dalam Pembangunan Negara" (Kertas Kerja Seminar Pembangunan Insan Di Malaysia di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 8 Januari 2007), h. 7.

¹¹¹ Mohd. Salleh Lebar (1996), *Perkembangan dan Haluan Kurikulum Pendidikan Malaysia*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd., h. 33.

¹¹² Abd Rahim Abd Rashid (2001), *op. cit.*, h. 23.

Menurut W.F. Connel dalam bukunya *Asas Pendidikan* menyatakan antara lain tujuan pendidikan adalah untuk membantu perkembangan emosi dan rohani yang sihat. Oleh itu, pendidikan dapat membangunkan potensi pelajar supaya dapat menghayati prinsip moral serta membina tingkah laku berdasarkan prinsip tersebut. Dalam konteks pelajar di institut pengajian tinggi, keseimbangan dua elemen iaitu emosi dan rohani adalah penting dalam proses pelajaran dan pembelajaran yang diikuti oleh mereka.¹¹³

Manakala Ramlah Abas pula menjelaskan Dasar Sosial Negara yang telah dilancarkan pada tahun 2004 turut menyentuh aspek kepentingan pembangunan etika dan moral. Ini dapat dilihat melalui pernyataan matlamatnya yang berbunyi:

*Dasar Sosial Negara bertujuan mewujudkan sebuah masyarakat yang maju dan mantap dari segi sosial, ekonomi dan teknologi dengan setiap anggota masyarakat berpeluang serta berkeinginan untuk memperkembangkan potensi diri secara optimum di dalam persekitaran sosial yang sihat berdasarkan ciri-ciri bersatu padu, berdaya tahan, demokratik, bermoral, bertoleransi, progresif, penyanyang, adil dan saksama selaras dengan matlamat Wawasan 2020.*¹¹⁴

Beliau mengulas dasar yang telah diperkenalkan itu bukan sahaja memberikan penumpuan kepada aspek yang boleh diukur semata-mata, bahkan penekanan harus juga diberikan kepada aspek kualitatif seperti kemantapan sosial, nilai-nilai moral, kekuatan intelektual dan budaya. Sebuah negara yang maju perlu juga dilihat dalam perspektif kemanusiaan yang merangkumi dimensi kesejahteraan rohani, jasmani dan alam fizikal.¹¹⁵

Selain itu menurut Ghazali Darusalam, Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang telah direka cipta menjadi tunjang kepada sistem pendidikan secara keseluruhannya. Ia juga merupakan manifestasi pernyataan falsafah matlamat negara di samping menjadi

¹¹³ W.F. Connel (1981), *Asas Pendidikan*. Fatimah Mohamed (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 131.

¹¹⁴ Ramlah Abas (2005), "Dasar Sosial Negara" (Kertas Kerja Konvensyen Kebangsaan Kecemerlangan Sosial dan Pembangunan Komuniti di Hotel Equatorial, Banda Hilir Melaka, 16-17 Mei 2005), h. 198.

¹¹⁵ *Ibid.*

asas terbinanya beberapa matlamat pendidikan yang menjadi hala tuju ke arah mana ingin dibentuknya warganegara bagi sesebuah negara. Kepentingan etika dan moral turut diketengahkan dan menjadi aspirasi pendidikan negara. Menurut beliau lagi, segala aktiviti, strategi, kurikulum, pedagogi dan pendekatan pendidikan akan dikawal melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan¹¹⁶ agar wawasan yang diinginkan akan tercapai.¹¹⁷

Tam Yeow Kwai menjelaskan bahawa kepentingan pendidikan moral yang diperkenalkan kepada para pelajar di semua peringkat adalah selaras dengan kehendak Rukun Negara¹¹⁸ yang menekankan kepada lima prinsip yang mesti dipegang oleh setiap warga negara. Penghayatan terhadap setiap prinsip yang digariskan menunjukkan betapa pentingnya nilai etika dan moral dalam kehidupan seharian. Ia juga mampu memberikan garis panduan dalam menimbang sesuatu perbuatan itu sama ada ianya diterima atau ditolak oleh masyarakat.¹¹⁹

Selain itu, kepentingan etika dan moral di kalangan pelajar juga adalah sejajar dengan Wawasan 2020.¹²⁰ Terdapat sembilan cabaran¹²¹ yang digariskan dan cabaran ke

¹¹⁶ Menurut Ghazali, secara dasarnya Falsafah Pendidikan Kebangsaan (dulunya Falsafah Pendidikan Negara) menekankan aspek-aspek seperti warganegara yang baik, unsur intelek, unsur rohani dan emosi dan juga unsur jasmani. Kesemua elemen yang dinyatakan sebelum ini juga berteraskan pendidikan agama adalah memberi fokus kepada usaha pembangunan manusia. Dengan itu secara tidak langsung ia telah menghapuskan pengaruh dualisme dan sekularisme dalam sistem pendidikan negara sekali gus mengikis pengaruh pendidikan kolonialisme. Lihat Ghazali Darusalam (2004), *Pedagogi Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd., h. 169.

¹¹⁷ *Ibid.*, h. 170.

¹¹⁸ Prinsip Rukun Negara adalah seperti berikut, kepercayaan kepada Tuhan, kesetiaan kepada Raja dan Negara, keluhuran perlembagaan, kedaulatan undang-undang dan kesopanan dan kesusilaan.

¹¹⁹ Tam Yeow Kwai (2006), *Pendidikan Moral: Konsep dan Pedagogi Pendidikan Moral untuk Pelajar-pelajar KPLI, LPBS dan PISMP Maktab-maktab Perguruan*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd., h. 55.

¹²⁰ Wawasan 2020 telah dilancarkan oleh YAB Datuk Seri Dr. Mahathir bin Mohamad (mantan Perdana Menteri Malaysia) pada 28 Februari 1991 sempena persidangan pertama Majlis Perdagangan Malaysia di Kuala Lumpur. Lihat *Wawasan 2020* (1991), terjemahan dari teks asal bertajuk 'Malaysia: The Way Forward'. Kuala Lumpur: Biro Tatanegara, Jabatan Perdana Menteri Malaysia, h. 2.

¹²¹ Sembilan cabaran di dalam Wawasan 2020 iaitu:

- i. Mewujudkan negara Malaysia yang bersatu yang mempunyai matlamat yang dikongsi bersama.
- ii. Mewujudkan sebuah masyarakat yang berjiwa bebas, tenteram dan maju, dengan keyakinan akan keupayaan sendiri, berbangga dengan apa yang ada, dengan apa yang telah dicapai, cukup gagah menghadapi pelbagai masalah.
- iii. Mewujudkan dan membangunkan masyarakat demokratik yang matang, yang mengamalkan satu bentuk demokrasi Malaysia yang mempunyai persefahaman matang, berasaskan masyarakat yang boleh menjadi contoh kepada beberapa banyak negara membangun.
- iv. Mewujudkan masyarakat yang sepenuhnya bermoral dan beretika, dengan warganegaranya teguh dalam nilai agama dan kerohanian dan didokong oleh nilai etika yang tinggi.
- v. Mewujudkan masyarakat liberal dan bertolak ansur, dengan rakyat Malaysia pelbagai kaum bebas mengamalkan adat, kebudayaan dan kepercayaan agama mereka dan pada masa yang sama meletakkan kesetiaan mereka kepada satu negara.

empat ada menyebutkan, cabaran untuk mewujudkan masyarakat yang sepenuhnya bermoral dan beretika, dengan warganegaranya teguh dalam nilai agama dan kerohanian dan didokong oleh nilai etika yang tinggi. Ini dapat membantu perkembangan sahsiah diri pelajar yang lebih berdaya saing dalam semua aspek kehidupan tanpa mengeneipkan akhlak, nilai-nilai moral dan adat ketimuran.

Seterusnya Nik Mustapha Nik Hassan berpendapat akhlak yang sempurna menjamin keadilan sosial. Menghayati akhlak mulia dalam menjalani tugas dan kehidupan adalah penting dan perlu untuk membimbing individu termasuk ahli politik, korporat dan pentadbir dalam urusan masyarakat dan negara. Menurut beliau lagi, Islam mempunyai asas akhlak yang tersendiri bersumberkan daripada semangat falsafah tauhid. Akhlak membicarakan mengenai sistem perilaku ditentukan Allah SWT untuk manusia dalam menjalani kehidupannya.¹²²

Kenyataan ini juga seiring dengan pandangan Sivamurugan Pandian yang mendapati bahawa pembentukan identiti remaja berkait rapat dengan latar belakang agama seseorang. Didikan agama penting supaya perkembangan sendiri seseorang itu seimbang, bukan semata-mata mengutamakan pencapaian di dalam bidang tertentu sehingga mengabaikan pembentukan akidah. Dalam pada itu, ibu bapa perlu peka dengan keperluan serta persekitaran remaja ini. Pemantauan yang berterusan oleh ibu bapa akan melahirkan remaja yang berkualiti, bukan sahaja cemerlang di dalam bidang akademik tetapi seimbang dari segi memiliki peribadi unggul.¹²³

-
- vi. Mewujudkan masyarakat saintifik dan progresif, masyarakat yang mempunyai daya perubahan tinggi dan berpandangan ke depan, yang bukan sahaja menjadi pengguna teknologi tetapi penyumbang kepada tamadun saintifik dan teknologi masa depan.
 - vii. Mewujudkan masyarakat penyayang dan budaya menyayangi, iaitu sistem sosial yang mementingkan masyarakat lebih dari diri sendiri, dengan kebajikan insan tidak berkisar pada negara atau orang perseorangan tetapi di sekeliling sistem keluarga yang kukuh.
 - viii. Memastikan masyarakat yang adil dalam bidang ekonomi.

¹²² Nik Mustapha Nik Hassan (2008) "Akhlak Sempurna Jamin Keadilan Sosial". *Berita Harian*, 4 Mac, h. 13.

¹²³ Sivamurugan Pandian (2005) "Punca Remaja Jadi Penjenayah". *Berita Harian*, 14 Julai, h. 23.

Abdul Monir Yaakob pula menjelaskan kepentingan etika dan moral, termasuklah juga akhlak itu sendiri dapat mengurangkan masalah kecurangan dalam kerjaya profesional di negara kita. Menurut beliau dalam usaha untuk memantapkan ketinggian akhlak dalam kerjaya profesional, beberapa langkah perlu diambil pertamanya, mewujudkan satu suasana pembelajaran yang bersih dari segala faktor yang merangsang keruntuhan akhlak di kalangan pelajar sama ada di peringkat sekolah rendah, menengah ataupun institusi pengajian tinggi. Keduanya, kegiatan kokurikulum hendaklah seiring dan selaras dengan usaha serta matlamat untuk memupuk rohaniah, kecintaan kepada Yang Maha Pencipta dan juga menanam komitmen yang kuat kepada nilai-nilai akhlak yang mulia. Ketiganya, di peringkat pengajian tinggi pula, boleh diserapkan subjek etika profesional dari kaca mata Islam, dengan pelbagai huraian terhadap konsep, falsafah dan amalan bekerja menurut Islam serta langkah-langkah pengukuhanannya menurut bidang-bidang kerjaya yang tertentu. Beliau juga menekankan setiap ciri dan nilai yang dapat membentuk akhlak yang mulia dalam diri individu atau profesional hendaklah dipupuk supaya akhlak itu menjadi amalan sama ada dalam masyarakat atau di tempat kerja.¹²⁴

Muhammad Quṭb menghuraikan asas pembangunan Islam juga menekankan bidang akhlak sebagai landasan utama terutama dalam bidang sosialnya. Islam membina dengan sempurna masyarakat yang bersatu padu, bermula dengan memperbaiki kehidupan kekeluargaan dan kemudian melanjutkan kebaikan penyatuan ini kepada kehidupan masyarakat keseluruhannya. Sebagai pelajar, mereka adalah unit dalam keluarga yang diasaskan oleh pertimbangan moral serta bersumberkan daripadanya. Mencintai anggota lain dalam masyarakat, menghormati hak mereka, mengambil berat

¹²⁴ Abdul Monir Yaakob (2005), "Pertembungan Akhlak Dengan Etika", dalam Abdul Monir Yaakob & Norhanizah Ismail (ed.), *Islam Hadhari: Himpunan Isu-isu Kontemporari*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, h. 59.

kebajikan dan reputasi mereka merupakan perintah Allah SWT.¹²⁵ Allah SWT berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اجْتَنِبُوا كَثِيرًا مِّنَ الظَّنِّ إِنَّ بَعْضَ الظَّنِّ إِثْمٌ وَلَا تَجَسَّسُوا وَلَا يَغْتَبَ بَّعْضُكُم بَعْضًا أَتُحِبُّ أَحَدُكُمْ أَن يَأْكُلَ لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا فَكَرِهْتُمُوهُ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ تَوَّابٌ رَّحِيمٌ ﴿١٢﴾

Maksudnya;

“Hai orang-orang yang beriman, jauhilah kebanyakan purba-sangka (kecurigaan), kerana sebahagian dari purba-sangka itu dosa. Dan janganlah mencari-cari keburukan orang dan janganlah menggunjingkan satu sama lain. Adakah seorang di antara kamu yang suka memakan daging saudaranya yang sudah mati? Maka tentulah kamu merasa jijik kepadanya. Dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Penerima Taubat lagi Maha Penyayang.”

Surah al-Hujurāt (49): 12

Beliau menghuraikan ayat di atas adalah penggerak kepada pembangunan etika dan moral di kalangan individu, yang bermula dengan keluarga sebagai satu unit yang pertama. Ia berlanjutan sehingga menjadi keluarga yang berkembang dan menyeluruh kepada masyarakat.¹²⁶

Elwyn Thomas menjelaskan, kesedaran tentang pentingnya moral dan etika di kalangan pelajar adalah lanjutan daripada interaksi budaya yang dipegang oleh sesebuah masyarakat. Pendidikan moral pula bermula apabila golongan muda dan tua mengakui nilai yang dipegang oleh mereka dan perubahan nilai yang berlaku dalam masyarakat yang dihuni oleh mereka. Cara bagaimana kanak-kanak itu belajar memahami dan menghakimi sesuatu nilai dalam masyarakat adalah salah satu faktor penting dalam

¹²⁵ Muhammad Qutb (1994), “Asas Pembangunan Islam”, dalam Syed Omar Syed Agil (terj.) *Islam dan Pembangunan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 12.

¹²⁶ *Ibid.*, h. 13

proses pendidikan dan latihan moral. Oleh itu, menurut beliau dalam hal ini peranan institusi pendidikan seperti sekolah amat perlu.¹²⁷

Masruhan pula berpandangan pembentukan generasi yang gemilang adalah bermula dari tanggungjawab ibu bapa yang dilaksanakan dengan baik. Contoh teladan atau *uswah hasanah* yang ditunjukkan oleh ibu bapa merupakan proses pendidikan tidak rasmi yang diikuti oleh anak-anak mereka. Kepentingan mengasuh anak-anak dengan nilai akhlak terpuji adalah tuntutan agama. Beliau memetik intisari ayat al-Quran melalui surah Luqmān ayat 13 yang memberikan petunjuk kepada ibu bapa tentang kewajipan mendidik anak-anak.¹²⁸ Firman Allah SWT:

وَإِذْ قَالَ لُقْمَانُ لِابْنِهِ وَهُوَ يَعِظُهُ يَا بُنَيَّ لَا تُشْرِكْ بِاللَّهِ إِنَّ الشِّرْكَ
لَظُلْمٌ عَظِيمٌ ﴿١٣﴾

Maksudnya:

“Dan (Ingatlah) ketika Luqmān berkata kepada anaknya, di waktu ia memberi pelajaran kepadanya: "Hai anakku, janganlah kamu mempersekutukan Allah, sesungguhnya mempersekutukan (Allah) adalah benar-benar kezaliman yang besar.”

Surah Luqmān (31): 13

Berdasarkan ayat di atas bolehlah difahami bahawa proses mendidik anak-anak amatlah penting. Adalah menjadi tanggungjawab ibu bapa untuk memberikan didikan ilmu agama kepada anak-anak mereka. Asas tauhid yang kuat dapat melahirkan generasi yang berilmu dan berakhlak mulia.

¹²⁷ Elwyn Thomas (1992), “Moral Development, Cultural Context and Moral Education”, dalam Chong Kim Chong (ed.), *Moral Perspectives*, Singapore: Singapore University Press, h. 48.

¹²⁸ Masruhan K. Chotib (2001), *Pembentukan Generasi Gemilang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1.

Kepentingan etika dan moral di kalangan pelajar juga mempunyai kaitan yang rapat terhadap pembentukan kemahiran insaniah¹²⁹ dalam diri mereka. Kemahiran ini amat penting dalam menyediakan diri mereka dengan pelbagai kemahiran yang dapat digunakan dalam kehidupan seharian dan juga semasa di alam perkerjaan kelak. Keperluan terhadap modal insan berkualiti amat penting dalam kebolehpasaran kerja masa kini.

Terdapat beberapa tulisan berkaitan dengan kemahiran insaniah (*generic skill*) telah dibincangkan, di antaranya Venetsanopoulos menjelaskan jurutera yang bekerja dibayar berdasarkan kepakaran mereka di dalam tugas berkaitan peralatan kejuruteraan dan kebolehan untuk menguasai perubahan teknologi yang bergerak pantas. Namun, beliau mengatakan pakar-pakar berpendapat bahawa kemahiran lain yang lebih penting dikuasai oleh jurutera di antaranya melengkapkan diri dengan *soft skill*.¹³⁰

Begitu juga dengan pandangan Snow, M yang mendapati kepentingan jurutera menghargai alam sekitar dengan mengaplikasikan kaedah kitar dan guna semula di dalam teknologi berkaitan penggunaan tanah di kawasan awam. Justeru, beliau berpendapat orang awam telah sedar dan mengkaji semula penggunaan teknologi sedia ada melangkaui kompetensi, kesedaran dan kebolehan teknikal, di samping memberi keutamaan kepada iaitu kemahiran insaniah di dalam kehidupan seharian mereka.¹³¹ Oleh itu bolehlah difahami kepentingan etika dan moral di kalangan pelajar amat

¹²⁹ Perkataan 'kemahiran' adalah berasal dari perkataan mahir. Menurut Teuku Iskandar, 'mahir' bererti terlatih untuk mengerjakan sesuatu, cekap, lancar dan pandai. Manakala 'kemahiran' bermaksud kecekapan ataupun kepandaian. Lihat Teuku Iskandar (1991), *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 783. Di dalam bahasa Inggeris, kamus *Cambridge International Dictionary of English* mahir disebut sebagai 'skill' yang membawa makna *a special ability to do something*. Lihat Paul Procter (1997), *Cambridge International Dictionary of English*. Cambridge: Cambridge University Press, h. 1346. Dari segi istilah, kemahiran insaniah bermaksud kemahiran generik atau di dalam bahasa Inggeris ia membawa makna '*soft skill*' ataupun '*generic skill*'. Kemahiran insaniah ini merangkumi kemahiran generik yang melibatkan pelbagai elemen seperti elemen kognitif berkaitan dengan kemahiran bukan akademik seperti nilai positif, kepimpinan, kerjasama berpasukan, komunikasi dan pembelajaran berterusan. Lihat *Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skill) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia* (2006), Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia, h. 5.

¹³⁰ Lihat Venetsanopoulos, A. (2004), "An Advice to Young Engineers", dalam *IEEE Signal Processing Magazine*. Bil. 21, Isu 4, Julai 2004, Canada: University of Toronto, h. 10-12.

¹³¹ Lihat juga Snow, M. (2004), "Asking For More 'Soft' Skill From Engineers", dalam *Public Work*. Bil. 135, Isu 7, Jun 2004, Ottawa: Golder Associates, h. 59-61.

diperlukan ke arah penyediaan tenaga kerja berkualiti bagi memenuhi tuntutan masyarakat dan negara.

Sebagai kesimpulannya, kepentingan etika dan moral di kalangan pelajar adalah merupakan perkara utama dalam membentuk generasi yang berilmu dan berbudaya. Kecemerlangan akademik semata-mata tidak dapat menggambarkan kecemerlangan hidup dalam sesebuah masyarakat. Sebenarnya, penghayatan terhadap nilai-nilai etika dan moral sama ada yang diperoleh daripada proses pendidikan ataupun ajaran agama turut menyumbang kepada keharmonian hidup.

2.2.2 Sumber Etika dan Moral Dalam Islam

Islam adalah agama fitrah dan secara umumnya menerima setiap perbuatan yang sesuai dengan tabiat semulajadi manusia pada sepanjang masa dan zaman. Setiap perbuatan yang baik diterima oleh Islam selagi ianya tidak bertentangan dengan akidah, syariah dan akhlak Islam. Sehubungan itu, dalam bahagian ini pengkaji akan membincangkan sumber etika dan moral dalam Islam. Di samping itu, pengkaji juga akan menghubungkan etika dan moral dalam Islam dengan pembangunan insan dalam konteks pembangunan etika dan moral pelajar. Dalam perbincangan ini, pengkaji menggunakan perkataan akhlak Islam selain daripada etika dan moral Islam dan keduanya itu menunjukkan makna yang sama seperti yang dibincangkan dalam definisi tajuk kajian sebelum ini.

Terdapat dua sumber utama kepada etika dan moral dalam Islam iaitu al-Quran dan hadith. Al-Quran merupakan sumber utama akhlak. Di dalam al-Quran terkandung ayat-ayat yang menyentuh tentang kemuliaan akhlak serta kepentingannya. Ini

menunjukkan bahawa akhlak adalah di antara aspek utama yang perlu dititikberatkan oleh setiap individu muslim.¹³² Firman Allah SWT:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ﴿٤﴾

Maksudnya:

“Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang amat mulia”

Surah al-Qalam 68: 4

Selain itu juga, al-Quran adalah kalam Allah SWT yang *mu’jiz* yang diturunkan ke atas Rasul yang terakhir dengan perantaraan malaikat Jibril yang tertulis di dalam mushaf yang dipindahkan kepada kita secara *tawātur* menjadi ibadat membacanya yang dimulai dengan surah al-Fatihah dan disudahi dengan surah an-Nas.¹³³ Oleh itu, sewajarnya al-Quran menjadi panduan kepada seluruh manusia untuk melakukan perbuatan baik yang menyumbang kepada pembangunan akhlak Islam dalam kehidupan.

Islam pada hakikatnya adalah agama yang mempunyai ikatan yang kukuh antara pencipta dan ciptaan-Nya. Oleh itu panduan utama umat Islam ialah al-Quran selaku perlembagaan dan asasnya perjalanan hidup manusia dalam segala aspek sebagai seorang hamba. Dalam hal ini Allah SWT menyeru supaya berpegang teguh dengan ajaran al-Quran dalam firmanNya:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا ۚ وَادْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ

¹³² Muḥammad ‘Abd Allāh Darrāz (1982), *Dustūr al-Akhlāq fī al-Qurān Dirāsah Muqāranah fī al-Akhlāq al-Nazariyyah fī al-Qurān*. Muassasah al-Risālah, h. 207.

¹³³ Al-Ṣabūnī, Muḥammad ‘Alī (1985), *al-Tibyān fī ‘Ulūmi al-Qurān*. Beirut: ‘Ālam al-Kutub h. 8.

إِخْوَانًا وَكُنْتُمْ عَلَىٰ شَفَا حُفْرَةٍ مِّنَ النَّارِ فَأَنْقَذَكُم مِّنْهَا ۚ كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ
 اللَّهُ لَكُمْ ءَايَاتِهِ ۚ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٠٣﴾

Maksudnya:

“Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (ugama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai; dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuhan-musuhan (semasa jahiliyah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu-padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara. dan kamu dahulu telah berada di tepi jurang neraka (disebabkan kekufuran kamu semasa jahiliyah), lalu Allah selamatkan kamu dari neraka itu (disebabkan nikmat Islam juga). Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keterangan-Nya, supaya kamu mendapat petunjuk hidayah-Nya”

Surah Āli ‘Imrān (3): 103

Kebanyakan mufassirin berpendapat bahawa *ḥabl Allāh* adalah agama Allah SWT dan al-Quran. Al-Quran mendidik peribadi muslim dengan menekankan keimanan kepada Allah SWT sebagai aspek utama pengajarannya. Untuk tujuan itu, al-Quran mengandungi perintah-perintah dan memberi keyakinan dengan menarik perhatian kepada akal manusia. Al-Quran juga mengandungi prinsip akhlak yang mesti diamalkan oleh setiap muslim supaya melahirkan sifat-sifat mulia. Aishah RA apabila ditanya berkenaan akhlak Nabi telah menjelaskan bahawa sesungguhnya akhlak Nabi adalah al-Quran. Hisham bin Amir berkata, aku datang menemui Aishah RA lalu bertanya wahai Umm al-Mu’minin beritahu padaku tentang akhlak Rasulullah SAW dia menjawab ”sesungguhnya akhlaknya adalah al-Quran.”¹³⁴ Allah SWT menegaskan lagi di dalam ayat yang lain dengan firman-Nya:

وَأَنَّ هَٰذَا صِرَاطِي مُسْتَقِيمًا فَاتَّبِعُوهُ ۚ وَلَا تَتَّبِعُوا السُّبُلَ فَتَفَرَّقَ
 بِكُمْ عَن سَبِيلِهِ ۚ ذَٰلِكُمْ وَصْنُكُمْ بِهٖ ۚ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٥٣﴾

¹³⁴ Ibn Ḥambal, Ahmad. *Musnad al-Imām Ahmad Ibn Ḥambal*. Kaherah: Muassasah Qurtubah. j.6. No. hadis 24645, hlm. 91.

Maksudnya:

“Dan bahawa sesungguhnya inilah jalan-Ku (ugama Islam) yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurutnya; dan janganlah kamu menurut menurut jalan-jalan (yang lain dari Islam), kerana jalan-jalan (yang lain itu) menceraikan kamu dari jalan Allah, dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu bertakwa”

Surah al-An‘am (6): 153

Di samping itu juga, Allah SWT memerintahkan Nabi Muhammad SAW supaya menghiasi diri dengan budi pekerti dan tingkah laku yang mulia dalam setiap bidang hidup. Kerana kemuliaan akhlak adalah merupakan tujuan utama risalahnya sepertimana yang terdapat dalam firman Allah SWT dalam ayat-ayat yang lain seperti surah al-A‘raf ayat 199¹³⁵ dan surah al-Isra’ ayat 53¹³⁶.

Sumber kedua adalah hadith yang menjadi asas kepada pembentukan keperibadian muslim ke arah akhlak yang mulia. Yang dimaksudkan dengan hadith adalah meliputi segala ucapan, perbuatan dan keadaan serta perakuan Rasulullah SAW.¹³⁷ Allah SWT telah mengingatkan kepada manusia untuk mengambil contoh ikutan terbaik daripada diri Rasulullah SAW dan ini telah ditegaskan oleh Allah SWT dalam firman-Nya:

135

خُذِ الْعَفْوَ وَأْمُرْ بِالْعُرْفِ وَأَعْرِضْ عَنِ الْجَاهِلِينَ

Maksudnya:

“Terimalah apa yang mudah engkau lakukan, dan suruhlah dengan perkara yang baik, serta berpalinglah (jangan dihiraukan) orang-orang yang jahil (yang degil Dengan kejahilannya)”

136

وَقُلْ لِعِبَادِي يَقُولُوا الَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ الشَّيْطَانَ يَنْزِعُ بَيْنَهُمْ إِنَّ الشَّيْطَانَ كَانَ لِلْإِنْسَانِ عَدُوًّا مُبِينًا

“Dan katakanlah (Wahai Muhammad) kepada hamba-hambaKu (yang beriman), supaya mereka berkata dengan kata-kata yang amat baik (kepada orang-orang yang menentang kebenaran); Sesungguhnya Syaitan itu sentiasa menghasut di antara mereka (yang mukmin dan yang menentang); Sesungguhnya Syaitan itu adalah musuh yang amat nyata bagi manusia”

¹³⁷ Maḥmūd al-Taḥḥān (1987), *Taysir al-Muṣṭalah al-Hadīth*. Riyadh: Maktabah al-Ma‘ārif, h. 15.

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ
الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ﴿٦٦﴾

Maksudnya:

“Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, Iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredaa) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)”

Surah al-Ahzab (33): 21

Hadith meliputi ucapan, perbuatan, dan keadaan nabi Muhammad SAW. Allah SWT telah memimbing Rasulullah SAW sejak baginda kecil lagi sehinggakan akhlak Nabi Muhammad SAW digelar al-Quran. Seluruh kehidupan Rasulullah SAW telah ditentukan oleh Allah SWT. Justeru Allah SWT telah menjadikan baginda berakhlak dengan akhlak kesempurnaan kitab rabbani.¹³⁸

Akhlak dalam Islam juga dapat menaikkan taraf seseorang ke tahap yang mulia. Ini dapat dilihat melalui hadith-hadith Rasulullah SAW di antaranya sabda Nabi SAW yang bermaksud *“Sesungguhnya orang yang baik di kalangan kamu ialah orang yang paling mulia akhlaknya”*.¹³⁹ Nabi Muhammad SAW juga bersabda yang bermaksud *“Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia”*.¹⁴⁰ Selain itu terdapat hadith lain yang diriwayatkan oleh Anas RA katanya, *“Adalah Rasulullah SAW itu seelok-elok manusia dari segi budi pekerti”*.¹⁴¹ Islam juga menganggap orang yang paling tinggi darjat keimanannya ialah mereka yang paling mulia akhlaknya. Sabda Nabi Rasulullah SAW yang bermaksud:

¹³⁸ al-Ṣibāhī, Aḥmad ‘Aud Allāh (1972), *Akhlaq al-Anbiyā’*. j. 3. Kaheerah: Maṭba‘ah ‘Ābidīn h. 163.

¹³⁹ Abu ‘Abd Allāh Muḥammad Ibn Ismā‘īl Ibn Ibrāhīm al-Mughīrah Ibn Bardizbah al-Bukhārī al-Jugfī. tt. *Ṣaḥīḥ al-Bukhari*. Kitab al-Adab. Bāb Husn al-Khulūq wa al-Sakhā wa ma yakrohu min al-Bukhl. No. Hadith 4. Kaheerah: Dār-al-Hadīth.

¹⁴⁰ Mālik Ibn Anas (1985), *al-Muwatta’*. Muḥammad Fuād ‘Abd al-Bāqī (Editor), j.2 Beirut: Dār Iḥya al-Turāth al-‘Arabī, h. 899.

¹⁴¹ Muslim, Abū al-Ḥusain Muslim b. al-Ḥajjāj bin Muslim al-Qushairi al-Naysabūri al- (1995), *Ṣaḥīḥ Muslim*. Beirut: Dār al-Ma‘ārif. j.8. No. Hadith 5970, h. 70.

*“Orang mukmin yang paling sempurna imannya adalah yang paling baik akhlaknya dan orang yang paling baik di antara kamu ialah yang paling baik terhadap isterinya”*¹⁴²

Jelaslah bahawa keperibadian Rasulullah SAW adalah sebagai contoh teladan yang baik kepada semua manusia umumnya dan kepada umat Islam khususnya. Hal ini dapat dibuktikan melalui tindak tanduk Rasulullah SAW ketika baginda berdepan dengan pelbagai tindakan kasar dari kaumnya. Baginda telah menunjukkan contoh teladan yang baik dan menimbulkan kesan yang positif sama ada pada pihak kawan mahupun lawan.¹⁴³ Ini bertepatan dengan dengan firman Allah SWT:

هُوَ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِأَهْدَىٰ وَدِينٍ أَحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ ﴿٩﴾

Maksudnya:

“Dialah yang telah mengutus Rasul-Nya (Muhammad SAW) dengan membawa hidayah petunjuk dan agama yang benar (ugama Islam), supaya ia memenangkannya dan meninggikannya atas segala agama yang lain, walaupun orang-orang musyrik tidak menyukainya”

Surah al-Saf (61): 9

Al-Quran turut merakamkan kepentingan Rasulullah SAW sebagai sumber kepada akhlak Islam dan ini dapat dilihat dalam firman Allah SWT:

وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٥٦﴾

Maksudnya:

“dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah (s.a.w) kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarang-Nya kamu melakukannya maka patuhilah larangan-Nya. dan bertaqwalah kamu kepada Allah; Sesungguhnya Allah SWT amatlah berat azab seksa-Nya (bagi orang-orang yang melanggar perintah-Nya)”

¹⁴² Tirmidhī, Muḥammad Ibn ‘Isā Ibn Thawrah, al- (1987), *al-Jamī‘ al-Ṣaḥīḥ wa huwa sunan al-Tirmidhī. Kitāb al-Rada’ Bāb mā jā a fi ḥaq al-Mar’ah ‘ala zaujihā*. No hadith 1172. Kaherah: Maṭba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī.

¹⁴³ Faṭḥi Yakan. 1999. *Ma za yakni fi Intimā‘ī al-Islām*. C.15. Beirut: Muassasah al-Risālah. h. 56.

Dalam ayat di atas Allah SWT menyuruh orang Islam supaya mengambil segala apa yang disarankan oleh baginda SAW untuk diamalkan dalam kehidupan sehari-hari manakala segala yang ditegah oleh baginda SAW mestilah ditinggalkan. Dengan melaksanakan suruhan dan tegahan Rasulullah SAW bermaksud seseorang itu telah melakukan satu perbuatan yang berakhlak berdasarkan sumber yang benar iaitu al-Quran dan hadith.

Dan firman Allah SWT seterusnya:

وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَاحْذَرُوا فَإِنْ تَوَلَّيْتُمْ
فَاعْلَمُوا أَنَّمَا عَلَى رَسُولِنَا الْبَلَّغُ الْمُبِينُ ﴿٥٩﴾

Maksudnya:

“dan taatlah kamu kepada Allah serta taatlah kepada Rasul Allah, dan awaslah (janganlah sampai menyalahi perintah Allah dan Rasul-Nya). Oleh itu, jika kamu berpaling (enggan menurut apa yang diperintahkan itu), maka ketahuilah, bahawa sesungguhnya kewajipan Rasul Kami hanyalah menyampaikan (perintah-perintah) dengan jelas nyata”

Dalam ayat di atas, Allah SWT mengingatkan kepada orang Islam agar mematuhi dan taat kepada Allah SWT dan Rasul-Nya. Dalam konteks akhlak Islam, segala perbuatan yang dilakukan mestilah tidak lari daripada dua sumber yang telah dinyatakan iaitu al-Quran dan hadith. Daripada kedua sumber tersebut telah menyediakan panduan berguna dalam perhubungan manusia sesama manusia, alam dan juga hubungannya dengan Allah SWT.

Segala bentuk ajaran dan amalan dalam Islam mestilah bersumberkan kepada al-Quran dan Hadith, yang mencakupi segala perkara yang berkaitan dengan urusan dunia

dan akhirat. Perkara yang berkaitan dengan syariat, akidah, muamalat dan sebagainya terkandung sepenuhnya di dalam kedua-dua sumber tersebut. Al-Quran menekankan konsep keimanan kepada Allah SWT sebagai asas utama pengajarannya. Bagi tujuan ini al-Quran bukan hanya mengandungi perintah-perintah tetapi juga memberikan keyakinan dengan menarik perhatian kepada akal manusia. Al-Quran mengandungi prinsip-prinsip akhlak yang semestinya diamalkan oleh setiap orang Islam dalam kehidupan.¹⁴⁴

Etika Islam ialah etika yang diasaskan daripada sumber-sumber yang komprehensif. Sumber yang paling mutlak dalam etika Islam ialah segala peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT dan rasul. Namun dalam perspektif ini etika Islam tidak menolak sumber-sumber yang berasaskan kepada akal, pengetahuan dan pengalaman manusia kerana ia saling memerlukan di antara satu sama lain. Ini bermakna Islam tidak menolak teori-teori etika yang bersumberkan kepada pengetahuan falsafah. Namun, ia juga tidak menerimanya secara mutlak kerana akal manusia memerlukan bimbingan dari Allah swt sebagai sumber pengetahuan yang tertinggi.¹⁴⁵

Manakala menurut Zakaria Stapa, secara lebih terperinci nilai, prinsip dan kaedah yang mencorakkan akhlak Islam itu mempunyai dua dimensi utama iaitu pertamanya, perkara yang secara langsung datang daripada Allah SWT dan Rasulullah SAW iaitu seperti yang terungkap dalam al-Quran dan al-Sunnah. Keduanya ialah perkara yang diijtihad oleh para ulama Islam untuk kemaslahatan dan kebaikan hidup ummah. Perkara ini menurut beliau mestilah tidak bertentangan dengan perkara yang terdapat dalam dimensi pertama di atas.¹⁴⁶

¹⁴⁴ Al-Maudūdī, Abū al-A‘lā (1979), *Ethical View Point of Islam*. Lahore: Islamic Publication Ltd., h.6.

¹⁴⁵ *Ibid.*

¹⁴⁶ Zakaria Stapa (2001), *Akidah & Akhlak Dalam Kehidupan Muslim*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., h. 78.

Pandangan sebelum ini disokong oleh Mohd. Sulaiman Hj. Yasin yang mengutarakan bahawa sumber kepada akhlak Islam itu adalah bersandarkan kepada empat serangkai yang menjadi sumber kepada syariat Allah SWT iaitu al-Quran, al-Sunnah, ijmak dan al-Qias. Beliau juga menegaskan hanya Allah SWT sahaja yang menjadi sumber obligasi akhlak Islam yang sememangnya digariskan dalam wahyunya sebagai wasilah atau jalan memandu kepada akhlak yang sempurna.¹⁴⁷

Berdasarkan ayat-ayat al-Quran dan hadith serta pandangan-pandangan yang dibawakan sebelum ini, dapatlah disimpulkan bahawa sumber kepada etika dan moral Islam ataupun akhlak Islam adalah berdasarkan ilmu wahyu dan juga ilmu akal yang membawa manusia kepada satu perlakuan yang selari dengan suruhan dan larangan Allah SWT.

Manakala hubungan akhlak Islam dengan pembangunan insan memang tidak dapat dinafikan. Akhlak Islam merupakan sumber kepada keperluan spritual manusia itu sendiri, kerana manusia itu mempunyai dua keperluan yang perlu dipenuhi iaitu ruh dan jasad. Sehubungan itu, Tajul Arif Nordin menegaskan bahawa komponen-komponen pembangunan manusia yang penting dalam pelaksanaan proses pendidikan ialah pembinaan akhlak Islam. Menurutnya lagi, memandangkan akhlak adalah tingkahlaku beradab baik yang terpancar daripada wahyu Allah SWT, maka sewajarnya akhlak diletakkan sebagai asas kepada pembinaan moral yang baik.¹⁴⁸

Miqdād Yaljan, menegaskan akhlak mulia adalah matlamat yang perlu dicapai dalam proses pendidikan agar terbentuknya perilaku, tindak tanduk dan sikap


¹⁴⁷ Mohd. Sulaiman bin Hj. Yasin (1992), *Akhlak dan Tasawuf*. Kuala Lumpur: Mas'adah (M) Sdn. Bhd., h. 130-138.

¹⁴⁸ Tajul Ariffin Nordin (1997), "Pendidikan dan Pembangunan Manusia Suatu Pendekatan Bersepadu" dalam Nor Azizah Mohd. Salleh et al. (eds.) *Prosiding Pendidikan Moral dan Nilai*. Bangi: Fakulti Pendidikan UKM, h. 11-12.

seseorang muslim walau di mana atau situasi sekalipun. Ini merupakan asas kepada kekuatan sesuatu bangsa yang bertamadun.¹⁴⁹

Berdasarkan Falsafah Pendidikan Negara, proses pendidikan adalah suatu usaha yang menyeluruh dan bersepadu bagi membangunkan insan dalam aspek yang terangkum di dalamnya iaitu aspek rohani, intelek, emosi dan jasmani. Justeru sumber kepada Falsafah Pendidikan negara itu adalah berteraskan ilmu akal dan ilmu wahyu. Daripada dua sumber ilmu tersebut ia telah mencapahkan nilai-nilai murni ataupun yang dikenali sebagai etika dan moral seperti mana yang dibincangkan sebelum ini. Rentetan daripada itu juga Tajul Ariffin & Nor Aini Dan telah menerangkan keperluan ilmu akal dan ilmu wahyu dalam membangunkan etika dan moral serta nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar yang dapat menyumbang kepada masyarakat dan negara. Ini dapat dilihat berdasarkan Rajah 1.1 di bawah.

Rajah 1.1: Pembangunan Insan Mengikut Pengajaran-Pembelajaran Sepadu Dalam Falsafah Pendidikan Negara



¹⁴⁹ Miqdād Yaljan, Dr. (1973), *Al-Tarbiyyah al-Akhlāqīyyah al-Islāmiyyah*. Mesir. Maktabah al-Khanaji, h. 32.

Oleh itu dalam kajian ini, pengkaji akan mengenalpasti elemen-elemen etika dan moral yang terdapat dalam kursus-kursus yang ditawarkan di UTeM. Kesemua elemen-elemen yang dinyatakan adalah berdasarkan nilai-nilai yang terdapat di dalam misi dan visi UTeM, nilai-nilai yang terdapat dalam KBSM dan juga nilai-nilai umum masyarakat Malaysia (sila lihat Bab Tiga untuk mengetahui elemen-elemen etika dan moral). Justeru teras kepada elemen-elemen tersebut adalah daripada pelaksanaan Falsafah Pendidikan Negara yang sumbernya adalah daripada ilmu akal dan juga wahyu. Manakla skop elemen etika dan moral yang dilihat adalah mencakupi nilai universal yang diperlukan oleh pelajar sama ada untuk dirinya sendiri, sesama rakan sebaya ataupun apabila bergaul dengan masyarakat. Gabungan elemen-elemen ini amat penting untuk mencapai kesyumulan etika Islam. Yūsuf al-Qarḍāwī dalam bukunya *al-Khaṣāiṣ al-‘Āmmah li-al-Islām* telah menyatakan kesyumulan etika Islam kepada lima bahagian iaitu etika terhadap diri sendiri, etika terhadap keluarga, etika terhadap masyarakat, etika terhadap alam dan etika terhadap Allah SWT.¹⁵⁰

Sebagai kesimpulannya, dalam perbincangan ini pengkaji telah membawakan sumber-sumber kepada etika dan moral dalam Islam. Pemahaman kepada sumber-sumber tersebut amat penting dalam membantu kita memahami bahawa etika dan moral yang dikaji dalam kajian ini adalah selaras dengan tuntutan akhlak Islam dan ia adalah dalam satu bidang yang sama. Manakala hubungannya dengan pembangunan insan adalah relevan berdasarkan aspirasi negara dalam pelaksanaan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Justeru, usaha untuk membangunkan etika dan moral pelajar melalui kursus-kursus yang ditawarkan oleh UTeM merupakan satu usaha ke arah pembangunan insan yang berteraskan sumber ilmu wahyu dan ilmu akal.

¹⁵⁰ Qarḍāwī, Yūsuf al-, (1977), *al-Khaṣāiṣ al-‘Āmmah li-al-Islām*. Kaheerah: Maktabah Wahbah, h. 99.

2.2.3 Institusi yang Membantu Pembangunan Etika dan Moral

Bagi menjelaskan institusi yang membantu kepada pembangunan etika dan moral di kalangan pelajar, pengkaji akan menghuraikannya dalam dua sudut iaitu melalui institusi formal dan tidak formal. Institusi formal bermaksud pengalaman yang dilalui pelajar di sekolah rendah, sekolah menengah dan juga pendidikan tinggi. Manakala bagi institusi tidak formal merangkumi peranan yang dimainkan oleh institusi keluarga, rakan sebaya dan masyarakat sebagai agen perubahan dalam diri pelajar. Kedua-dua kaedah tersebut akan dibincangkan bagi menjelaskan bagaimanakah cara-cara membangunkan etika dan moral di kalangan pelajar.

a. Institusi Formal

Menurut Ruzlan pembangunan etika dan moral remaja amat berkait rapat dengan perkembangan emosi mereka. Keadaan emosi kanak-kanak dan remaja perlu difahami oleh ibu bapa dan guru. Beliau memetik pandangan Bennathan yang mendapati kanak-kanak tidak ke sekolah dengan pengalaman-pengalaman dan sikap yang sama dengan rakan-rakannya. Menurut beliau lagi, seorang pendidik yang berwibawa tentunya tahu dan memahami keadaan ini. Malah beliau berpendapat bahawa adalah menjadi suatu langkah yang kurang bijak bagi seseorang guru menanamkan dalam pemikirannya bahawa memahami kurikulum adalah lebih penting daripada memahami pelajarannya.¹⁵¹

Seiring dengan itu juga, penekanan terhadap bidang etika dan moral boleh dilihat pada struktur dan bidang kajian KBSR (Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah) yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Menurut Mohd. Salleh Lebar, bidang

¹⁵¹ Ruzlan Md. Ali (2003), "Kanak-kanak, Remaja dan Sosioemosi: Satu Sorotan Ringkas" dalam Ruzlan Md. Ali *et al.* (ed.), *Perkembangan Sosioemosi Remaja: Tanggungjawab Bersama*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia, h. 2.

kajian dalam KBSR terbahagi kepada tiga aspek iaitu komunikasi, manusia dengan alam sekelilingnya dan perkembangan diri individu. Ini adalah selaras dengan perakuan 57

(a) Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Dasar Pelajaran, yang menyebut:

Kurikulum sekolah rendah itu hendaklah dirancang untuk membolehkan murid-murid mencapai kemahiran dalam tiga bidang asas, iaitu bidang komunikasi, bidang manusia dengan alam sekelilingnya dan bidang perkembangan diri individu sesuai dengan keperluan, minat, bakat dan kemampuan mental serta kesediaan murid-murid itu.¹⁵²

Berdasarkan laporan di atas boleh difahami bahawa usaha ke arah memperkembangkan potensi diri pelajar, terutamanya di peringkat sekolah rendah telahpun dirangka oleh pihak kerajaan. Ini sejajar dengan matlamat negara ke arah pelajar yang seimbang aspek emosi, rohani, jasmani dan intelek seperti yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Manakala bagi Tam Yeow Kwai, beliau mendapati untuk membangunkan etika dan moral pelajar di peringkat sekolah rendah boleh dilihat kepada matlamat yang digariskan dalam matapelajaran Pendidikan Moral. Ia antara lain adalah untuk membentuk tingkah laku, tabiat, sikap serta keperibadian yang mulia melalui pengetahuan dan amalan. Bagi mencapai matlamat ini nilai moral perlu disampaikan secara kefahaman dan praktikal. Beliau juga menambah, pada tahap 1 (tahun 1 hingga 3) murid-murid masih belum matang dalam pemikiran kerana mereka lebih mementingkan diri sendiri. Oleh itu nilai moral akan didedahkan secara beransur-ansur dalam bentuk cerita, hafalan dan amalan harian.¹⁵³

¹⁵² Mohd. Salleh Lebar (1996), *Perkembangan dan Haluan Kurikulum Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Berita Publishing, h. 67.

¹⁵³ Tam Yeow Kwai (2006), *Pendidikan Moral: Konsep dan Pedagogi Pendidikan Moral untuk Pelajar-pelajar KPLI, LPBS dan PISMP Maktab-maktab Perguruan*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd., h. 75.

Mahmood Nazar pula mendapati kanak-kanak melalui beberapa tahap perkembangan.¹⁵⁴ Tahap perkembangan psikososial terakhir yang ditempo oleh kanak-kanak berlaku di antara umur enam hingga sebelas tahun. Pada peringkat umur ini, mereka berada di sekolah rendah dan masyarakat yang terdiri daripada keluarga, kawan-kawan sebaya, guru-guru dan orang dewasa yang lain. Pada tahap ini mereka menunjukkan kebolehan berfikir secara deduktif iaitu selaras dengan perkembangan operasional konkrit. Tahap operasi konkrit menurut Teori Piaget adalah mengetengahkan pembentukan konsep, undang-undang serta keupayaan untuk menyelesaikan masalah *conservation*. Operasi konkrit menunjukkan bahawa kanak-kanak mula faham serta menggunakan konsep dan idea. Walau bagaimanapun, keupayaan untuk memanipulasi konsep dan idea pada tahap ini adalah terhad serta bergantung kepada objek yang dilihat sahaja. Pada tahap ini, rangsangan daripada masyarakat dapat membantu membangunkan potensi diri kanak-kanak ke arah lebih produktif. Sebaliknya jika mereka tidak mendapat bantuan luar, mereka akan membesar dengan rasa rendah diri apabila dewasa kelak.¹⁵⁵

Azizi Yahaya *et al.* menjelaskan guru di sekolah memainkan peranan dan pembentukan konsep sendiri kanak-kanak. Pelajar sendiri dapat menjadi sumber sokongan kepada guru. Hubungan ini penting dalam membina konsep sendiri kanak-kanak dan juga membentuk keberkesanan guru ketika mengajar. Dalam banyak perkara, pelajar-pelajar didapati meminati guru dan mudah dipengaruhi dengan kata-kata dan tingkah laku guru mereka. Justeru guru berperanan penting dalam membantu pelajar membina imej sendiri yang positif dan realistik.¹⁵⁶

¹⁵⁴ Menurut Mahmood Nazar berdasarkan teori psikososial Erikson, kanak-kanak melalui empat tahap perkembangan sosial. Erikson (1963) dalam bukunya *Childhood and Society* mengutarakan lapan tahap perkembangan psikososial manusia. Tahap-tahap ini mula berlaku dari masa bayi dilahirkan kemudiannya melalui zaman kanak-kanak, remaja, dewasa dan zaman tua. Setiap peringkat atau tahap itu manusia akan mengalami konflik dengan manusia lain dan jika mereka berjaya mengatasi konflik tersebut, barulah mereka dapat bergerak ke tahap yang seterusnya.

¹⁵⁵ Mahmood Nazar Mohamed (2005), *Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 211.

¹⁵⁶ Azizi Yahaya & Jaafar Sidek Latif (2006), *Membentuk Identiti Remaja*. Pahang: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd. h, 150.

Seterusnya Mohd. Sharani Ahmad *et al.* menjelaskan kanak-kanak juga membina potensi etika dan moral mereka melalui cara pemerhatian. Beliau mengatakan teori yang diasaskan oleh Albert Bandura ini banyak menekankan proses pembelajaran dan tingkah laku manusia itu bergantung kepada pemerhatian seseorang individu itu terhadap individu yang lain atau model-model simbolik seperti televisyen dan sebagainya. Proses peniruan lazimnya diperteguhkan dengan pembelajaran pemerhatian yang merentasi empat tahap yang berbeza iaitu proses memerhati, kebolehan mengingat, proses produksi dan yang terakhir adalah proses motivasi. Oleh itu, jika sesuatu yang diperhatikan oleh kanak-kanak adalah positif maka ia akan memberikan kesan yang positif terhadap perkembangan sosial mereka.¹⁵⁷

Bagi Rahil Mahyuddin *et al*, beliau mendapati pendidikan prasekolah dapat membantu membentuk kanak-kanak mencapai perkembangan yang menyeluruh. Ia meliputi aspek-aspek pembelajaran, pendidikan, kemahiran, bahasa, berkomunikasi, akhlak, personaliti, intelek dan kesihatan. Justeru beliau berpendapat sebuah prasekolah yang baik harus mempunyai program yang dirancang ke arah pencapaian perkembangan yang menyeluruh dan seimbang dari aspek fizikal, emosi, intelek dan sosial. Menurutnya lagi, prasekolah seharusnya mengajar mereka sesuatu tentang diri mereka dan membina kesedaran diri mereka.¹⁵⁸

Ismaiza Ismail dalam bukunya *Teknik Mendidik dan Memahami Jiwa Anak* menjelaskan bahawa kanak-kanak dalam usia tujuh hingga 12 tahun haruslah ditanam dengan benih agama. Pada peringkat usia ini mereka perlulah ditanamkan dengan rasa tauhid pada diri mereka dengan cara mengajak mereka berfikir tentang kebesaran Allah SWT menerusi apa yang ada di atas alam ini. Menurut beliau, asas ini dapat membantu

¹⁵⁷ Mohd. Sharani Ahmad *et al.* (2003), *Psikologi Pembangunan Manusia*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd., h. 67.

¹⁵⁸ Rahil Mahyuddin *et al.* (2005), *Psikologi Kanak-kanak dan Remaja*. Kuala Lumpur: Mc Graw -Hill, h. 92.

memperkembangkan nilai akhlak dalam diri anak-anak. Oleh itu ibu bapa harus peka dalam menyediakan pengetahuan tentang teknik mendidik dan memahami jiwa anak-anak sehingga aspek mental dan emosi anak tidak dicemari oleh perkara yang negatif.¹⁵⁹

b. Institusi Tidak Formal

Bagi proses pendidikan tidak formal, peranan yang dimainkan oleh institusi kekeluargaan tidak dapat dinafikan. Terdapat banyak kaedah yang boleh diterapkan oleh keluarga untuk mendampingi remaja. Menurut Robiah, kaedah yang digunakan haruslah mempunyai matlamat untuk membangunkan harga diri dan rasa percaya diri remaja. Beliau mencadangkan beberapa kaedah di antaranya ialah dengan memberi pujian kepada anak-anak, menunjukkan teladan dengan cara mengucapkan terima kasih dan rasa sayang kepada mereka. Semua ucapan tersebut adalah sebagai tanda kehadiran mereka memberikan kebahagiaan dan pemberian Allah SWT yang paling berharga.¹⁶⁰

Menurut beliau lagi ibu juga berperanan penting dalam menjadi pengesan yang paling hampir untuk mengesan tanda-tanda tingkah laku yang kurang baik pada anak-anak mereka. Dengan ini mereka boleh mengambil tindakan awal bagi membetulkan tingkah laku yang kurang wajar. Pihak sekolah dan badan lain hanya dapat memberi petolongan sampingan kepada ibu bapa dan penjaga. Oleh yang demikian keperihatinan dan tanggungjawab yang dominan oleh ibu bapa dapat mengelakkan menularnya gejala negatif di kalangan anak-anak mereka.¹⁶¹

Mohd. Amin menjelaskan aspek keibubapaan turut memberikan kesan terhadap pembangunan etika dan moral kanak-kanak dan remaja. Keibubapaan bermaksud tugas

¹⁵⁹ Ismaiza Ismail (1999), *Teknik Mendidik dan Memahami Jiwa Anak*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man, h. 184.

¹⁶⁰ Robiah Kulop Hamzah (2002), *Panduan Membimbing Remaja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 109.

¹⁶¹ *Ibid.*

untuk menjaga, mendidik dan membesarkan anak-anak mereka. Cara ibu bapa menjalankan tugas ini bergantung pada kebolehan tertentu yang ada pada mereka. Kebolehan ini bergantung pada kesediaan dan keupayaan mereka menjadi ibu bapa. Kematangan dan mental yang stabil adalah perkara utama dalam menjalankan tugas keibubapaan supaya anak-anak dapat membesar dengan kualiti hidup yang baik. Sebaliknya jika suami isteri membesarkan anak-anak dengan konflik tertentu, ianya tidak dapat membesarkan anak-anak seperti yang mereka kehendaki.¹⁶²

Pandangan sebelum ini turut dikongsi oleh John Cohen yang mendapati hubungan di antara pasangan suami isteri mempengaruhi perangai anak-anak terhadap hubungan mereka dengan kanak-kanak yang lain. Beliau memberikan contoh jika suami isteri itu mempunyai hubungan baik dan positif, situasi ini akan dapat diperhatikan oleh anak-anak. Mereka akan membesar dengan suasana yang tenang dan memupuk tingkahlaku yang baik dalam diri mereka. Di samping itu, ia juga memberikan kesan terhadap pembangunan pemikiran yang sihat serta dapat bergaul dengan baik dengan rakan-rakan mereka.¹⁶³

Arthur T. Jersild menjelaskan terdapat dua corak keibubapaan dalam mendidik anak-anak. Pertamanya dengan cara penerimaan dan keduanya dengan cara penolakan (*parental acceptance and rejection*). Kedua kaedah tersebut adalah untuk menerangkan secara praktikal sama ada proses pembangunan kanak-kanak itu berjalan dengan baik ataupun sebaliknya. Ibu bapa yang menerima anak-anak mereka berasa seronok dengan kehadiran mereka, menghormati mereka sebagai seorang insan dan membimbing hidup mereka. Secara dasarnya corak keibubapaan seperti ini akan membentuk remaja yang menerima dan mempraktikkan nilai baik dalam diri mereka. Sebaliknya, cara penolakan

¹⁶² Mohd. Amin H. A Sharif (2003), *Perkembangan Kanak-kanak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 72.

¹⁶³ John Cohen (1996), *A New Introduction To Psychology*. London: George Allen & Unwin Ltd., h. 51.

akan menyebabkan anak-anak itu lemah dari sudut emosinya. Mereka juga sukar menghayati nilai baik, membentuk keyakinan diri dan membuat keputusan dengan sendiri.¹⁶⁴

Rakan sebaya begitu berpengaruh dalam hidup kanak-kanak dan remaja. Dengan kawan-kawan remaja boleh menguji kebebasan dan juga identiti mereka yang sedang berkembang. Mereka mendapat keseronokan dengan bersama-sama melakukan apa-apa yang disukai oleh mereka. Habibah *et al.* memetik kajian yang dibuat oleh Larson (1984), mendapati remaja menghabiskan kurang satu pertiga daripada masa mereka dengan aktiviti produktif seperti belajar, kerja sekolah dan kerja sambilan. Kurang satu pertiga lagi masa mereka digunakan untuk aktiviti seperti makan, kerja rumah dan aktiviti-aktiviti tertentu. Satu pertiga yang lain dihabiskan untuk kegiatan masa lapang seperti bergaul dengan kawan-kawan, menonton televisyen dan juga hobi. Kira-kira 16% daripada masa mereka berjaga ditumpukan kepada aktiviti pergaulan sementara satu pertiga daripada masa mereka dihabiskan dengan bercakap dengan orang lain. Remaja juga didapati berasa paling seronok apabila bersama-sama rakan sebaya.¹⁶⁵

Berdasarkan kenyataan di atas, bolehlah difahami bahawa menghabiskan masa bersama kawan-kawan menjadikan remaja gembira dan boleh menyokong perkembangan sosial mereka. Bagaimanapun kajian di atas menunjukkan remaja yang banyak menghabiskan masa dengan rakan sebaya mereka menghadapi lebih banyak masalah semasa di sekolah. Sebaliknya jika remaja banyak meluangkan masa dengan keluarga walaupun mereka berasa bosan dan sering berkonflik didapati boleh

¹⁶⁴ Arthur T. Jersild (1966), "Child Psychology" dalam J.P. Guilford (ed.), *Fields of Psychology*. Canada: D. Van Nostrand Company (Canada), Ltd., h. 114.

¹⁶⁵ Habibah Elias *et al.* (2006), *Psikologi Personaliti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 143.

menyesuaikan diri dengan lebih baik sama ada di sekolah dan juga dalam sistem sosial mereka.¹⁶⁶

Ghazali pula menambah pengaruh rakan sebaya menjadi lebih kuat dalam masa pelajar membesar dan berdikari berbanding dengan pengaruh keluarga di rumah. Hubungan dengan rakan sebaya, terutamanya persahabatan menghasilkan sekurang-kurangnya tiga perkara penting dalam perkembangan kanak-kanak dan remaja. Perkara tersebut adalah sokongan emosi, informasi mengenai tingkah laku dan nilai yang sesuai dalam arena untuk perkembangan kemahiran sosial.¹⁶⁷ Pembentukan konsep sendiri juga amat dipengaruhi oleh rakan sebaya. Sekiranya remaja diterima oleh rakan sebaya dia lebih berkeyakinan dan ini dapat membantu pembentukan konsep sendiri yang positif.¹⁶⁸ Justeru, ramai di kalangan remaja mengharapkan rakan-rakan mereka menerima cara hidupnya dan menyesuaikan diri agar selaras dengan rakan sebaya yang lain.

Masyarakat tempat seseorang itu dibesarkan mempunyai peranan yang tidak kurang pentingnya dalam membentuk dan membangunkan personaliti ahli-ahlinya. Falsafah Pendidikan Negara Malaysia adalah contoh kepada asas pembentukan jati diri masyarakat rakyat Malaysia. Penerapan nilai-nilai murni sesuatu budaya banyak membentuk watak individu kanak-kanak dan remaja, khususnya golongan pelajar. Dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) misalnya menyebut seperti berikut:

Dasar Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) adalah untuk membangunkan modal insan yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran serta menghayati nilai-nilai murni. Matlamat KPM adalah untuk memupuk semangat menguasai ilmu pengetahuan, kemahiran dan

¹⁶⁶ *Ibid.*

¹⁶⁷ Ghazali Othman (2003), "Masalah Perkembangan Sosioemosi Remaja: Kaedah Penyelesaian" dalam Ruzlan Md. Ali *et al.* (ed.), *Perkembangan Sosioemosi Remaja: Tanggungjawab Bersama*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia, h. 2.

¹⁶⁸ Fariza Md. Sham (2006), "Perkembangan Moral, Sosial Remaja dan Pendekatan Psikologi Dakwah" dalam Fariza *et al.* (ed.), *Dakwah dan Kaunseling di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 69.

*kompetensi, menerapkan nilai moral dan sikap positif serta membina disiplin diri pelajar.*¹⁶⁹

Sehubungan itu, bolehlah difahami bahawa masyarakat yang menghayati nilai-nilai yang baik seperti jujur, amanah dan hormat-menghormati adalah penting ke arah pembentukan negara yang stabil dan berbudaya. Apabila ahli dalam masyarakat memberikan penghargaan yang tinggi terhadap tingkah laku yang baik, ia akan memberikan kesan terhadap proses dan corak pembangunan etika dan moral di kalangan pelajar.

Selain itu, kumpulan-kumpulan sosial dalam masyarakat seperti badan-badan kebajikan, kelab rekreasi, badan-badan agama seperti masjid dan surau, badan-badan politik boleh juga berperanan dalam memberikan pendidikan tidak formal kepada kanak-kanak dan remaja. Keterlibatan mereka di dalam kumpulan sosial yang dinyatakan tadi dapat menyemai nilai-nilai murni seperti bekerjasama, bertanggungjawab, bertolak ansur, bekerja kuat, kemahiran kepimpinan dan menyesuaikan diri dalam kumpulan. Kemahiran-kemahiran ini penting kepada seseorang individu apabila berdepan dengan orang lain sama ada dalam kehidupan sosial mahupun di tempat kerja mereka. Ini sekaligus membantu membangun dan memperkembangkan lagi nilai etika dan moral mereka.

Sebagai kesimpulan, terdapat pelbagai teori yang dibawa dalam perbincangan ini bagi melihat pembangunan etika dan moral kanak-kanak dan remaja. Kesemuanya bolehlah diringkaskan kepada dua pendekatan iaitu melalui cara formal dan tidak formal. Bagaimanapun sistem sosial yang terdiri daripada institusi keluarga memainkan peranan yang penting dalam membentuk personaliti pelajar, di samping rakan sebaya

¹⁶⁹ Kementerian Pelajaran Malaysia (2006), *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia, h. 53.

dan masyarakat. Melalui cara formal pula, pendidikan yang diterima oleh kanak-kanak dan remaja pula haruslah berpaksikan kepada Falsafah Pendidikan Negara sepertimana yang telah digariskan. Guru pula merupakan insan yang paling hampir dengan pelajar selaku model dalam mencerminkan tingkah laku yang terpuji supaya dapat dicontohi oleh mereka.

2.2.4 Kesan Ketidadaan Pembangunan Etika dan Moral

Ketidadaan pembangunan etika dan moral di dalam diri pelajar akan memberikan kesan di dalam kehidupan mereka. Ini dapat dilihat sama ada kesan di dalam aspek dalaman ataupun luaran. Aspek dalaman bersangkut paut dengan pembentukan jiwa, personaliti, dan peribadi pelajar itu sendiri. Manakala kesan luaran berkaitan dengan hubungan mereka dengan orang di sekeliling mereka seperti keluarga, guru-guru di sekolah, masyarakat dan negara secara langsung ataupun tidak.

a. Aspek Dalaman

Kesan yang boleh dilihat menerusi aspek dalaman adalah wujudnya kecelaruan tingkah laku. Dalam bidang psikologi ia disebut sebagai delinkuen.¹⁷⁰ Menurut Fatimah, remaja cenderung untuk melakukan tingkah laku yang bercanggah dengan norma masyarakat mempunyai kaitan dari segi aspek dalaman yang lemah dan negatif. Ini termasuklah perasaan kemurungan, kebimbangan, rendah penghargaan sendiri dan kurang kesejahteraan diri.¹⁷¹

¹⁷⁰ Menurut William (1994) dalam Fatimah *et al.* delinkuen bermaksud semua tingkah laku yang tidak diterima terutamanya yang dilakukan oleh remaja. Kadangkala tingkah laku ini dianggap salah di sisi undang-undang dan ada juga tingkah laku yang tidak menyalahi undang-undang tetapi tidak diterima oleh masyarakat. Manakala Pitts (2001) mendefinisikan tingkah laku delinkuen sebagai tingkah laku bermasalah di kalangan remaja. Beliau menyebut tingkah laku *disorder*, tingkah laku *anti-social* dan tingkah laku *nuisance* sebagai tingkah laku delinkuen.

¹⁷¹ Fatimah Yusoff *et al.* (2006), "Tingkah Laku Delinkuen Remaja, Kefungsian Keluarga dan Personaliti", dalam Rohany Nasir *et al.* (eds.), *Kesejahteraan Manusia: Perspektif Psikologi*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 96-97.

Beliau juga menambah, dalam kajian yang dijalankan oleh Steiner, Cauffman dan Duxbury (1999) mendapati remaja yang mempunyai personaliti yang lemah akan mudah terjebak dengan jenayah juvana dan kegiatan jenayah, manakala yang mempunyai personaliti yang unggul dan positif begitu kurang bilangannya dalam kegiatan jenayah. Kenyataan sebelum ini juga disokong oleh Ruzlan Md. Ali mendapati emosi negatif yang meresapi remaja juga penting sebagai penentu bagi penglibatan mereka dalam tingkah laku yang berisiko. Beliau mendapati perasaan sedih dan perasaan kesunyian adalah berkait dengan ketiadaan mekanisme bagi remaja menangani emosi mereka supaya tidak terlibat dalam tingkah laku yang berisiko.¹⁷²

Di samping itu, delinkuen juga menyebabkan remaja terlibat dalam aktiviti anti sosial sama ada berkumpul ataupun geng. Geng sebenarnya memberi mereka perasaan diterima dan sokongan sosial yang mereka tidak dapat daripada keluarga dan sekolah. Delinkuen juga didapati secara konsisten sebagai impulsif, bencikan autoriti, tidak berkeyakinan, harga diri rendah, tidak bahagia dan tidak popular.¹⁷³

Habibah pula menjelaskan remaja yang terlibat dengan tindakan delinkuen terdiri daripada mereka yang datang dari pelbagai kelas sosial. Walau bagaimanapun, remaja dari kelas sosial yang rendah lebih berkemungkinan terlibat dengan kelakuan delinkuen daripada mereka yang datang dari kelas yang tinggi dan pertengahan. Beliau berpendapat, walaupun banyak faktor yang menyebabkan delinkuen seperti tekanan rakan sebaya, hubungan keluarga yang berpecah belah, individu yang dilahirkan dalam kelas sosial yang rendah lebih terdedah kepada pengaruh-pengaruh tindakan delinkuen.¹⁷⁴

¹⁷² Ruzlan Md. Ali (2003), *op cit.*, h. 6.

¹⁷³ Rahil Mahyuddin *et al.* (2005), *op cit.*, h. 127.

¹⁷⁴ Habibah Elias *et al.* (2006), *op cit.*, h. 147.

Mohd Salleh pula mendapati kecelaruan personaliti adalah sindrom yang meliputi trait yang kekal dan dapat dikesan semasa peringkat remaja dan mungkin berkekalan ke dewasa. Individu yang terlibat dalam masalah ini mungkin tidak mengetahui keadaan traitnya tetapi menyedarinya apabila ada orang lain yang cuba memberitahu tentang kecelaruan personaliti tersebut. Tanda orang yang mengalami kecelaruan personaliti ialah seperti menghadapi tekanan jiwa, masalah kebimbangan, keresahan, cepat marah, anti sosial atau terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Beliau menjelaskan lagi di antara jenis kecelaruan personaliti adalah kecelaruan personaliti anti sosial. Ia banyak berlaku di kalangan lelaki khususnya semasa peringkat remaja. Di antara cirinya ialah suka menipu dirinya dan orang lain, melanggar peraturan masyarakat, mencuri dan seumpamanya.¹⁷⁵

Di samping itu menurut Ismail Hj. Ibrahim, beliau menjelaskan permasalahan moral yang berlaku pada masa kini mempunyai kaitan dengan aspek pembangunan dalaman dalam diri pelajar. Beliau membawakan contoh ramai pelajar Melayu sering mendapat kepujian di dalam peperiksaan pengetahuan agama Islam di semua peringkat di sekolah. Persoalannya apakah pengajaran dan pendidikan Islam yang diberikan selama ini hanya berbentuk kognitif, iaitu untuk mencapai kecemerlangan dalam peperiksaan sahaja. Justeru, beliau menekankan bahawa aspek afektif juga penting dalam membolehkan para pelajar mempratikkan apa yang mereka pelajari dan bukannya untuk cemerlang dalam peperiksaan semata-mata.¹⁷⁶

Muhammad Yusuf pula mendapati, kesan ketiadaan aspek etika dan moral juga membolehkan seseorang itu mudah dipengaruhi jiwanya oleh anasir jahat seperti syaitan, iblis dan jin. Beliau menerangkan bahawa gejala sosial yang berlaku adalah

¹⁷⁵ Mohd Salleh Lebar (1994), *Asas Psikologi Perkembangan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd., h. 181.

¹⁷⁶ Ismail Hj. Ibrahim (1999), "Isu Moral di Mana Kesilapannya?", dalam Shaikh Mohd Saifuddeen Shaikh Mohd Salleh (ed.), *Isu-isu Semasa Dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, h. 285.

berpunca daripada bisikan syaitan yang halus dan terus berkembang tanpa ada sekatan. Kalau bisikan itu tidak dikawal ia akan berkembang bahkan yang menerima bisikan itu akan menjadi agen kepada syaitan. Justeru itu Allah SWT telah menurunkan surah al-Nas bagi panduan umat Islam untuk mempertahankan diri dari gangguan syaitan.¹⁷⁷

Kesimpulannya, kesan ketiadaan pembangunan etika dan moral di kalangan remaja akan menyebabkan perkara-perkara yang negatif menular pada diri mereka. Ianya berkait rapat dengan pembentukan emosi dan personaliti yang lemah. Keadaan ini akan menyumbang kepada berlakunya permasalahan etika dan moral seperti yang telah dibincangkan sebelum ini. Bagaimanapun, kesan tersebut tidak terhenti setakat dalam diri remaja sahaja bahkan akan mempengaruhi aspek luaran dan persekitaran mereka seperti keluarga, sekolah dan masyarakat.

b. Aspek Luaran

Ketiadaan pembangunan etika dan moral juga akan memberikan kesan kepada aspek luaran perkembangan remaja itu sendiri, misalnya hubungan mereka dengan keluarga. Konflik yang berlaku di antara remaja dengan keluarga telah mengundang pelbagai masalah moral seperti lari dari rumah, bersikap kurang ajar, bertindak ganas dan sebagainya. Institusi keluarga perlu menjadi kawalan sosial dalam mendidik remaja. Ketiadaan penghayatan etika dan moral di kalangan ahli keluarga, khususnya anak-anak dan remaja menyebabkan proses pendidikan tidak formal terbantut.

Di samping itu, cara didikan keluarga juga mempengaruhi perkembangan moral remaja. Sebagai contoh, model didikan permisif-mengabaikan. Ibu bapa yang bersifat

¹⁷⁷ Muhammad Yusuf Khalid (2002), "Pengaruh Syaitan, Iblis dan Jin Dalam Kehidupan Manusia", dalam Muhammad Yusuf Khalid et al. (eds), *Isu Dakwah dan Kemanusiaan dalam Era Globalisasi*. Negeri Sembilan: Kolej Universiti Islam Malaysia, h. 70.

permisif-mengabaikan ini mengabaikan tanggungjawab mereka dalam membentuk disiplin anak-anak. Mereka tidak menggunakan kuasa sebagai ibu bapa bagi membina keperibadian serta tidak responsif pada anak-anak. Remaja yang dibentuk dalam keluarga seperti ini tidak pandai menyesuaikan diri dalam sebarang suasana, kurang cecap dalam akademik dan sosial serta sering memberontak. Mereka sering murung, tidak ceria serta suka melanggar disiplin sekolah.¹⁷⁸ Justeru, ia mengakibatkan jurang di antara anak dan ibu bapa kian melebar dan memberi kesan terhadap hubungan kekeluargaan.

Isu-isu moral yang didedahkan oleh akhbar juga sering memaparkan salah laku remaja semasa di dalam dan juga di luar sekolah. Sebagai contoh, memeras ugut pelajar, memukul dan membelasah pelajar, menghisap rokok dan pada tahap yang serius terlibat di dalam penyalahgunaan dadah. Salah laku dan pelanggaran peraturan dan undang-undang ini adalah sebagai kesan kepada pengabaian aspek etika dan moral di kalangan pelajar. Mereka yang terlibat mempunyai nilai sendiri yang lemah dan tidak menghayati pengertian etika dan moral serta akhlak itu sendiri. Hasilnya, nilai-nilai negatif menguasai minda dan peribadi mereka.¹⁷⁹

Permasalahan di peringkat sekolah juga membawa kesan yang besar ke dalam alam kehidupan di institut pengajian tinggi dan juga alam kerjaya. Oleh itu, jika para pelajar ini mempunyai akhlak yang buruk sudah tentu mereka dikelilingi oleh rakan sebaya yang serupa tingkah lakunya. Para remaja seringkali terpengaruh dengan perlakuan yang ditunjukkan oleh rakan-rakan mereka. Isu yang membabitkan jenayah juvana mempunyai kaitan yang rapat dengan kesalahan melanggar norma dan budaya

¹⁷⁸ Azizi Yahaya & Jaafar Sidek Latif (2006), *op cit.*, h. 93-94.

¹⁷⁹ Zulkifli Yusof (2003), "Disiplin Pelajar: Cabaran dan Tindakan" dalam Ruzlan Md. Ali *et al.* (ed.), *Perkembangan sosioemosi Remaja: Tanggungjawab Bersama*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia, h. 37.

masyarakat. Kes ‘mat rempit’¹⁸⁰ misalnya adalah rentetan pengamalan budaya yang salah di kalangan kumpulan remaja yang mengamalkan corak hidup yang bebas dan inginkan keseronokan. Ini disebut sebagai budaya hedonisme yang membawa kepada falsafah atau cara hidup yang mementingkan keseronokan tanpa kawalan undang-undang dan norma masyarakat.

Abdul Ghafar menjelaskan budaya hedonisme tersebut adalah berpunca daripada sikap mementingkan hawa nafsu dan pemikiran materialistik. Sikap ini telah melahirkan golongan manusia mewah dalam masyarakat yang cintakan harta, tamak dan bermegah-megah dengan kedudukan status dalam masyarakat.¹⁸¹ Ini telah dinyatakan oleh Allah SWT dalam al-Quran iaitu:

فَلَوْلَا كَانَ مِنَ الْقُرُونِ مِنْ قَبْلِكُمْ أُولُوا بَقِيَّةَ يَنَہُوتَ عَنِ الْفَسَادِ فِي
الْأَرْضِ إِلَّا قَلِيلًا مِّمَّنْ أَنجَيْنَا مِنْهُمْ ۖ وَاتَّبَعَ الَّذِينَ ظَلَمُوا مَا أُتْرِفُوا فِيهِ
وَكَانُوا مُجْرِمِينَ ﴿١١٦﴾

Maksudnya:

“Maka mengapa tidak ada dari umat-umat yang sebelum kamu orang-orang yang mempunyai keutamaan yang melarang daripada (mengerjakan) kerosakan di muka bumi, kecuali sebahagian kecil di antara orang-orang yang telah Kami selamatkan di antara mereka, dan orang-orang yang zalim hanya mementingkan kenikmatan yang mewah yang ada pada mereka, dan mereka adalah orang-orang yang berdosa.”

Surah Hud (11):116.

Al-Şābūni mentafsirkan bahawa golongan yang mementingkan kemewahan dalam ayat di atas ialah orang yang menurut hawa nafsu syahwat mereka dan sibuk

¹⁸⁰ *Harian Metro*, Oktober 29, 2007:4 “Trauma Amukan Mat Rempit”.

¹⁸¹ Abdul Ghafar Hj. Don (2000), “Budaya Hedonisme: Corak dan Kesannya Terhadap Pembinaan Masyarakat Dinamik di Malaysia” dalam Fariza Md. Sham *et al* (eds.), *Dakwah dan Perubahan Sosial*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., h. 52.

dengan harta dan kelazatan serta mengutamakan kehidupan di dunia daripada akhirat.¹⁸² Justeru dalam hal ini, golongan pelajar yang mengalami masalah etika dan moral akan mengutamakan keseronokan dan mengabaikan tanggungjawab mereka sebagai pelajar. Situasi ini akhirnya akan menyebabkan hubungan baik mereka dengan keluarga dan sekolah akan terjejas.

Menurut Asmah Bee Mohd. Noor, lanjutan daripada budaya materialistik juga akan mewujudkan hubungan di antara pelajar atau remaja dengan keluarga mereka menjadi renggang. Kemewahan yang dimiliki oleh keluarga gagal membentuk peribadi dan nilai-nilai moral yang baik di kalangan mereka. Asmah memetik kajian yang dibuat oleh Lasswell dan Lasswell (1982) yang mendapati hubungan keluarga yang sedang menuju negara maju dinamakan sebagai *love poor family*. Anak-anak remaja dalam keluarga sebegini tidak mendapat kasih sayang yang sepatutnya. Ibu bapa merasakan kasih sayang boleh digantikan dengan ganjaran material.¹⁸³

Kesimpulannya, kesan pengabaian etika dan moral di kalangan remaja mengundang banyak salah laku yang menggugat pembangunan masyarakat dan juga memberikan kesan kepada pembinaan negara secara keseluruhannya. Adalah mustahil sesebuah negara yang baik warganegaranya terbentuk daripada remaja yang rosak etika dan moral. Justeru itu, peranan yang dimainkan oleh institusi keluarga, sekolah, masyarakat amat diperlukan ke arah mewujudkan persekitaran yang sihat dan bebas daripada masalah moral. Pada perbincangan berikutnya, pengkaji akan melihat pertumbuhan dan perkembangan psikologi pelajar bagi mengupas teori-teori yang berkaitan. Ini akan dapat membantu kita memahami pelajar secara lebih dekat lagi

¹⁸² al-Ṣābūnī, Muḥammad ‘Alī (1981), *Ṣafwah al-Tafāsīr*. Vol. 2. Beirut: Dār al-Qur’ān, h. 36.

¹⁸³ Asmah Bee Mohd. Noor (2000), *Psikologi Perkembangan*. Bangi: Pusat Pengajian Jarak Jauh Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 122.

dalam perkara berhubung perkembangan kognitif dan moral serta faktor-faktor yang mempengaruhi pertumbuhan psikologi mereka.

2.3 Perkembangan Psikologi Pelajar

Dalam bahagian ini pengkaji akan membincangkan pertumbuhan dan perkembangan psikologi pelajar. Ia merangkumi perkara-perkara yang berkaitan teori perkembangan, perkembangan kognitif di kalangan pelajar, perkembangan moral dan juga faktor-faktor yang mempengaruhi pertumbuhan psikologi mereka. Tujuan perbincangan ini adalah untuk mengetahui pembangunan diri pelajar dalam konteks psikologi dan hubungannya dengan pembangunan etika dan moral.

2.3.1 Teori Pertumbuhan dan Perkembangan

Pertumbuhan bermaksud perihai tumbuh atau perkembangan.¹⁸⁴ Manakala menurut Mohd Salleh Lebar, konsep pertumbuhan dan perkembangan merupakan dua proses yang penting kepada individu. Pertumbuhan bermaksud perubahan yang boleh dinilai dan diukur dari satu peringkat ke satu peringkat perkembangan yang lain. Pertumbuhan juga dianggap sebagai suatu proses perubahan struktur dan fisiologi yang berlaku di dalam diri seseorang individu dalam proses menuju kematangan.¹⁸⁵

Omar Ibrahim pula menjelaskan perkataan perkembangan secara am bermaksud perubahan-perubahan yang berlaku dalam manusia dan haiwan dari persenyawaan hingga akhir hayat. Perubahan-perubahan itu adalah teratur atau tertib dan mengambil masa yang lama. Perubahan-perubahan sementara tidak dianggap sebagai sebahagian

¹⁸⁴ Teuku Iskandar (1991), *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1402.

¹⁸⁵ Mohd Salleh Lebar (1994), *Asas Psikologi Perkembangan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd., h. 50.

daripada perkembangan, seperti orang yang demam atau letih setelah penat bekerja. Lazimnya perubahan-perubahan yang berlaku dalam perkembangan dari awal hayat adalah untuk kebaikan seseorang, menunjukkan kebolehan yang lebih teratur, berkesan dan kompleks. Oleh itu perkembangan ialah perubahan-perubahan yang teratur dan berlaku dalam diri seseorang dari persenyawaan hingga akhir hayat, akibat pembelajaran, pengalaman dan kematangan.¹⁸⁶

Justin Pikunas pula mentakrifkan perkembangan (development) sebagai *a period in a person's life marked by specific clusters of traits, interest, and attitudes and by a similarity in interest and concerns to other persons in that period of life.*¹⁸⁷

Mahmood Nazar Mohamed pula mendapati perkembangan membawa erti perubahan dengan masa, iaitu perubahan dengan umur dan perubahan daripada jenis evolusi atau ontogenik. Kedua-dua perubahan ini sememangnya tidak dapat dipisahkan kerana dengan meningkatnya umur, perubahan evolusi yang lain akan berlaku, iaitu dalam bentuk sahsiah, kognitif, moral, fizikal dan lain-lain.¹⁸⁸

Willlliam C. Crain, menjelaskan perkembangan seseorang itu berkait rapat dengan proses kematangan. Ini dapat dilihat apabila beliau memetik kenyataan Gesell dan Ilg (1943):

*“The child's growth or development, Gells said, is influenced by two major factors. First, the child is product of his invironment. But more fundamentally, Gesell believed, the child's development is directed from within, by the action of the genes. Gesell called this process maturation.”*¹⁸⁹

¹⁸⁶ Omar Ibrahim et. al., t.t, *Modul Program Jarak Jauh Diploma Pendidikan: Proses Pembelajaran dan Kepelbagaian Pelajar*. Bangi: Fakulti Pendidikan UKM, h. 9-11.

¹⁸⁷ Justin Pikunas (1996), *Human Development: An Emergent Science*. Tokyo: Mc Graw-Hill, Inc., h. 405.

¹⁸⁸ Mahmood Nazar Mohamed (1992), *op. cit.*, h. 197.

¹⁸⁹ Willlliam C. Crain (1985), *Theories of Development: Concept and Aplications*. New Jersey: Prentice-Hall, Inc., h. 16

Berdasarkan kenyataan beliau dan pandangan sebelum ini, bolehlah difahami bahawa perkembangan seseorang individu itu mempunyai hubungan dengan faktor persekitaran dan juga faktor dalaman iaitu genetik yang diwarisi oleh ibu bapa mereka. Ia bermula sedari awal bayi hinggalah seseorang itu meninggal dunia.

Terdapat beberapa teori perkembangan yang akan dibincangkan dalam kajian ini. Ianya merangkumi teori perkembangan yang dipelopori oleh tokoh-tokoh yang dominan dalam bidang psikologi Barat iaitu Sigmund Freud, Jean Piaget, Albert Bandura, Erik Erikson dan Lawrence Kohlberg. Justeru, perbincangan dalam kajian ini hanya berdasarkan tokoh-tokoh tersebut sahaja. Selain itu, perspektif psikologi Islam juga akan diketengahkan sebagai satu perbandingan dengan pendekatan yang dibawa oleh tokoh dari Barat.

a. Teori Perkembangan Sigmund Freud

Teori yang diasaskan oleh Sigmund Freud (1856-1939) ialah berhubung kait di antara perkembangan personaliti kanak-kanak dengan perkembangan seksnya. Bagaimanapun pandangan beliau mengenai perkembangan seks amat luas, iaitu bukan setakat hubungan seks semata-mata malah merangkumi apa sahaja yang menyumbang kepada keseronokan tubuh badan secara praktikalnya.¹⁹⁰ Mengikut teori psikoanalisis yang dikemukakan oleh beliau, terdapat lima perkembangan kanak-kanak iaitu:

i. Peringkat Mulut (Oral Erotism)

Peringkat ini bermula dari lahir hingga 18 bulan. Dalam lingkungan masa tersebut, kanak-kanak perlu mendapat bantuan dari ibu bapa bagi mendapat kepuasan dan kasih sayang. Sebelum 8 bulan, kanak-kanak akan merasa kepuasan dengan tingkah

¹⁹⁰ William C. Crain (1985), *op. cit.*, h. 140.

laku menghisap sesuatu. Selepas 8 bulan ke atas tingkah laku kepuasan ditumpukan kepada kegiatan menggigit sesuatu.¹⁹¹

ii. Peringkat Dubur atau Anal

Peringkat ini bermula dari umur 18 bulan hingga 36 bulan. Pada peringkat ini kanak-kanak sudah bersedia menguasai dan mengawal fungsi biologi seperti membuang dan menahan najis. Lazimnya ibu bapa akan mengajar anak-anak mereka cara-cara membuang najis dengan betul dan pada masa-masa yang tertentu.¹⁹²

iii. Peringkat Kubul atau Falik

Peringkat ini bermula dari umur 3 hingga 5 tahun. Pada peringkat ini kanak-kanak biasanya suka memegang kawasan kemaluannya bagi mendapatkan kepuasan sesuatu.¹⁹³ Ibu bapanya akan melarang anak-anak melakukan perbuatan tersebut kerana dianggap tidak sopan. Bagi kanak-kanak lelaki menurut Freud, mereka akan mengalami konflik *oedipus* iaitu mereka tidak dapat menghayati keberahiannya dengan sepenuhnya. Kanak-kanak perempuan pula mengalami konflik *elektra*¹⁹⁴ iaitu perasaan berahinya kepada bapa tidak dapat dicurahkan oleh sebab takut kepada ibu mereka.

iv. Peringkat Pendaman

Peringkat ini bermula pada usia 5 hingga 11 tahun. Dalam lingkungan ini kasih sayang dan keberahian kanak-kanak mula beralih kepada rakan sebaya. Jika mereka mengatasi berbagai-bagai masalah personaliti sebelum ini, kemungkinan mereka

¹⁹¹ Harry McGurk (1975), *Growing and Changing: A Primer of Developmental Psychology*. London: Methuen and Co. Ltd., h. 31.

¹⁹² Mahmood Nazar Mohamed (2005), *op. cit.*, h. 205.

¹⁹³ Richard S. Lazarus (1963), *Personality Adjustment*. New Jersey: Prentice Hall, Inc., h. 57.

¹⁹⁴ Gordon R. Lowe (1976), *The Growth of Personality*. England: Penguin Books Ltd., h. 95

akan menjadi orang yang baik seperti ramah mesra, bertanggungjawab dan sebagainya.¹⁹⁵

v. Peringkat Baligh

Peringkat ini bermula pada usia 12 hingga 18 tahun. Kanak-kanak pada peringkat ini sudah mula meningkat ke alam remaja. Mereka berdepan dengan berbagai-bagai masalah emosi, seks dan sosial. Masalah ini mungkin dapat di atasi oleh sebahagian besar remaja sekiranya mereka menggunakan masa mereka dengan baik.¹⁹⁶

b. Teori Perkembangan Jean Piaget

Jean Piaget (1869-1980) adalah seorang pakar biologi Switzerland dan pakar psikologi kanak-kanak telah banyak membuat kajian ke atas tingkah laku kanak-kanak.¹⁹⁷ Kajian yang dibuat oleh beliau adalah mengenai tingkah laku kanak-kanak, iaitu ditinjau dari sudut struktur, operasi tingkah-laku cerdas dan peringkat-peringkat perkembangan berurutan. Teori beliau yang paling menarik adalah mengenai perkembangan kognitif. Dalam teori perkembangan, Piaget menyatakan pemikiran manusia berkembang melalui proses asimilasi dan akomodasi. Setiap kali seseorang mendapat pengalaman baru, unit asas pemikiran iaitu skema akan berubah struktur. Proses ini dinamakan asimilasi jika struktur asal skema tidak berubah dengan pengalaman yang baru. Tetapi jika perubahan menghasilkan struktur yang baru ia dinamakan akomodasi.¹⁹⁸ Teori beliau yang paling menarik adalah mengenai perkembangan kognitif. Ia dibahagikan kepada beberapa peringkat perkembangan iaitu peringkat deria motor (sehingga dua tahun), peringkat

¹⁹⁵ Mohd Salleh Lebar (1994), *op. cit.*, h. 59.

¹⁹⁶ *Ibid.*

¹⁹⁷ Mahmood Nazar Mohamed (2005), *op. cit.*, h. 200.

¹⁹⁸ Rahil Mahyuddin *et al.*, (2005), *op. cit.*, h.12

praoperasi (2 hingga 7 tahun), peringkat operasi konkrit (7 hingga 11 tahun) dan yang terakhir peringkat operasi formal (11 hingga 15 tahun).¹⁹⁹

Pada peringkat deria motor, bayi pada tahap ini mempersepsikan serta memahami alam sekitarnya yang kompleks sebagai alam objek yang senang difahami. Bayi hanya berupaya mengkonsepkan dunia ini dalam bentuk skema yang menggabungkan informasi kederiaan dan aktiviti-aktiviti motornya. Dalam erti kata lain, apa yang dilihat mesti dipegangnya sebagai objek, kerana inilah cara bayi mempelajari serta mengenali alam sekitarnya. Piaget menekankan bayi harus dapat melihat objek untuk mengetahui akan kewujudannya. Tetapi pada umur di antara enam hingga sembilan bulan, bayi telah mempelajari bahawa walaupun sesuatu objek itu tidak kelihatan, tetapi ia masih wujud. Konsep ini dikenali sebagai kekekalan objek (*Object Permanence*). Pada masa yang sama, bayi yang berada di hujung tahap deria motor telah menunjukkan kebolehan bertaakul dan celik akal serta menggunakan kaedah-kaedah yang baru untuk menyelesaikan masalah.²⁰⁰

Seterusnya pada tahap praoperasi iaitu pada usia dua hingga tujuh tahun. Peringkat ini menunjukkan kanak-kanak boleh menggunakan simbol dan bahasa walaupun dalam bentuk tidak logik. Lazimnya kanak-kanak yang berumur dua tahun sudah boleh bercakap dengan menggunakan bahasa yang ringkas. Kanak-kanak pada tahap ini bersifat egosentrik.²⁰¹

Peringkat yang ke tiga adalah peringkat operasi konkrit, iaitu pada usia tujuh hingga sebelas tahun. Peringkat ini adalah disebabkan oleh kebolehan mereka berfikir dengan logik. Mereka sudah memahami sedikit unsur-unsur pemikiran logik. Mereka

¹⁹⁹ Mohd Salleh Lebar (1994), *op. cit.*, h. 54.

²⁰⁰ Mahmood Nazar Mohamed (2005), *op. cit.*, h. 202.

²⁰¹ *Ibid.*

juga faham akan konsep-konsep nombor, berat, susunan dan kepadatan serta prinsip pengekal. Bagaimanapun mereka masih belum memahami atau bertaakul tentang perkara-perkara yang abstrak seperti konsep ketuhanan, keadilan, makna hidup, hak asasi manusia dan sebagainya. Mereka hanya memahami konsep-konsep yang konkrit atau objektif seperti binatang, tumbuh-tumbuhan, kekotoran dan sopan santun.²⁰²

Tahap yang terakhir adalah tahap operasi formal. Ia berlaku pada usia 11 hingga 15 tahun. Pada usia 11 tahun ke atas, kebolehan berfikir remaja sama seperti orang dewasa iaitu berfikiran abstrak, boleh membuat hipotesis dan menyelesaikan masalah kompleks. Mereka boleh memahami logik konsep-konsep abstrak yang menjadi asas kepada sains, matematik, etika, politik, keagamaan dan lain-lain. Mereka juga berkebolehan menguruskan unit bermakna, melakukan sintesis, penyeluruhan dan cuba membentuk beberapa hipotesis untuk mencapai sesuatu kesimpulan.²⁰³

c. Teori Perkembangan Albert Bandura

Teori perkembangan Albert Bandura (1925) lebih dikenali dengan teori sosial kognitif Bandura. Ia lebih menerangkan perkembangan individu dari sudut pembelajaran. Beliau menyarankan perkembangan pembelajaran berlaku melalui pemerhatian atau imitasi. Pembelajaran jenis ini melibatkan proses memberi perhatian, mengingat, melakon dan memurnikan dalam minda dan melakonkan semula. Di akhirnya individu ini diberi peneguhan supaya dia lebih bermotivasi melakukan tindakan yang diinginkan. Melalui imitasi model, kanak-kanak belajar tindakan baru (kesan model), mengelak atau

²⁰² *Ibid.*

²⁰³ Siti Hawa Munji *et al.* (1990), *Pengantar Psikologi*. Selangor: Fajar Bakti Sdn. Bhd., h. 90.

melibatkan diri dengan tingkah laku devian atau kanak-kanak digalakkan bertingkah laku seperti model.²⁰⁴

Mengikut Bandura, efikasi sendiri merupakan sebahagian daripada proses perkembangan individu. Efikasi sendiri merujuk kepada penilaian sendiri tentang keberkesanan dan kecekapan diri individu itu. Penilaian itu penting untuk menentukan apa yang harus dilakukan atau tidak patut dilakukan, sejauh mana usaha mesti ditingkatkan dan juga perasaan tentang diri sendiri. Penilaian efikasi sendiri banyak dipengaruhi oleh perenungan tingkah laku sendiri (*enaktif*), perbandingan antara diri sendiri dengan orang lain (*vikarius*), perenungan kesan orang lain meyakini diri sendiri dan tahap individu itu boleh digerakkan (*emotif*).²⁰⁵

Bandura juga mengatakan bahawa memperbaiki kecekapan sendiri seseorang individu boleh menyebabkan seseorang individu itu berjaya dalam tugas-tugas tingkah laku. Dengan kata-kata lain, proses-proses kognitif dalam proses jangkaan kecekapan akan meninggikan kemungkinan untuk satu-satu tingkah laku yang ingin diperoleh berlaku.²⁰⁶ Dalam membentuk teori personaliti pembelajaran sosial pula, Bandura menekankan aspek interaksi antara manusia dengan sekitaran. Beliau menyarankan konsep 'determinisme timbal balik' yang mengatakan bahawa manusia mempengaruhi untung nasib dirinya melalui pengawalan kuasa-kuasa di sekitarnya tetapi mereka juga dipengaruhi oleh kuasa-kuasa sekitarnya ini.²⁰⁷

Selain itu, beliau juga menerangkan bahawa seseorang individu itu meneruskan ataupun mengubah sikap dan tabiatnya disebabkan adanya faktor-faktor pengukuh yang

²⁰⁴ Rahil Mahyuddin *et al.* (2005), *op. cit.*, h.17

²⁰⁵ *Ibid.*

²⁰⁶ Jas Laile Suzana Jaafar (2002), *Psikologi Remaja*. Selangor: Pearson Malaysia Sdn. Bhd., h. 7.

²⁰⁷ Mahmood Nazar Mohamed (2005), *op. cit.*, h. 279.

mempengaruhi perilakunya. Menurut teori Bandura, ada dua jenis faktor pengukuh. Yang pertama ialah faktor-faktor di luar diri seseorang, iaitu perkara-perkara yang dialaminya secara langsung akibat perilakunya. Sebagai contoh faktor pengukuh itu ialah menerima pujian selepas seseorang itu melakukan sesuatu perbuatan. Faktor pengukuh yang kedua ialah faktor-faktor yang datang daripada sistem-sistem seperti konsep diri dan estim diri yang wujud di dalam jiwa setiap individu. Sistem-sistem ini mempengaruhi sikap, tabiat dan perilaku individu berkenaan.²⁰⁸

d. Teori Perkembangan Erik Erikson

Teori perkembangan Erik Erikson (1902-1994) adalah berdasarkan teori psiko-sosial. Teori ini melihat hubungan di antara penyesuaian psiko-sosial yang menyuburkannya atau memusnahkannya. Secara tipikal, tekanan dan krisis dianggap sebagai proses psikologi yang utama dalam proses membesar. Tahap-tahap perkembangan dan titik peralihan ditekankan. Resolusi atau penyelesaian tugas perkembangan dalam proses membesar boleh jadi positif atau negatif. Resolusi pada satu titik peralihan atau tahap mempunyai implikasinya sendiri terhadap resolusi pada tahap yang berikutnya.²⁰⁹

Erikson menumpukan perhatian pada peluang-peluang perkembangan, kegagalan dan kejayaan dalam hidup. Beliau melihat masalah-masalah utama yang dihadapi oleh individu. Walaupun konsep krisis perkembangan bersifat universal, setiap krisis spesifik diatasi mengikut keadaan-keadaan budaya seseorang individu. Personaliti yang sihat diperoleh melalui resolusi satu siri krisis-krisis hidup. Erikson mengemukakan lapan dilema atau krisis hidup utama yang bersifat universal yang

²⁰⁸ Abdullah Hassan (2002), *Psikologi Moden Untuk Pendakwah*. Pahang: PTS Publications and Distributors, h. 17.

²⁰⁹ Jas Laile Suzana Jaafar (2002), *op. cit.*, h. 6.

dialami oleh semua orang di sepanjang hidup dalam bukunya *Childhood and Society*. Setiap krisis mempunyai resolusi positif dan negatif.²¹⁰

Jadual 2.1: Lapan Krisis Hidup Erikson

Titik Krisis	Tahap Dalam Hidup
1. Percaya lawan tidak percaya	Bayi
2. Autonomi lawan malu-malu dan ragu-ragu	Awal kanak-kanak
3. Inisiatif lawan rasa bersalah	Kanak-kanak
4. Industri lawan rasa rendah diri	Awal remaja
5. Identiti lawan keliru peranan	Remaja
6. Intimasi lawan isolasi	Awal dewasa
7. Generativiti lawan tidak bergerak	Dewasa
8. Keutuhan lawan putus asa	Tua

Sumber: Jas Laile Suzana Jaafar (2002)

Daripada rajah di atas, maka dapat dirumuskan bahawa pada setiap peringkat tersebut seseorang itu akan mengalami krisis psikososial. Krisis psikososial ini diasaskan di atas penyesuaian hidup sebenar terhadap persekitaran sosial dan budaya di mana seseorang itu berada. Walau bagaimanapun peringkat ini sebenarnya tidaklah tegar, sekiranya seseorang individu itu gagal menyelesaikan konflik yang dialami di suatu peringkat maka ia mungkin menyelesaikannya pada masa akan datang.²¹¹

Menurut Mahmood Nazar, dalam perkembangan sosial, faktor-faktor seperti perkembangan moral dan personaliti adalah penting. Di samping itu, faktor perapatan dan identifikasi juga penting. Perapatan boleh didefinisikan sebagai kemahuan bayi mendekati individu yang signifikan seperti ibu bapa atau penjaga sewaktu dia memerlukan makanan atau keselesaan. Perapatan ini bererti bahawa kanak-kanak berkehendakkan supaya dijaga dan disayangi oleh setengah-setengah individu.²¹²

²¹⁰ Norman William (1972), *Child Development*. London: Heinemann Educational Books Ltd., h. 89.

²¹¹ Siti Hawa Munji *et al.*, (1990), *op. cit.*, h. 51.

²¹² Mahmood Nazar Mohamed (2005), *op. cit.*, h. 210.

e. Teori Perkembangan Lawrence Kohlberg

Lawrence Kohlberg (1927-1987) adalah pelopor utama dalam memperkatakan teori perkembangan moral. Teori yang dikemukakan oleh Kohlberg berasaskan kepada pemikiran Jean Piaget dan John Dewey yang menekankan pertumbuhan manusia berkembang secara falsafah dan psikologi dalam bentuk yang positif. Lawrence Kohlberg berpendapat bahawa terdapat tiga tahap penaakulan nilai-nilai moral iaitu tahap pra-konvensional, konvensional dan post-konvensional dan setiap tahap itu dibahagikan kepada dua peringkat.²¹³

Seterusnya, Kohlberg telah menerangkan perihai perkembangan moral dengan menggunakan perspektif kognitif dengan komprehensif. Beliau mengatakan bahawa peraturan tingkah laku moral berkembang mengikut satu siri tahap. Dalam proses perkembangan kognitif, keupayaan kognitif baru menyokong kemunculan peraturan tingkah laku moral yang baru. Peraturan-peraturan inilah atau prinsip-prinsip penilaian inilah merupakan intipati tahap-tahap moral individu.²¹⁴

Sebenarnya, teori ini dikemukakan oleh Lawrence Kohlberg setelah beliau melakukan kajian membujur (*longitudinal study*) terhadap sekumpulan remaja. Menurut beliau *moral reasoning* berlaku secara berperingkat. Ianya dibentuk daripada penilaian jawapan-jawapan yang diberikan dan bukannya berdasarkan sama ada tindakan tersebut betul atau salah. Peringkat-peringkat tersebut adalah tahap pra-konvensional, tahap konvensional dan tahap post-konvensional.²¹⁵

²¹³ Tam Yeow Kwai (2006), *op. cit.*, h. 34.

²¹⁴ Jas Laile Suzana Jaafar (2002), *op. cit.*, h. 25.

²¹⁵ Maarof Redzuan & Haslinda Abdullah (2002), *Psikologi*. Kuala Lumpur: Mc Graw-Hill (Malaysia Sdn. Bhd.), h. 131.

Pada tahap pra-konvensional, ia membicarakan kepercayaan bahawa apa yang betul ialah mematuhi undang-undang pihak berkuasa. Ia mengandungi dua peringkat iaitu peringkat pertama, orientasi hukuman dan patuh. Pada peringkat ini pemikiran moral kanak-kanak berasaskan dendaan. Mereka taat kerana orang dewasa menyuruh mereka berbuat demikian. Konsep ini ditafsirkan dengan mengambil kira unsur-unsur luar seperti hukuman atau dendaan dan bukan berasaskan keadilan. Manakala pada peringkat ke dua adalah orientasi keindividuan, iaitu pemikiran moral berasaskan ganjaran dan kepentingan diri. Kanak-kanak mengikut kata apabila mereka hendak mengikut kata dan jikalau mengikut kata itu memenuhi kepentingan mereka.²¹⁶

Seterusnya adalah tahap konvensional. Pada tahap ini penghayatan nilai tidak sepenuhnya. Individu menghayati nilai berdasarkan sesuatu standard tetapi standard itu ditetapkan oleh ibu bapa atau peraturan masyarakat. Dalam tahap ini, terdapat dua peringkat yang lain iaitu peringkat tiga dan empat. Peringkat tiga adalah mengenai persetujuan antara individu. Kanak-kanak memperlihatkan kelakuan yang baik bagi memenuhi keperluan atau sokongan orang lain. Masyarakat atau orang yang berkuasa akan menentukan kelakuan baik atau jahat. Oleh itu bagi mendapat sokongan atau disukai maka perlulah melakukan perbuatan baik atau bermoral.²¹⁷

Manakala pada peringkat ke empat berhubung dengan orientasi mempertahankan sistem sosial. Penilaian moral berasaskan kefahaman tentang peraturan sosial, undang-undang, keadilan dan kewajipan. Kelakuan yang mengikut norma-norma sosial dianggap sebagai perbuatan yang baik. Perasaan ini muncul dari dalam hati kanak-kanak itu dan terdapat kefahaman tentang pertalian antara norma

²¹⁶ *Ibid.*

²¹⁷ K. Lovell (1969), *An Introduction to Human Development*. London: McMillan Education Ltd., h. 115.

masyarakat dengan kewujudan individu itu, seperti ibu bapa, guru dan autoriti yang lain.²¹⁸

Tahap yang terakhir adalah tahap post-konvensional iaitu pada tahap ini apa yang dikatakan betul adalah apa yang sama dengan hak-hak manusia sejagat, nilai-nilai atau prinsip-prinsip yang perlu dipertahankan oleh masyarakat dan individu itu. Terdapat dua peringkat yang lain pula dalam tahap ini iaitu pada peringkat lima, berkaitan dengan orientasi kontrak sosial. Pada peringkat ini, prinsip yang dipegang pada amnya diterima oleh masyarakat. Ia berorientasikan perkara-perkara seperti hak manusia, undang-undang dan perjanjian yang telah dibuat. Seseorang yang memenuhi keperluan-keperluan tersebut akan mendapat perlindungan sosial, kepercayaan dan kedudukan yang baik dalam masyarakat. Manakala pada peringkat yang ke enam, adalah orientasi prinsip etika sejagat. Pada peringkat terakhir ini, individu membuat keputusan berdasarkan prinsipnya sendiri yang telah difikirkan dan ditaakulkannya buat beberapa ketika ketika sebelum membuat keputusan.²¹⁹

Berdasarkan teori perkembangan yang dibawakan oleh Kohlberg, beliau telah mengusulkan bahawa setiap tahap berbentuk turutan yang tidak pelbagai di mana seseorang individu bergerak melalui enam tahap tersebut. Jika teori ini benar, menurut Mohd Sharani maka rasional moral seharusnya digabungkan kuat dengan umur dan peringkat perkembangan kognitif. Individu yang lebih tua dan mampu berfikir dengan lebih jauh secara puratanya, lebih maju dalam perkembangan moralnya.²²⁰

Selain itu terdapat kritikan lain terhadap teori Kohlberg. Di antara kritikan-kritikan tersebut ialah beliau mengatakan bahawa teorinya bersifat universal iaitu ia

²¹⁸ *Ibid.*, h. 116.

²¹⁹ *Ibid.*

²²⁰ Mohd. Sharani Ahmad *et al.* (2003), *op. cit.*, h. 103.

berpendapat semua individu di dunia ini membuat penilaian moral berdasarkan prinsip-prinsip keadilan dan hak-hak individu. Kohlberg tidak menjelaskan hubungan di antara pemikiran moral dengan tingkah laku moral, mengabaikan faktor budaya dalam menentukan penilaian moral dan kurang menitikberatkan soal ambil berat dan perhatian dalam teorinya.²²¹

Sebagai kesimpulannya, terdapat beberapa teori perkembangan manusia yang dibawakan dalam perbincangan sebelum ini dari sudut perspektif Barat. Setiap teori yang dibincangkan adalah untuk melihat bagaimana ianya dapat membantu pemahaman kepada proses pertumbuhan dan perkembangan psikologi kanak-kanak dan remaja. Misalnya, Jean Piaget telah membahagikan tahap perkembangan kanak-kanak kepada empat peringkat iaitu peringkat deria motor, peringkat praoperasi, peringkat operasi konkrit dan peringkat operasi formal. Seterusnya teori perkembangan Albert Bandura pula melihat perkembangan seseorang individu dari sudut pembelajaran. Beliau juga menekankan proses kecekapan sendiri yang menjadi asas kejayaan tingkah laku seseorang. Manakala teori Erik Erikson pula membincangkan perkembangan individu dari sudut menangani krisis-krisis dalam kehidupan yang diwakili dari zaman bayi hinggalah usia tua. Teori terakhir yang turut dibincangkan adalah teori perkembangan Lawrence Kohlberg. Beliau membahagikan pentaakulan moral kepada tiga peringkat, iaitu pra-konvensional, konvensional dan post-konvensional berdasarkan situasi dilema kanak-kanak dan remaja.

f. Pertumbuhan dan Perkembangan Manusia Menurut Islam

²²¹ Jas Laile Suzana Jaafar (2002), *op. cit.*, h. 26.

Teori-teori pertumbuhan dan perkembangan yang telah diterangkan semuanya berasal dari Barat. Kajian-kajian atau teori-teori yang diperkenalkan boleh dikatakan terhadap iaitu berdasarkan apa yang mereka lihat. Sebaliknya Mohd Salleh memetik hujah Hassan Langulung yang menyatakan dalam al-Quran telah membicarakan tentang tahap-tahap kejadian manusia dengan lebih luas, iaitu sebelum ia lahir ke dunia sehingga ia masuk syurga atau neraka. Di dalam al-Quran, Allah SWT telah menerangkan bahawa asal kejadian manusia yang berasal dari air mani yang bercampur melalui firman-Nya:

إِنَّا خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ مِنْ نُطْفَةٍ أَمْشَاجٍ نَبْتَلِيهِ فَجَعَلْنَاهُ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴿٢٠﴾

Maksudnya:

“Sesungguhnya Kami telah aturkan cara mencipta manusia bermulanya dari air mani yang bercampur (dari pati benih lelaki dan perempuan), serta Kami tetap mengujinya (dengan kewajiban-kewajiban); oleh itu maka Kami jadikan dia berkeadaan mendengar dan melihat.”

Surah al-Insān (76): 2

Dan firman Allah SWT lagi:

أَلَمْ يَكُ نُطْفَةً مِّن مَّنِيِّ يَمْنَىٰ ﴿٢٧﴾ ثُمَّ كَانَ عَلَقَةً فَخَلَقَ فَسَوَّىٰ ﴿٢٨﴾ فَعَجَلَ ﴿٢٩﴾ مِنْهُ الذَّكَرَ وَالْأُنثَىٰ ﴿٣٠﴾ أَلَيْسَ ذَٰلِكَ بِقَدِيرٍ عَلَىٰ أَن تَحْيِيَ الْمَوْتَىٰ ﴿٣١﴾



Maksudnya:

“Bukankah ia berasal dari air mani yang dipancarkan (ke dalam rahim)?Kemudian air mani itu menjadi sebuku darah beku, sesudah itu Tuhan menciptakannya, dan menyempurnakan kejadiannya (sebagai manusia)?Lalu Tuhan menjadikan daripadanya dua jenis lelaki dan perempuan. Adakah (Tuhan yang menjadikan semuanya) itu tidak berkuasa menghidupkan orang-orang yang mati? (tentulah berkuasa)!”

Surah al-Qiyāmah (75): 37-40

Berdasarkan maksud ayat-ayat tersebut, manusia haruslah sedar kepada kekuasaan Allah SWT yang menjadikan manusia sebagai makhluk yang paling mulia dan dapat menjalani hidup melalui peringkat-peringkat perkembangan yang telah ditentukan. Sekiranya manusia menyedari tentang hakikat kejadian manusia, tentu mereka akan dapat melalui tugas pertumbuhan dan perkembangan dalam kesemua aspek dengan lebih teratur.²²²

Dalam sebuah hadith, Rasulullah SAW bersabda:

ان أحدكم يجمع خلقه في بطن أمه أربعين يوماً نطفة ثم يكون علقة مثل ذلك ثم يكون مضغة مثل ذلك ثم يرسل إليه الملك فينفخ فيه الروح ويؤمر بأربع كلمات بكتب رزقه وأجله وعمله وشقي أو سعيد

Maksud hadith:

“Sesungguhnya setiap kamu dihimpunkan kejadiannya di dalam rahim ibunya selama empat puluh hari sebagai mani, kemudian ia menjadi ketulan darah seperti tempoh tersebut juga (empat puluh hari), kemudian kepadanya malaikat, maka dia meniupkan ruh kepadanya. Lalu dia (malaikat) disuruh oleh Allah supaya menulis empat perkara; rezekinya, ajalnya, amalnya, dan celaka atau bahagiannya.”²²³

Dalam ayat yang lain, Allah SWT juga telah menerangkan perkembangan manusia dari beberapa peringkat iaitu bermula dari alam rahim, kanak-kanak, dewasa, tua sehinggalah meninggal dunia sama ada pada usia muda ataupun tua. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِن كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِّنَ الْبَعْثِ فَإِنَّا خَلَقْنٰكُمْ مِّن تَرَابٍ ثُمَّ مِّن نُّطْفَةٍ ثُمَّ مِّنْ عَلَقَةٍ ثُمَّ مِّنْ مُّضْغَةٍ مُّخَلَّقَةٍ وَغَيْرِ مُخَلَّقَةٍ لِّنُبَيِّنَ لَكُمْ وَنُقَرُّ فِي الْأَرْحَامِ مَا نَشَاءُ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى ثُمَّ خَرَجْنٰكُمْ طِفْلاً ثُمَّ لِّتَبْلُغُوا أَشَدَّكُمْ^ط وَمِنْكُمْ مَّن يُّتَوَفَّىٰ وَمِنْكُمْ مَّن يُرَدُّ إِلَىٰ أَرْدَلِ الْعُمْرِ

²²² Mohd Salleh Lebar (1994), *op. cit.*, h. 60.

²²³ al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘īl bin Ibrāhīm bin al-Mughīrat (2000), *al-Jāmi‘ al-Musnad al-Ṣaḥīḥ*. Kitāb Badaa al-Khalq Bāb Zikru al-Malāikah Ṣolawāt Allāh ‘Alaihim, no. Hadis 3208.

لِكَيْلَا يَعْلَمَ مِنْ بَعْدِ عِلْمٍ شَيْئًا ۚ وَتَرَى الْأَرْضَ هَامِدَةً فَإِذَا أَنْزَلْنَا
عَلَيْهَا الْمَاءَ أَهْتَرَّتْ وَرَبَّتْ وَأَنْبَتَتْ مِنْ كُلِّ زَوْجٍ بَهِيجٍ ﴿٥﴾

Maksudnya:

“Wahai umat manusia, sekiranya kamu menaruh syak (ragu-ragu) tentang kebangkitan makhluk (hidup semula pada hari kiamat), maka (perhatilah kepada tingkatan kejadian manusia) kerana sebenarnya Kami telah menciptakan kamu dari tanah, kemudian dari setitik air benih, kemudian dari sebuku darah beku, kemudian dari seketul daging yang disempurnakan kejadiannya dan yang tidak disempurnakan; (Kami jadikan secara yang demikian) kerana Kami hendak menerangkan kepada kamu (kekuasaan kami); dan Kami pula menetapkan dalam kandungan rahim (ibu yang mengandung itu) apa yang Kami rancangkan hingga ke suatu masa yang ditentukan lahirnya; kemudian Kami mengeluarkan kamu berupa kanak-kanak; kemudian (kamu dipelihara) hingga sampai ke peringkat umur dewasa; dan (dalam pada itu) ada di antara kamu yang dimatikan (semasa kecil atau semasa dewasa) dan ada pula yang dilanjutkan umurnya ke peringkat tua nyanyuk sehingga ia tidak mengetahui lagi akan sesuatu yang telah diketahui-Nya dahulu. Dan (ingatlah satu bukti lagi); engkau melihat bumi itu kering, kemudian apabila Kami menurunkan hujan menimpanya, bergeraklah tanahnya (dengan tumbuh-tumbuhan yang merecup tumbuh), dan gembur membusutlah ia, serta ia pula menumbuhkan berjenis-jenis tanaman yang indah permai.”

Surah al-Hajj (22): 5

Selain itu menurut Fariza Md. Sham memetik pandangan Imam al-Ghazali (1058-1111H) menyatakan bahawa manusia mengalami beberapa peringkat perkembangan. Peringkat pertama ialah *al-janīn*, iaitu peringkat anak berada dalam kandungan ibunya. Peringkat kedua ialah *al-tifl*, iaitu peringkat pada usia awal kanak-kanak. Ketiga ialah *al-tamyīz*, iaitu peringkat anak-anak yang telah dapat membezakan mana yang baik dan yang buruk. Pada peringkat ini juga akal mereka telah mula berkembang dan dapat memahami sesuatu ilmu. Peringkat keempat ialah peringkat *al-*

auliyā dan *al-anbiyā*. Peringkat ini merupakan peringkat tertinggi di dalam perkembangan manusia.²²⁴

Selain itu terdapat pandangan lain tentang peringkat perkembangan individu sepertimana yang dibawakan oleh 'Abdullāh Nāsih 'Ulwān. Beliau meletakkan peringkat baligh seseorang kanak-kanak itu pula apabila menjangkau usia 14 tahun. Ini difahamkan daripada peringkat umur kanak-kanak seperti pembahagian yang telah dibuat iaitu (1) *tamyīz*, iaitu bermula dari usia tujuh hingga 10 tahun, (2) *murāqahat* iaitu 10 tahun hingga 14 tahun, (3) *balīgh*, pada usia 14 tahun dan yang ke (4), *syabāb* iaitu peringkat matang di tahap dewasa selepas umur baligh iaitu 21 tahun ke atas.²²⁵

Penerangan kenyataan yang dibawakan oleh 'Abdullāh Nāsih 'Ulwān dapat difahami lagi penjelasannya menerusi firman Allah SWT yang menerangkan bahawa manusia itu melalui beberapa fasa kehidupan yang bermula dari keadaan lemah iaitu dari peringkat bayi. Kemudian berkembang kepada keadaan yang kuat iaitu alam remaja dan dewasa seterusnya berdepan dengan usia tua dalam keadaan lemah semula. Perubahan yang dilalui oleh manusia merangkumi perubahan aspek fizikal dan mental seperti kelemahan tubuh badan dan juga mental. Firman Allah SWT:

﴿اللَّهُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ ضَعْفٍ ثُمَّ جَعَلَ مِنْ بَعْدِ ضَعْفٍ قُوَّةً ثُمَّ جَعَلَ مِنْ بَعْدِ قُوَّةٍ ضَعْفًا وَشَيْبَةً يَخْلُقُ مَا يَشَاءُ وَهُوَ الْعَلِيمُ الْقَدِيرُ﴾

“Allah yang menciptakan kamu bermula dengan keadaan lemah, selepas berkeadaan lemah itu ia menjadikan kamu kuat. setelah itu ia menjadikan kamu lemah pula serta tua beruban. ia menciptakan apa yang dikehendaki-Nya, dan Dialah jua yang Maha Mengetahui, lagi Maha Kuasa.”

²²⁴ Fariza Md. Sham (2006), “Perkembangan Moral, Sosial Remaja dan Pendekatan Psikologi Dakwah”, dalam Fariza Md. Sham *et al.*, *Dakwah dan Kaunseling di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 65.

²²⁵ 'Ulwān, 'Abd Allāh Nāsih (1994), *Tarbiyyat al-Awlad fi al-Islām*. Juz. 2. Cet. 25. Kaherah: Dār al-Salām, h. 449-5000.

Menerusi ayat tersebut, Allah SWT menunjukkan bukti yang jelas kepada orang musyrik yang mengengkari adanya hari manusia akan dibangkitkan semula. Allah SWT menyebut bahawa Dia telah mencipta kamu (manusia) daripada air mani yang hina, menjadikan pendengaran, penglihatan dan hati. Kemudian Dia menjadikan kamu kuat dan mampu untuk beribadah selepas melalui tempoh usia yang lemah semasa kecil. Selepas itu dia akan menjadikan kamu lemah semula ketika usia tua. Proses perkembangan manusia ini melalui pelbagai peringkat bermula daripada air mani, bayi yang lemah bertukar menjadi kuat dan menjadi lemah semula. Ini menunjukkan Allah SWT Maha berkuasa melakukan apa yang dikehendaki-Nya.²²⁶

Allah SWT seterusnya mengulangi kenyataan pusingan hidup manusia dalam ayat yang lain supaya manusia mengambil peringatan memanfaatkan nikmat hidup sama ada pada usia kanak-kanak, dewasa mahupun tua. Firman Allah SWT:

هُوَ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ تُرَابٍ ثُمَّ مِنْ نُطْفَةٍ ثُمَّ مِنْ عَلَقَةٍ ثُمَّ يُخْرِجُكُمْ
طِفْلًا ثُمَّ لِيَبْلُغُوا أَشَدَّكُمْ ثُمَّ لِيَكونُوا شُيُوخًا ۖ وَمِنْكُمْ مَّنْ يُتَوَفَّىٰ مِنْ
قَبْلُ ۖ وَلِيَبْلُغُوا أَجَلَ مُّسَبًّى وَلَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿٥٤﴾

Maksudnya:

“Dialah yang menciptakan kamu dari tanah, kemudian dari (setitis) air benih, kemudian dari sebeku darah beku, kemudian dari seketul daging; kemudian ia mengeluarkan kamu berupa kanak-kanak; kemudian kamu (dipelihara) hingga sampai ke peringkat umur dewasa; kemudian kamu (dipanjangkan umur) hingga sampai menjadi tua dan (dalam pada itu) ada di antara kamu yang dimatikan sebelum itu. (Allah melakukan kejadian yang demikian) supaya kamu sampai ke masa yang ditentukan (untuk menerima balasan); dan supaya kamu memahami (hikmat-hikmat kejadian itu dan kekuasaan Tuhan).”

²²⁶ Shaykh Aḥmad Muṣṭafa al-Marāghīy (2001), *Tafsīr al-Marāghīy*. Muḥamad Thalib (terj.) j. 2. Juz 21, 22. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 5347.

Dalam pada itu, Allah SWT juga menerangkan bahawa terdapat di kalangan manusia yang dilanjutkan usia oleh Allah SWT dan mereka melalui peringkat umur tua dan berkeadaan lemah. Firman Allah SWT:

وَمَنْ نُّعَمِّرْهُ نُنَكِّسْهُ فِي الْخَلْقِ أَفَلَا يَعْقِلُونَ ﴿٦٨﴾

Maksudnya:

“Dan (hendaklah diingat bahawa) sesiapa yang Kami panjangkan umurnya, Kami balikkan kembali kejadiannya (kepada keadaan serba lemah; hakikat ini memang jelas) maka mengapa mereka tidak mahu memikirkannya?”

Surah Yāsīn (36): 68

Berdasarkan ayat-ayat al-Quran yang telah dibawakan sebelum ini dapatlah difahami bahawa dari sudut Islam, jelas menunjukkan bahawa peringkat perkembangan manusia melalui beberapa siri tahap. Peringkat-peringkat tersebut adalah mewakili alam-alam yang ditempuhi oleh manusia iaitu alam arwah, alam rahim, alam dunia, alam kematian, alam barzakh dan yang terakhir alam akhirat. Allah SWT dengan jelas telah menerangkan bahawa manusia adalah berasal dari setitis air mani dan berlaku proses persenyawaan di antara benih lelaki dan perempuan (sperma dan ovum). Ini dapat dilihat di dalam surah al-A'rāf ayat 189. Seterusnya ia berkembang lagi kepada *nutfah* menjadi *'alaqah*, *mudghah*, *idaman* dan akhir sekali *lahman* (Surah al-Qiyāmah:36-40). Kemudian, janin yang sempurna dan ditiupkan ruh kepadanya (Surah al-Hijr:29) lalu dilahirkan (Surah al-Nahl:78). Seterusnya ia berkembang daripada alam kanak-kanak, baligh, dewasa dan alam tua (Surah al-Mu'min: 67).²²⁷

Sebagai kesimpulan, berdasarkan teori perkembangan manusia yang dibincangkan sebelum ini ianya dapatlah dibahagikan kepada dua aspek iaitu

²²⁷ Kamal Abd. Manaf (1996), *Manusia dan Personaliti: Membentuk Insan yang Sempurna*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors, h. 21.

berdasarkan dimensi sarjana Barat dan Islam. Menerusi teori perkembangan sarjana Barat seperti yang dibawakan oleh Jean Piaget (1869-1980) beliau lebih melihat kepada keupayaan individu dari aspek kognitif dan tingkah laku kanak-kanak. Pemerhatian yang dibuat oleh beliau terhadap kanak-kanak membantu beliau memahami dan mengutarakan empat tahap perkembangan kognitif seperti yang dibincangkan sebelum ini. Namun menurut Gamal Abdul Nasir, Islam melihat keberkesanan pendidikan dan pengajaran lebih menyeluruh, bukan setakat aspek kognitif (pengetahuan) tetapi juga aspek akhlak (afektif dan psikomotor) atau dikenali dengan sikap dan amalan.²²⁸

Manakala, teori yang dibawakan oleh Albert Bandura (1925) pula menekankan kecekapan sendiri yang menjadikan asas kejayaan tingkah laku individu. Namun, teori perkembangan Erik Erikson (1902-1994) adalah menarik kerana ia mempunyai persamaan dengan pendekatan Islam. Beliau mengutarakan lapan tahap perkembangan psikososial manusia, iaitu bermula dari zaman kanak-kanak, remaja, dewasa dan hingggalah ke zaman tua seseorang manusia itu. Ini mempunyai persamaan dengan perkembangan insan seperti yang dinyatakan sebelum ini. Bagaimanapun, Islam lebih melihat perkembangan individu itu sedari alam arwah dan alam rahim. Ini perbezaan nyata di antara teori Erik Erikson (1902-1994) dan Islam.

Begitu juga dengan teori psikoseksual Sigmund Freud (1856-1939), beliau cenderung untuk menerangkan perkembangan individu berdasarkan tenaga seks yang ada pada setiap individu semasa dilahirkan. Menurutnya manusia melalui tiga tahap perkembangan iaitu peringkat mulut, dubur dan kubul. Islam pula menjelaskan tanggungjawab individu itu bermula apabila sampai tahap baligh seperti yang dinyatakan dalam Surah al-Nūr ayat 59 iaitu antara lain Allah SWT menerangkan anak-

²²⁸ Gamal Abdul Nasir Zakaria (2003), *Prinsip-prinsip Pendidikan Islam*. Pahang: PTS Publications & Distributors, h. 118.

anak yang telah baligh haruslah meminta izin terlebih dahulu jika hendak memasuki kamar ibu bapa mereka.

Di samping itu, teori perkembangan Lawrence Kohlberg (1927-1987) pula mempunyai pendekatan terhadap perkembangan moral individu. Beliau telah menggariskan perkembangan pentaakulan moral individu berdasarkan tiga tahap iaitu pra-konvensional, konvensional dan post-konvensional kepada sekumpulan remaja. Di sini, ia juga mempunyai perbezaan dengan Islam kerana asas pembangunan akhlak individu adalah sedari alam rahim hinggalah menemui ajalnya. Proses pemupukan akhlak adalah lebih luas dan tidak tertakluk kepada umur seseorang. Setiap individu perlu memikul tanggungjawab (*taklif*) dan akan dipersoalkan setiap apa yang dilakukan sama ada ianya baik mahupun buruk. Justeru, perkembangan moral dalam Islam adalah lebih menyeluruh tanpa mengira tahap usia seseorang.

2.3.2 Perkembangan Kognitif

Perkembangan dan pembangunan manusia merupakan satu proses kompleks yang boleh dibahagikan kepada empat dimensi iaitu (1) perkembangan fizikal, (2) perkembangan kognitif, (3) perkembangan emosi dan yang terakhir (4) perkembangan sosial. Dalam kajian ini, perbincangan akan ditumpukan kepada perkembangan kognitif kerana ia adalah salah satu peringkat perkembangan yang mempengaruhi tingkah laku seseorang individu. Bagaimanapun, secara khusus perbincangan perkembangan moral akan dibincangkan selepas melihat perkembangan kognitif remaja. Sebelum dibincangkan perkembangan kognitif menurut pandangan Islam, perbincangan akan dimulakan dari sudut konvensional terlebih dahulu.

Rumaya *et al.*, menyatakan kognitif merujuk kepada perlakuan mengetahui dan mempersepsi atau dikenali sebagai keupayaan intelektual. Perkembangan kognitif bermaksud proses perkembangan individu dari aspek pengetahuan dan keupayaannya untuk membuat persepsi, berfikir, memahami dan menggunakan kemahiran ini untuk meneruskan kehidupan. Perkara yang amat berkait dengan perkembangan kognitif adalah kemahiran intelek, persekolahan, pendidikan dan kejayaan. Kemahiran membuat keputusan, memberi perhatian, mengingat, pengetahuan dalam kehidupan seharian, kreativiti dan penguasaan bahasa adalah lambang perkembangan kognitif individu.²²⁹

Manakala menurut Suppiah *et al.*, psikologi kognitif pula didefinisikan sebagai satu pendekatan kajian eksperimen. Ia bertujuan memahami bagaimana manusia menyusun dan melaksanakan aktiviti mental yang melibatkan pelbagai aktiviti seperti proses perolehan, penyusunan, perwakilan, penyimpanan, pengambilan kembali, persepsi, pengamatan dan lain-lain. Ia membantu manusia memahami dan menyelesaikan masalah untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran yang berubah-ubah.²³⁰

Fahaman psikologi Gestalt telah menjadi asas kepada perkembangan psikologi kognitif. Ia diasaskan di Jerman. Perkataan *gestalt* adalah perkataan dalam bahasa Jerman yang bermaksud *pattern* (pola) atau *configuration* (konfigurasi). Tokoh-tokoh yang berperanan di dalam menubuhkan psikologi Gestalt ini adalah seperti Kohler, Jean Piaget, Koffka dan Wertheimer. Ahli-ahli psikologi ini banyak memperkatakan tentang persepsi dan pembentukan konsep. Mereka berpendapat, pembelajaran melibatkan dua

²²⁹ Rumaya Juhari & Rozumah Baharudin (2004), *Pengantar Pembangunan Manusia Perspektif Ekologi*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia, h. 4.

²³⁰ Suppiah Nachiappan *et al.* (2008), *Pembelajaran Aktif: Psikologi Pendidikan*. Tanjong Malim: Quantum Books, h. 99.

proses mental penting iaitu organisasi persepsi (pengamatan) dan pembentukan konsep (penanggapan).²³¹

Menurut ahli psikologi yang memegang aliran kognitif²³² ini, proses kognitif atau proses intelek akan menentukan tingkah laku manusia. Aliran kognitif tumbuh dan berkembang sebahagiannya kerana bertindak balas terhadap pendekatan behaviorisme yang terlalu ketat. Ahli psikologi kognitif melihat manusia bukan penerima rangsangan daripada persekitaran yang pasif, tetapi adalah aktif yang mencari pengalaman, yang mengubah dan membentuk pengalaman, yang menggunakan proses mental untuk mengubah maklumat berlandaskan kepada perkembangan kognitif. Dengan demikian bagaimana manusia mempersepsi dan menerangkan sesuatu peristiwa, sama ada tepat atau tidak, memberi kesan terhadap bagaimana manusia bertindak terhadap peristiwa tersebut.²³³

Ahli pemikiran ini berpendapat bahawa ahli psikologi seharusnya memberikan fokus kepada proses, struktur dan fungsi mental. Minda manusia adalah mempengaruhi tingkah laku manusia. Tegasnya ahli psikologi perlu menumpukan peranan proses mental seperti persepsi, pemikiran, pentaakulan, menyelesaikan masalah dan ingatan yang mendasari tingkah laku dan emosi kita adalah disebabkan sebahagian besarnya oleh cara kita befikir mengenai sesuatu. Antara andaian asas pendekatan kognitif ialah pertama, ahli psikologi seharusnya memberi fokus kepada proses, struktur dan fungsi mental. Ianya adalah minda kita yang menjadikan tingkah laku sesuatu yang berbeza. Kedua,

²³¹ *Ibid.*

²³² Psikologi kognitif adalah satu bidang baru bertujuan menyediakan suatu kesinambungan perbincangan asal usul bentuk akal dan pengetahuan manusia yang pernah menjadi persoalan ahli falsafah sejak zaman Greek Klasik, seperti Plato dan Aristotle hingga ke zaman Ibn Sina (980-1037), Descartes (1596-1650), Hume (1711-1776) dan Kant (1724-1804). Minat dan perbincangan ahli falsafah tentang akal dan pengetahuan manusia berterusan hingga ke awal abad ke-20 apabila muncul pergerakan ahli psikologi aliran tingkah laku (*behaviourisme*) yang menegaskan sebarang perbincangan serta kajian melibatkan akal manusia sebagai suatu kegiatan ketinggalan zaman dan perlu diletak di luar kajian psikologi, jika psikologi ingin muncul sebagai disiplin sains dan disegani di kalangan komuniti saintifik. Dengan kemunculan psikologi kognitif sebagai aliran paling berpengaruh sejak kira-kira tiga puluh tahun kebelakangan ini, kajian dan perbincangan tentang akal atau minda manusia kelihatan semakin pesat dijalankan. Lihat Muhamed Awang (1999), *Psikologi Kognitif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1.

²³³ Maarof Redzuan & Haslinda Abdullah (2002), *op. cit.*, h. 16.

psikologi seharusnya bermatlamatkan aplikasi pengetahuan dan praktikal. Misalnya sekiranya kita memahami dengan mendalam tentang ingatan, kita boleh memperbaiki pengajaran.²³⁴

Perkara yang berkaitan dengan perkembangan moral remaja di dalam kajian psikologi kognitif adalah kajian tentang egosentrisme remaja (*adolescence egocentrisme*). Mahmood Nazar memetik kenyataan Elkind bahawa perubahan kognitif yang agak ketara ialah pemikiran egosentrime remaja. Beliau mengatakan yang remaja mempunyai satu sifat egosentrisme yang berlainan daripada yang ada pada kanak-kanak di tahap praoperasi seperti yang dibincangkan dalam teori Jean Piaget (1869-1980) sebelum ini. Menurutnya lagi, remaja sering mengubahsuaikan persepsi tentang kebenaran alam. Mereka sering merasakan perhatian umum sentiasa tertumpu pada diri, tingkah laku, perbuatan dan sifat mereka.²³⁵

Rahil pula mendapati egosentrisme remaja adalah apabila remaja mula mentaakul secara abstrak, mereka sering menjadi amat bangga dengan kemahiran ini kerana berfikir bahawa mereka boleh menyelesaikan segala masalah. Sikap ini menjadikan remaja terlalu idealistik dan kurang menghargai batasan logik. Contohnya mereka hairan mengapa manusia tidak sedar bahawa perang dunia boleh dielakkan dengan hanya menerangkan kepada kuasa dunia yang perang adalah merbahaya.²³⁶

Jas Laile menambah bahawa kajian tentang egosentrisme remaja adalah terhad dan ada kajian menggunakan teknik yang mengukur dongeng peribadi (*personal fable*), penonton anganan (*imaginary audience*) dan fokus-kendiri. Dongeng peribadi adalah idea bahawa kehidupan remaja itu penuh cerita unik dan mengagumkan. Manakala

²³⁴ *Ibid.*

²³⁵ Mahmood Nazar Mohamed (2005), *op. cit.*, h. 218.

²³⁶ Rahil Mahyuddin *et al.*, (2005), *op. cit.*, h. 131.

penonton angan-angan pula merujuk kepada remaja sering mengada-adakan bayangan kelompok manusia yang akan mengkritik segala tingkah lakunya sedangkan ini hanyalah bayangan persepsi mereka yang dikuasai oleh egosentrisme remaja. Ada pula kajian yang memfokuskan kepada dua dimensi iaitu *imaginary audience* (diri yang kekal dan diri yang tidak kekal). Kajian-kajian lepas mendapati bahawa kepekaan-kendiri remaja mulai hilang masa akhir remaja dan awal dewasa.²³⁷

Perbincangan mengenai teori perkembangan moral kognitif telahpun dibincangkan sebelum ini iaitu berdasarkan teori perkembangan moral kognitif Lawrence Kohlberg (1927-1987) dan juga Jean Piaget (1869-1980). Bagaimanapun Piaget (1869-1980) telah membuat kesimpulan bahawa tindakan-tindakan biologis adalah tindakan adaptasi atau penyesuaian diri kepada persekitaran fizikal dan cuba bertindak untuk mengorganisasikan persekitaran itu. Bagi membincangkan perkembangan kognitif, Piaget (1869-1980) telah membahagikan perkembangan itu kepada empat zaman (deria motor, pra-operasi, operasi konkrit dan operasi formal).²³⁸

Piaget (1869-1980) berpendapat bahawa perkembangan moral kanak-kanak adalah mengikut perkembangan empat zaman tersebut. Beliau telah membahagikan perkembangan moral kanak-kanak akan dipupuk kepada tiga bahagian iaitu pertama, peraturan-peraturan dalam permainan iaitu bagaimana kanak-kanak dapat menerima peraturan-peraturan permainan dan bertindak ke atas peraturan-peraturan itu. Kedua, realisme moral iaitu keupayaan moral iaitu keupayaan menilai dan bertindak bagi mematuhi keperluan diri dan orang lain. Ketiga, memahami konsep keadilan dan kebebasan iaitu idea saksama dan sama.²³⁹

²³⁷ Jas Laile Suzana Jaafar (2002), *op. cit.*, h. 21.

²³⁸ Lihat perbincangan teori perkembangan Jean Piaget sebelum ini.

²³⁹ Tam Yeow Kwai (2006), *op. cit.*, h. 37.

Teori perkembangan kognitif mempunyai kaitan dengan perkembangan moral remaja. Menurut teori ini kanak-kanak dan remaja adalah individu yang berupaya kawal sendiri dan tingkahlaku dikawal oleh peraturan koseptual. Satu norma tentang saling menghormati di antara manusia memimpin atau menjadi petunjuk kepada kerjasama sosial dan tingkah laku moral. Tingkah laku moral pula mencerminkan cara individu memberi sebab kepada tingkah laku mereka. Manakala karektor moral pula terbentuk dari prinsip-prinsip penilaian dalaman. Oleh itu, peraturan moral mencerminkan kepercayaan setiap individu mesti saling bergantung atau saling rasa timbal balik antara diri dengan orang lain.²⁴⁰ Kesan daripada perkembangan kognitif yang sihat dan seimbang ini dapat membina pembangunan etika dan moral di kalangan remaja kerana kemahiran dan keupayaan intelektual dapat memandu arah tingkah laku mereka ke arah yang lebih positif.

Adapun dalam Islam, perkembangan kognitif seseorang individu itu mempunyai hubungan dengan kesediaan seseorang itu untuk mengetahui sesuatu perkara. Manusia telah dijadikan oleh Allah SWT dengan memiliki persediaan untuk mendapatkan ilmu. Firman Allah SWT:

وَاللَّهُ أَخْرَجَكُمْ مِنْ بُطُونِ أُمَّهَاتِكُمْ لَا تَعْلَمُونَ شَيْئًا وَجَعَلَ لَكُمُ
السَّمْعَ وَالْأَبْصَرَ وَالْأَفْئِدَةَ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

Maksudnya:

"Dan Allah mengeluarkan kamu dari perut ibu kamu dengan keadaan tidak mengetahui sesuatupun; dan Dia mengurniakan kepada kamu pendengaran dan penglihatan serta hati akal fikiran); supaya kamu bersyukur."

Surah al-Nahl (16): 78

²⁴⁰ Jas Laile Suzana Jaafar (2002), *op. cit.*, h. 24.

Abd. Aziz Mohd. Zin menyatakan bahawa di dalam ayat tersebut menjelaskan pendengaran melalui telinga, penglihatan melalui mata dan hati (akal fikiran) merupakan saluran untuk memiliki ilmu. Walaupun manusia kosong dari memiliki sebarang ilmu ketika dilahirkan, tetapi kerana adanya ketiga-tiga saluran tersebut manusia menjadi alim selepas itu. Beliau menambah lagi, dengan adanya saluran ini, Adam diajar untuk memiliki ilmu dan ternyata dalam hal ini dapat mengatasi Malaikat. Kenyataan ini sebagaimana diterangkan oleh Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 31-33.²⁴¹

Selain itu, Islam juga menganjurkan dan mendorong umatnya menuntut ilmu pengetahuan dan mengimarahkannya. Melalui cara ini, perkembangan kognisi dalam diri setiap orang akan dapat berkembang. Al-Quran juga telah menjelaskan keutamaan ilmu dan kelebihan orang-orang yang berilmu. Firman Allah SWT:

إِنَّمَا تَخْشَى اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ غَفُورٌ ﴿٣٨﴾

”Sebenarnya yang menaruh bimbang dan takut (melanggar perintah) Allah dari kalangan hamba-hamba-Nya hanyalah orang-orang yang berilmu. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Pengampun.”

Surah al-Fatir (35): 28

Perkembangan kognisi dalam Islam juga mempunyai hubungan dengan latar belakang keluarga. Keluarga yang baik dan harmoni dapat membentuk peribadi yang elok di kalangan ahlinya. Azizi Yahaya *et al.*, mendapati keluarga merupakan institusi yang paling hampir dengan seseorang khususnya golongan remaja. Melalui keluarga, mereka dapat menggunakannya dalam menyelesaikan masalah yang berlaku dalam kehidupan sehari-hari. Keluarga juga dipandang sebagai suatu institusi yang mempunyai tugas yang berbeza lagi berkesan. Keluarga selalunya akan memberi khidmat sebagai

²⁴¹ Ab. Aziz Mohd Zin (1999), *Psikologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, h. 108.

satu masyarakat kecil serba lengkap terhadap jiwa yang lahir dan berkembang di dalamnya.²⁴²

Ismaiza Ismail pula mendapati, keluarga dapat merangsang perkembangan kognisi ahli-ahli di dalamnya melalui pembinaan persekitaran agama di dalam rumah. Beliau memberikan contoh, ibu bapa hendaklah memperbanyakkan koleksi buku agama di rumah. Perpustakaan kecil boleh diadakan dan memberi perhatian khusus terhadap bahan bacaan yang berkualiti yang dapat menyuburkan minat ahli keluarga supaya cintakan ilmu pengetahuan.²⁴³

Sabda Nabi Muhammad SAW:

ما من مولود يولد على الفطرة فابواه يهودانه وينصرانه ويمجسانه

Maksudnya:

*"Seseorang itu dilahirkan berdasarkan fitrahnya yang suci murni, maka selepas itu dia diwarnai oleh kedua-dua ibu bapanya, sama ada untuk menjadi Yahudi, Nasrani atau Majusi."*²⁴⁴

Hadith di atas menjelaskan peranan ibu bapa mencorak anak-anak ke mana sahaja yang dikehendaki, walaupun pada asalnya anak-anak itu dilahirkan dalam keadaan fitrah. Pegangan kepercayaan dan anutan yang bermacam-macam di kalangan manusia adalah hasil pembawaan ibu bapa seseorang. Dalam Islam, dakwah menggalakkan ibu bapa dan pihak-pihak tertentu mendidik dan mengasuh ibu bapa dan pihak-pihak tertentu mendidik dan mengasuh anak-anak supaya tertanam sifat-sifat terpuji dan berasa jijik kepada sifat-sifat buruk. Dengan itu, ia dapat membentuk personaliti seseorang supaya mulia, bertanggungjawab dan bermoral tinggi.²⁴⁵

²⁴² Azizi Yahaya et al. (2005), *Psikologi Kognitif*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, h. 138

²⁴³ Ismaiza Ismail (1999), *op cit.*, h. 191.

²⁴⁴ Muslim, Abū al-Ḥusn Muslim b. al-Ḥajjāj bin Muslim al-Qushairī al-Naysabūrī al-(2000), *al-Jāmi' Musnad Ṣaḥīḥ*. Kitāb al-Qadr, Bāb Mā ma'na kullu maulūd 'ala al-fitrah wa hukmu mauta atfāl al-kuffār wa atfāl al-muslimīn, no. Hadis 6755.

²⁴⁵ Ab. Aziz Mohd Zin (1999), *op. cit.*, h. 2

Kesimpulannya, daripada perbincangan yang telah dinyatakan sebelum ini dapatlah difahami bahawa perkembangan kognitif adalah satu proses yang dilalui oleh setiap individu dalam memenuhi kematangan keupayaan berfikir. Apabila seseorang individu itu telah mempunyai proses berfikir yang sihat dan terkawal maka ianya dapat membantu mereka membuat pilihan yang betul dalam tindakan mereka. Dalam Islam pula, manusia sememangnya sudah disediakan oleh Allah SWT kesediaan untuk menerima ilmu pengetahuan dengan kesempurnaan pancaindera oleh-Nya. Tugas manusia mencerap ilmu kurniaan Allah SWT adalah bertujuan mempratikkan akhlak yang baik sesama manusia di samping mendapat keredaan dari Allah SWT.

2.3.3 Perkembangan Moral

Setelah memahami perkembangan kognitif remaja, perbincangan akan diteruskan dengan melihat perkembangan moral di kalangan remaja. Perbincangan dalam bahagian ini akan memfokuskan lagi teori perkembangan moral Kohlberg sebagai landasan kajian. Bagaimanapun, perkembangan moral dari sudut Islam akan dibincangkan selepas melihat perkembangannya dari sudut konvensional. Teori perkembangan moral Kohlberg dipilih sebagai perbincangan khusus adalah disebabkan ianya banyak menyumbang kepada teori perkembangan tingkah laku kanak-kanak dan remaja. Selain itu juga, ia mempunyai hubungan dengan perkembangan kognitif seperti yang dibincangkan sebelum ini. Malahan teori Kohlberg juga mempunyai hubungan dengan teori yang dibawakan oleh Jean Piaget dan John Dewey yang menekankan pertumbuhan manusia berkembang secara falsafah dan psikologi dengan bentuk yang positif.

Perkembangan moral bermaksud peraturan-peraturan dan nilai-nilai tentang apa yang individu lakukan apabila berinteraksi dengan individu lain. Ada tiga domain dalam

pengkajian perkembangan moral iaitu pemikiran moral (*moral thinking*), tingkah laku moral (*moral behaviour*) dan perasaan moral (*moral feeling*). Pemikiran moral bermaksud hujah-hujah, justifikasi yang mendasari atau digunakan oleh individu untuk membenarkan (*justify*) keputusan-keputusan moral yang dibuat. Tingkahlaku moral bermaksud apa yang individu buat. Perasaan moral pula bermaksud apa yang individu rasa di atas tindakan yang dibuat, perasaan dan emosinya. Ketiga-tiga komponen moral ini saling berkait. Perkembangan ketiga-tiga aspek yang dinyatakan tadi akan membawa kepada kematangan moral kanak-kanak dan remaja.

Menurut Kohlberg terdapat enam tahap dalam perkembangan moral yang dapat dikaitkan satu sama lain dalam tiga tingkat dan setiap tingkat pula mempunyai dua tahap dengan menggunakan perspektif kognitif. Tingkat-tingkat tersebut dinyatakan sebagai tahap pra-konvensional, konvensional dan post-konvensional. Beliau juga telah menjelaskan bahawa perkembangan moral seseorang itu tidak sama dengan individu yang lain. Giligan mendapati Kohlberg membina teori pembangunan moral berasaskan teori Piaget berkenaan pembangunan kognitif kanak-kanak. Kajian beliau banyak berlegar terhadap persoalan-persoalan bagaimana untuk memutuskan sama ada sesuatu perkara itu betul atau salah. Sepertimana juga Piaget, Kohlberg mendapati cara terbaik untuk mempelajari daya kemanusiaan adalah dengan melihat pertumbuhan manusia. Oleh itu, beliau memfokuskan kajiannya terhadap pertumbuhan kanak-kanak.²⁴⁶

Thomas J. Bernt menerangkan pandangan Kohlberg tentang alasan moral iaitu individu yang berada pada tahap permulaan atau pra-konvensional perlu memberikan banyak pertimbangan terhadap tingkah laku mereka. Bagi mereka yang berada di tahap pertengahan iaitu konvensional perlu memberikan perhatian terhadap komponen yang

²⁴⁶ Sila lihat perbincangan sebelum ini yang menghuraikan tahap-tahap perkembangan moral dalam tajuk teori-teori perkembangan. Lihat juga, Coral Giligan and Lawrence Kohlberg (1978), "From Adolescence to Adulthood: The Rediscovery of Reality in Post-conventional World", dalam Barbara Z. Presseisen *et al.* (ed). *Topic in Cognitive Development*. New York: Plenum Press, h. 134.

ada di dalam norma masyarakat. Pada tahap yang teratas pula atau tahap post-konvensional, mereka pula perlu menimbangkan komponen norma peribadi mereka.²⁴⁷

Teori Kohlberg juga menunjukkan bahawa setiap sikap moral bukan sahaja hasil dari sosialisasi tapi juga dari kebiasaan dan kebudayaan. Perkembangan moral kanak-kanak mempunyai hubungan dengan latar belakang keluarga, pembentukan peribadi, pendidikan dan aktiviti sosial. Kohlberg berpendapat tahap perkembangan moral kanak-kanak adalah sama dalam semua masyarakat. Kebudayaan dapat mempengaruhi perkembangan moral kanak-kanak. Rangsangan dan pendedahan yang diterima oleh kanak-kanak akan menentukan lambat atau cepatnya perkembangan moral kanak-kanak itu. Namun matlamat perkembangan adalah sama dan hanya berbeza dari segi pemikiran dan keupayaan kognitif individu itu. Kohlberg seterusnya berpendapat semakin tinggi tahap perkembangan moral seseorang semakin mantap penaakulan moral dan tanggungjawab individu itu.²⁴⁸

Seterusnya, Kohlberg mendapati '*moral conduct may more profitability be viewed as stemming from ego abilities rather than moral habit or feelings*' yang bermaksud peraturan moral lebih dilihat sebagai bersumberkan daripada keupayaan ego berbanding dengan kebiasaan dan perasaan moral. Dalam kajian yang dijalankan beliau juga mencadangkan bahawa peraturan moral menggambarkan kebolehan membuat keputusan berbanding dengan proses pengukuhan perangai tingkahlaku seseorang.²⁴⁹

Bagi mencapai perkembangan moral yang lebih tinggi lagi, Kohlberg berpendapat bahawa seseorang individu itu perlu lebih kerap berinteraksi dengan orang

²⁴⁷ Thomas J. Bernt (1981), "Relation Between Social Cognition and Social Behaviour: The Case of Friendship", dalam John H. Flavell & Lee Ross. (eds.), *Social Cognitive Development Frontiers and Possible Future*. United Kingdom: Cambridge university Press, h. 188

²⁴⁸ Tam Yeow Kwai (2006), *op. cit.*, h. 36.

²⁴⁹ Kohlberg, L. (1964), "Development of Moral Character and Moral Ideology", dalam M.L and L.W. Hoffman (eds.), *Review of Child Development Research*. Vol. I. New York: Russell Sage Foundation, h. 389.

dewasa. Orang dewasa yang memberi tunjuk ajar dan nasihat itu haruslah mempunyai tingkah laku yang sesuai dengan norma masyarakat. Keadaan ini amat penting khasnya pada masa kanak-kanak itu menerima konflik dalam penerima moral itu. Jika proses ini berterusan maka seseorang itu akan dapat memperkembangkan penaakulan moral dan kemudian membentuk sahsiah yang baik serta memperkayakan pengalaman dan peribadinya.²⁵⁰

Selain itu, terdapat pengaruh-pengaruh persekitaran terhadap penaakulan moral. Ia termasuklah cara membesarkan anak, peranan sekolah, interaksi dengan rakan sebaya dan budaya.²⁵¹ Namun ianya akan dibincangkan dengan lebih mendalam dalam perbincangan seterusnya dalam faktor-faktor yang mempengaruhi pertumbuhan personaliti remaja.

Di samping itu juga, Kohlberg menggambarkan kanak-kanak sebagai ahli falsafah moral yang telah mengalami beberapa siri hipotesis dalam pelbagai tahap pembangunan moral sepertimana yang dilalui oleh mereka. Beliau menambah lagi, kanak-kanak mempunyai banyak cara dalam proses membuat pengadilán yang sebenarnya bukan melalui proses dalaman diri mereka yang berpunca daripada faktor luaran dan juga bukan secara langsung daripada keluarga, guru ataupun rakan sebaya mereka. Setiap daripada tahap yang mereka lalui digambarkan sebagai falsafah moral yang terpisah namun secara jelas memberi pandangan terhadap kehidupan sosio-moral.²⁵²

Bagaimanapun, teori perkembangan moral Kohlberg ini mendapat kritikan daripada ahli psikologi yang lain seperti Rest, Glassman dan Yussen, terutamanya

²⁵⁰ Tam Yeow Kwai (2006), *op. cit.*, h. 37..

²⁵¹ Jas Laile Suzana Jaafar (2002), *op. cit.*, h. 30.

²⁵² Kohlberg, L. (1970), "The Child as a Moral Philosopher", dalam P. Cramer (ed.), *Reading in Development Psychology Today*. Del Mar, Calif: CRM Books, h. 109-115.

tentang hubungan di antara pemikiran moral dengan tingkah laku moral. Kohlberg dikritik kerana terlalu memfokuskan kepada komponen pemikiran moral. Kadang-kadang pemikiran moral boleh menjadi benteng atau senjata kepada tingkah laku tidak bermoral. Sebagai contoh, seseorang boleh bercakap tentang nilai yang tinggi dan mulia tetapi dalam masa yang sama mereka tidak mengamalkannya dengan melakukan perbuatan yang sebaliknya.²⁵³

Selain itu, sesetengah ahli psikologi berpendapat bahawa cara Kohlberg mengutip data kurang betul. Contohnya beliau memperkembangkan teorinya berdasarkan kajiannya yang hanya dilakukan pada subjek lelaki. Rest mengatakan seharusnya kita tidak boleh menggunakan satu kaedah sahaja dalam mengutip data tetapi seharusnya menggunakan beberapa alternatif lain harus digunakan dalam mengutip maklumat tentang pemikiran moral. Kaedah yang digunakan oleh Kohlberg adalah dengan dilema moral²⁵⁴ yang bersifat hipotetikal berbanding dengan kaedah yang digunakan oleh Rest iaitu dengan *Defining Issues Test* (DIT). DIT adalah satu kaedah yang cuba menentukan isu moral yang manakah individu rasa lebih kritikal dalam situasi-situasi yang tertentu.

Satu lagi kritikan terhadap teori Kohlberg adalah Glassman mendapati ia bersifat bias-budaya. Snarey pula mendapati kajian-kajian lepas di beberapa buah negara di dunia telah menunjukkan bahawa penaakulan moral lebih bersifat spesifik-budaya daripada apa yang Kohlberg percaya. Selain itu sistem pemarkahan Kohlberg juga tidak

²⁵³ Carol Giligan (2005), "Gender, Moral Judgement and Separately", dalam Nick Lee (ed.), *Childhood and Human Value Development, Separation and Separability*. England: Open University Press., h. 73.

²⁵⁴ Contoh dilema moral yang dibawakan dalam teori perkembangan moral Kohlberg adalah cerita dilema Heinz: "Seorang wanita sedang sakit tenat akibat penderitaan sejenis kanser yang unik. Terdapat sejenis ubat yang boleh menyelamatkan nyawanya. Harga ubat tersebut ialah \$4,000 bagi setiap dos. Suami wanita tersebut yang bernama Heinz menemui ramai orang yang dikenalnya untuk meminjam wang dan telah mencuba semua cara yang dibenarkan dalam undang-undang untuk mendapatkan wang. Bagaimanapun, Heinz hanya dapat mengumpul sebanyak \$2,000. Dia meminta supaya doktor yang menghasilkan ubat tersebut memberinya potongan harga atau membenarkan dia membayar baki harga ubat tersebut pada kemudian hari. Malangnya doktor tersebut enggan. Soalnya, patutkah Heinz pecah masuk ke dalam makmal dan mencuri ubat tersebut untuk menyelamatkan nyawa isterinya?" Lihat Atkinson, R.L. et al. (1983), *Introduction to Psychology*. New York: Harcourt, Brace, Jovanovich, h. 81.

dapat mengenalpasti penaaakulan moral tahap tinggi di beberapa kelompok budaya yang tertentu.²⁵⁵

Di samping itu, Jas Laile memetik pandangan Giligan yang mengkritik Kohlberg kerana tidak cukup kuat dalam menggambarkan hal-hal hubungan dan rasa perihatin terhadap orang lain. Perspektif keadilan adalah satu perspektif moral yang menumpukan perhatian kepada hak-hak seseorang individu. Individu dilihat membuat keputusan sendiri dan membuat keputusan moral tanpa terpengaruh oleh sesiapa. Sebaliknya perspektif ambil berat adalah perspektif moral yang melihat individu dalam konteks saling ikatannya dengan individu lain dan menekankan soal komunikasi interpersonal hubungan dengan orang lain dan rasa ambil berat tentang orang lain. Teori Gilligan adalah satu teori yang menggunakan perspektif ambil berat ini, berbanding dengan teori yang dibawakan oleh Kohlberg.²⁵⁶

Walaupun terdapat beberapa kritikan yang diberikan oleh para sarjana terhadap teori yang dibawakan oleh Kohlberg, ianya tetap dijadikan panduan dalam menilai perkembangan moral manusia.

Dari perspektif Islam pula perkembangan moral adalah disebut sebagai perkembangan dalaman yang menjurus kepada pembinaan sahsiah. Dalam kata lain, ia disebut sebagai perkembangan akhlak. Seperti mana yang dibincangkan sebelum ini, akhlak dapat diringkaskan sebagai keadaan kejiwaan yang mendorong untuk melakukan sesuatu perbuatan tanpa melalui pertimbangan fikiran dan teragak-agak.²⁵⁷

²⁵⁵ Snarey, J. (1987), "Cross-cultural Universality of Social-Moral Development: A Critical review of Kohlbergian Research", dalam *Psychological Bulletin*, h. 202-232. Lihat <http://www.eric.ed.gov>. 2 September 2008.

²⁵⁶ Jas Laile Suzana Jaafar (2002), *op. cit.*, h. 28.

²⁵⁷ Ibn Miskawayh, Ahmad ibn Muhammad (1961), *Tahdhīb al-Akhlāq*. Beirut: Mansyūrah Dār al-Maktabah al-Ḥayāh, h. 31.

Terdapat beberapa faktor yang membantu perkembangan akhlak dalam Islam di antaranya ialah sifat semulajadi (fitrah) manusia, keturunan dan persekitaran.

Mengikut al-Quran dan al-Sunnah dalam menangani masalah ini, al-Quran menjelaskan bahawa fitrah manusia pada asalnya baik iaitu Allah SWT menghiasai diri manusia dengan sifat-sifat terpuji tetapi yang baik ini akan berubah menjadi sebaliknya dengan faktor-faktor luaran. Firman Allah SWT:

فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلدِّينِ حَنِيفًا ۚ فِطْرَتَ اللَّهِ الَّتِي فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا ۚ لَا تَبْدِيلَ
لِخَلْقِ اللَّهِ ۚ ذَٰلِكَ الدِّينُ الْقَيِّمُ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ



Maksudnya:

“(setelah jelas kesesatan syirik itu) maka hadapkanlah dirimu (engkau dan pengikut-pengikutmu, wahai Muhammad) ke arah agama yang jauh dari kesesatan; (turutlah terus) agama Allah, iaitu agama yang Allah menciptakan manusia (dengan keadaan bersedia dari semulajadinya) untuk menerimanya; tidaklah patut ada sebarang perubahan pada ciptaan Allah itu; itulah agama yang betul lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.”

Surah al-Rūm (30):30

Hadith Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Tidak ada kanak-kanak yang dilahirkan melainkan menurut fitrah. Maka kedua-dua ibu bapanyalah yang menjadikan kanak-kanak tersebut sama ada menjadi Yahudi atau Nasrani atau Majusi.”²⁵⁸

Hadith di atas menjelaskan bahawa pada asalnya manusia memiliki akhlak yang baik khasnya sewaktu lahir ke dunia ini secara semulajadinya (fitrah asal). Dia mewarisi sifat-sifat baik manakala sifat jahat atau akhlak yang buruk merupakan sesuatu yang mendatang yang lahir daripada tindak tanduk manusia itu sendiri sama ada melalui persekitaran, pengaruh ibu bapa, sahabat, pendidikan dan lain-lain.

²⁵⁸ al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘īl bin Ibrāhīm bin al-Mughīrat. *Kitāb al-Janāiz*. Bāb Idha aslama ṣabiyyu fa māta. No. hadīth 1359.

Selain itu, keturunan juga mempengaruhi perkembangan akhlak seseorang. Contoh tingkah laku yang ada dalam keturunan manusia adalah sifat manusia yang tidak lari daripada melakukan kesilapan dan bersifat pelupa. Nabi Adam a.s melanggar perintah Allah SWT kerana sifat pelupunya akan larangan Allah SWT.²⁵⁹ Firman Allah SWT:

وَقُلْنَا يَتَادُمُ اسْكُنْ أَنْتَ وَزَوْجُكَ الْجَنَّةَ وَكُلَا مِنْهَا رَغَدًا حَيْثُ شِئْتُمَا وَلَا تَقْرَبَا هَذِهِ الشَّجَرَةَ فَتَكُونَا مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿٢٠﴾ فَأَزَلَّهُمَا الشَّيْطَانُ عَنْهَا فَأَخْرَجَهُمَا مِمَّا كَانَا فِيهِ وَقُلْنَا اهْبِطُوا بَعْضُكُمْ لِبَعْضٍ عَدُوٌّ وَلَكُمْ فِي الْأَرْضِ مُسْتَقَرٌّ وَمَتَاعٌ إِلَىٰ حِينٍ ﴿٢١﴾ فَتَلَقَّىٰ آدَمُ مِنْ رَبِّهِ كَلِمَاتٍ فَتَابَ عَلَيْهِ ۚ إِنَّهُ هُوَ التَّوَّابُ الرَّحِيمُ ﴿٢٢﴾

"dan Kami berfirman: "Wahai Adam! Tinggallah Engkau dan isterimu dalam syurga, dan makanlah dari makanannya sepuas-puasnya apa sahaja kamu berdua sukai, dan janganlah kamu hampiri pokok ini; (jika kamu menghampirinya) maka akan menjadilah kamu dari golongan orang-orang yang zalim". Setelah itu maka syaitan menggelincirkan mereka berdua dari syurga itu dan menyebabkan mereka dikeluarkan dari nikmat yang mereka telah berada di dalamnya dan Kami berfirman: "Turunlah kamu! Sebahagian dari kamu menjadi musuh kepada sebahagian yang lain dan bagi kamu semua disediakan tempat kediaman di bumi, serta mendapat kesenangan hingga ke suatu masa (mati)". kemudian Nabi Adam menerima dari Tuhannya beberapa kalimah (kata-kata pengakuan taubat Yang diamalkannya), lalu Allah menerima taubatnya; Sesungguhnya Allah, Dia lah Yang Maha Pengampun (Penerima taubat), lagi Maha Mengasihani."

Surah al-Baqarah (2): 35-37

Faktor yang seterusnya adalah faktor persekitaran. Ianya termasuklah faktor sahabat menjadi pengaruh yang amat besar dalam kehidupan pelajar dan remaja. Ini kerana mereka mudah bergaul dan mudah menerima pengaruh dalam bentuk meniru dan berfikir. Hubungan dengan rakan sebaya terutamanya persahabatan menghasilkan

²⁵⁹ Ghazali Darusalam (1997), *Dinamika Ilmu Akhlak Islamiah*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd., h. 18.
116

sokongan emosi, maklumat berkenaan tingkah laku dan nilai yang dikongsi bersama dari kalangan mereka.²⁶⁰ Oleh itu, jika sahabat itu menunjukkan jalan kebenaran, maka ia akan beroleh kebaikan dan sekiranya sahabat itu menunjukkan jalan kesesatan sudah pasti ia akan mendapat kesusahan.

Firman Allah SWT:

وَيَوْمَ يَعَضُّ الظَّالِمُ عَلَى يَدَيْهِ يَقُولُ يَلَيْتَنِي أَتَّخَذْتُ مَعَ الرَّسُولِ سَبِيلًا
يَوَيْلَ لِي لَيْتَنِي لَمْ أَتَّخِذْ فُلَانًا خَلِيلًا ﴿٢٨﴾ لَقَدْ أَضَلَّنِي عَنِ الذِّكْرِ
بَعْدَ إِذْ جَاءَنِي ۚ وَكَانَ الشَّيْطَانُ لِلْإِنْسَانِ خَذُولًا ﴿٢٩﴾

Maksudnya:

“dan (ingatkanlah) perihal hari orang-orang yang zalim menggigit kedua-dua tangannya (marahkan dirinya sendiri) sambil berkata: Alangkah baiknya kalau aku (di dunia dahulu) mengambil jalan yang benar bersama-sama Rasul? Wahai celakanya aku, alangkah baiknya kalau aku tidak mengambil si dia itu menjadi sahabat karib! Sesungguhnya dia telah menyesatkan daku dari jalan peringatan (Al-Quran) setelah ia disampaikan kepadaku dan adalah Syaitan itu sentiasa mengecewakan manusia (yang menjadikan dia sahabat karibnya).”

Surah al-Furqān (25): 27-29

Berdasarkan perbincangan yang dibawakan sebelum ini, dapatlah disimpulkan bahawa perkembangan moral dan akhlak remaja ataupun pelajar melalui beberapa peringkat dan tahap. Dari perspektif tokoh yang dipilih iaitu Kohlberg, beliau telah menjelaskan bahawa perkembangan moral seseorang individu itu melalui tiga tahap seperti yang dibincangkan iaitu pra-konvensional, konvensional dan post-konvensional. Kesemua tahap tersebut dilihat sebagai satu cara untuk mengukur kebolehan individu menguasai aspek moral dalam diri mereka berdasarkan peringkat usia masing-masing.

²⁶⁰ Ghazali Othman (2003), *op. cit.*, h. 2.

Manakala, dari sudut Islam perkembangan akhlak adalah dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti faktor sifat semulajadi manusia (fitrah), keturunan dan persekitaran. Namun, di antara pandangan Kohlberg dan Islam masing-masing mempunyai satu persamaan iaitu membawa manusia ke arah kehidupan yang lebih baik berdasarkan prinsip-prinsip yang diterima pakai oleh masyarakat umum.

2.3.4 Faktor-faktor yang Mempengaruhi Perkembangan Psikologi Pelajar

Bahagian ini akan membincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan psikologi pelajar. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, perkembangan psikologi pelajar berhubung kait dengan aspek-aspek seperti berikut iaitu teori perkembangan, perkembangan kognitif dan moral pelajar. Sehubungan itu, pengkaji akan melihat apakah faktor-faktor yang mempengaruhi aspek-aspek tersebut berdasarkan beberapa pandangan penulis.

Menurut Dorothy Rogers, dalam bukunya *Life-Span Human Development* beliau mendapati terdapat beberapa faktor yang mendorong kepada perkembangan dan pertumbuhan psikologi diri seseorang. Beliau menggariskan faktor tersebut seperti perwarisan, kekeluargaan, jantina, kelas sosial dan budaya dan juga media massa.²⁶¹

Manakala Henry Clay Lindgren pula juga mengakui bahawa faktor-faktor seperti hubungan kekeluargaan di antara anak dengan keluarga, hubungan rakan sebaya di kalangan kanak-kanak dan remaja dan budaya turut sama memberi kesan ke atas pertumbuhan dan perkembangan psikologi individu.²⁶²

²⁶¹ Dorothy Rogers (1982), *Life-Span Human Development*. California: Brooks Cole Publishing Company, h. 71.

²⁶² Henry Clay Lindgren (1975), *Children Behavior: An Introduction to Research Studies*. California: Mayfield Publishing Company, h. 100.

Karen B. Owens turut bersetuju faktor keturunan dan persekitaran memainkan peranan utama dalam perkembangan psikologi seseorang individu. Beliau menulis dalam bukunya *Child and Adolescent Development: An Integrated Approach* dan mendapati faktor keturunan dan persekitaran memberikan kesan ke atas pertumbuhan dan perkembangan seseorang individu. Menurut beliau, kedua faktor-faktor tersebut bukanlah berperanan secara berasingan malah keduanya berfungsi dalam menentukan siapa diri kita. Termasuk dalam faktor keturunan seperti DNA dan genetik manakala persekitaran pula seperti budaya dan pengaruh rakan sebaya.²⁶³

Selain itu menurut Greta G. Fein beliau turut menyenaraikan beberapa faktor yang menyumbang kepada pertumbuhan dan perkembangan psikologi seseorang. Beliau memecahkannya kepada dua aspek iaitu aspek dalaman dan luaran. Aspek dalaman merangkumi bahagian fizikal dan potensi yang dimiliki oleh setiap individu. Manakala aspek luaran termasuklah perkara yang berhubung dengan material, ekonomi dan kehidupan sosial seseorang itu sendiri.²⁶⁴

Berdasarkan beberapa pandangan yang diberikan sebelum ini, dapatlah disimpulkan bahawa terdapat tiga faktor utama yang menyumbang kepada pertumbuhan dan perkembangan psikologi individu iaitu faktor perwarisan atau baka, pengalaman, budaya dan persekitaran. Di bawah ini dinyatakan faktor-faktor tersebut seperti berikut.

1. Perwarisan atau Baka

Baka atau gen diwarisi dikatakan mempunyai pengaruh yang kuat terhadap perkembangan psikologi seseorang individu. Pola genetik yang diwarisi pada masa

²⁶³ Karen B. Owens (2002), *Child and Adolescent Development: An Integrated Approach*. United Kingdom: Wadworth Thomson Learning, h. 80.

²⁶⁴ Greta G. Fein (1978), *Child Development*. New Jersey: Prentice-Hall Inc., h. 47.

persenyawaan akan mempengaruhi perkembangan personaliti²⁶⁵ individu contohnya penyakit yang diperoleh semasa lahir akan mempengaruhi tingkahlaku individu. Ahli psikologi juga berpendapat bahwa faktor-faktor yang berhubungan dengan bentuk tubuh badan seperti ketinggian, berat badan dan warna kulit juga menentukan personaliti individu. Begitu juga dengan penyakit mungkin disebabkan oleh pengaruh kebakaan. Contohnya penyakit kencing manis dan lelah. Individu yang mempunyai penyakit tersebut akan kurang tenaga dan berasa malu, bersifat pendiam, mudah marah dan menarik diri dari aktiviti-aktiviti sosial. Dengan ini akan terbentuklah personaliti yang kurang sihat kerana perkembangan sosial dan emosinya terjejas. Selain itu kecerdasan juga mempunyai hubungan dengan kebakaan. Kecerdasan yang tinggi akan menyebabkan individu itu dapat meningkatkan kecekapan akademik. Ini akan membina keyakinan diri individu dalam membentuk personalitinya. Manakala kecerdasan yang rendah akan menyebabkan perasaan malu dan pasif.²⁶⁶

Richard S. Lazorus juga bersetuju bahawa baka atau genetik mempengaruhi pertumbuhan dan perkembangan psikologi inidividu. Beliau membawakan kenyataan seperti berikut:

*"Many genetically influenced human traits, for example intellectual capacity, vary from person to person, and it is likely that they affect the chances of survival and therefore the chances to reproduce before premature death."*²⁶⁷

²⁶⁵ Terdapat beberapa definisi personaliti yang dapat diketengahkan iaitu:

- a. *Kamus Dewan* mentakrifkan personaliti sebagai keperibadian, atau perwatakan. Lihat Teuku Iskandar (1991), *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 954.
- b. Abdul Aziz al-Qusi mendapati ianya juga disebut sahiah dan menurutnya, sahiah terdiri daripada beberapa aspek iaitu satu persediaan fitrah yang berbeza di antara individu dengan individu yang lain. Ia merangkumi pegangan, kelembutan dan adat, sifat-sifat fizikal, tahap keupayaan berbeza, kekuatan dan kematangan aspek pemikiran. Lihat Abdul Aziz al-Qusi (1952), *Asās al-Sihhatul al-Nafsiyyah*. Kaherah: Maktabah al-Nahdah al-Miṣriyyah, h. 89.
- c. Abdul Aziz Mohd. Zin pula mendapati secara ringkas personaliti ialah sifat-sifat dan ciri-ciri keperibadian yang ada pada seseorang individu. Abdul Aziz Mohd. Zin (1999), *Psikologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, h. 7.
- d. Gardon W. Alport mengatakan "personality is the sum total of the effect made by an individual upon society, habits or action which successfully influence other people response made by others to the individual as a stimulus, what others think of you" Lihat Gordon W. Alport (1961), *Pattern and Growth in Personality*, New York: Holt, Rineart and Winston, h. 23.

²⁶⁶ Grace J. Craig (1996), *Human Development*. New Jersey: Prentice-Hall, Inc., 75.

²⁶⁷ Richard S. Lazorus (1971), *Personality*. New Jersey: Prentice Hall. Inc., h. 94.

Dalam kenyataan tersebut, dapatlah difahami bahawa faktor kebakaan dapat mempengaruhi psikologi seseorang dalam hal yang berkaitan dengan personaliti, dan ianya berbeza dengan seorang individu dengan individu yang lain. Ia juga dapat membantu manusia untuk meneruskan kehidupan mereka dan berkembang biak sebelum berdepan dengan kematian.

Baka sebenarnya dihubungkan dengan kecerdasan dan juga bentuk tubuh. Ramai yang bersetuju bahawa personaliti seseorang dipengaruhi oleh faktor baka atau genetik. Maksudnya apabila janin terbentuk dalam kandungan ibu ia akan mewarisi gen daripada ibu bapa dan gabungan tersebut menghasilkan *blueprint* bagi personaliti yang tersendiri dan unik kecuali kes bayi kembar seiras. Bagaimanapun ada juga yang berpendapat baka hanyalah berfungsi sebagai pembawaan dan potensi untuk berkembang manakala persekitaranlah yang akan membentuk personaliti, tingkah laku dan kebolehan mental-emosi seseorang sama ada ia cerdas ataupun tidak.²⁶⁸

Manakala Suppiah *et al.*, mendapati faktor baka juga menyumbang kepada pembentukan sahsiah dan kecerdasan seseorang individu. Beliau menerangkan bahawa kajian mendapati sahsiah adalah diwarisi daripada ibu atau bapa melalui baka. Trait-trait personaliti adalah diwarisi daripada ibu bapa dan akan kekal pada individu sepanjang hayatnya. Selain itu, sebahagian besar dimensi personaliti adalah perwarisan baka. Contohnya personaliti *ekstrovert*, di mana seseorang lebih suka bersosial dan selalu gembira dan *introvert* di mana individu biasanya pemalu, suka menyendiri dan kurang selesa bergaul dengan ramai orang. Suppiah *et al.* juga memetik pendapat ahli-ahli psikologi seperti Alfred Binet (1857-1911), Theodore Simon (1873-1961) bahawa kecerdasan adalah diwarisi dan percaya bahawa kecerdasan tidak dapat dipertingkatkan dengan pengajaran. Bagaimanapun pendapat ini tidak dipersetujui oleh Howard Gardner

²⁶⁸ Grace J. Craig (1996), *op. cit.*, h. 91.

(1983) dan Sternberg (1985) yang mengatakan kecerdasan yang diwarisi boleh dipertingkatkan melalui pembelajaran dan memberi persekitaran yang kondusif untuk membolehkan pembelajaran berlaku.²⁶⁹

2. Pengalaman

Menurut William C. Crain, beliau memetik pendapat Schatel berkaitan pengalaman individu dalam membantu perkembangan dan pertumbuhan psikologi. Menurut beliau pengalaman dalam usia kanak-kanak dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu semasa bayi dan awal kanak-kanak (usia satu hingga lima tahun). Pada peringkat bayi, ia lebih cenderung kepada pengalaman deria iaitu rasa, bau dan sentuhan. Manakala pada peringkat awal kanak-kanak pula mereka akan meneroka alam sekeliling melalui apa yang terdapat di sekeliling mereka. Pengalaman yang diterima oleh bayi dan kanak-kanak itu tadi dapat mempengaruhi perkembangan psikologi mereka berdasarkan apa yang dicerap oleh mereka.²⁷⁰

Stephen M.Kosslyn *et al.* juga bersetuju bahawa pengalaman dapat mempengaruhi pertumbuhan dan perkembangan psikologi individu. Beliau berpendapat sikap yang dimiliki oleh seseorang individu adalah dibentuk dan dipupuk oleh pengalaman individu sepertimana halnya dengan personaliti itu sendiri. Sebagai contoh, pengalaman seseorang menyaksikan sendiri kemalangan yang dialami oleh rakannya akan dapat mempengaruhi sikap terhadap peristiwa yang lain dalam jangka masa yang panjang dalam aspek psikologi dan pemikiran. Kesan daripada peristiwa tersebut akan kekal dalam pemikiran dan tingkah laku individu.²⁷¹

²⁶⁹ Suppiah Nachiappan *et al.* (2008), *Pembelajaran Aktif: Psikologi Pendidikan*. Tanjong Malim: Quantum Books, h. 18.

²⁷⁰ William C. Crain (1980), *Theories of Development: Concepts and Applications*. New Jersey: Prentice-Hall, Inc., h. 180.

²⁷¹ Stephn M. Kosslyn *et al.* (2004), *Psychology*. U.S.A : Pearson Education Ltd., h. 675.

Pengalaman turut berperanan dalam mempengaruhi pertumbuhan psikologi seseorang individu. Pengalaman individu ini terbahagi kepada dua iaitu pengalaman yang unik pada individu itu sahaja dan pengalaman umum. Pengalaman yang unik pada individu menyebabkan ia bertindak dengan cara yang tersendiri apabila mengalami tekanan sosial. Perbezaan ini mungkin disebabkan oleh kelainan biologikal individu (misalnya daripada segi kekuatan fizikal, kepekaan dan ketahanannya) dan mungkin juga dari segi pendidikan oleh keluarga dan dari pemerhatian individu terhadap model-model tertentu. Manakala pengalaman umum pula merujuk kepada pengalaman yang diperoleh oleh seseorang individu berdasarkan kebudayaan, adat resam, kepercayaan, nilai dan cara hidup bermasyarakat.²⁷²

Apabila proses pengalaman telah dapat diterima oleh seseorang individu, barulah proses pembelajaran berlaku. Ee Ah Meng mendapati proses pembelajaran adalah berbeza-beza bagi setiap individu. Menurutnya, faktor-faktor lain turut mempengaruhi pembelajaran seperti faktor baka dan persekitaran.²⁷³

Maarof dan Haslinda mendapati pengalaman juga mempengaruhi pembentukan psikologi seseorang individu. Menurut mereka, pengalaman itu termasuklah proses pembelajaran. Oleh itu pembentukan personaliti juga dipengaruhi oleh kesan daripada perhubungan dengan ibu bapa, kawan sepermainan, saudara mara dan orang lain. Namun begitu pengalaman awal kanak-kanak adalah penting dalam mempengaruhi personaliti mereka selanjutnya seperti proses penyusuan, cara ibu bapa memelihara anak dan perhubungan emosi awal di antara ibu dan anak-anak mereka.²⁷⁴

²⁷² Asmawati Desa (2004), *Psikologi Untuk Golongan Profesional*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd., h. 147.

²⁷³ Ee Ah Meng (1997), *Psikologi Pendidikan II*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., h. 149.

²⁷⁴ Maarof Redzuan dan Haslinda Abdullah (2004), *op. cit.*, h. 142.

Shahabuddin dan Rohizani selanjutnya mendapati faktor pengalaman sedia ada di kalangan kanak-kanak dan remaja mempengaruhi kesediaan untuk menerima pelajaran. Para guru kerap menghadapi masalah dalam memperkenalkan sesuatu tajuk yang baru kepada para pelajar disebabkan latar belakang pengalaman pelajar yang berbeza, misalnya mereka yang datang dari keluarga yang berada mempunyai perbezaan dengan mereka yang kurang mampu. Kesediaan kognitif mempengaruhi kesediaan afektif, begitu juga kesediaan psikomotor akan mempengaruhi kesediaan kognitif dan begitulah seterusnya. Oleh itu, pengalaman yang berbeza-beza akan mencetuskan tingkah laku yang berbeza dalam pembentukan psikologi di kalangan mereka.²⁷⁵

Seterusnya bagi Abd. Ghafar Md. Din, proses pembelajaran adalah satu pengalaman. Pengalaman yang dialami dalam proses pembelajaran ada yang menarik dan mudah, dan ada yang menjemukan dan sukar. Beliau memetik pendapat J.F Callohan *et al.* yang membahagikan tahap pembelajaran kepada lima peringkat iaitu pengalaman sebenar, pengalaman simulasi, pengalaman imaginasi, pengalaman visual dan pengalaman verbal. Kesemua peringkat pengalaman yang dinyatakan tadi mempengaruhi psikologi pelajar dalam kehidupan mereka seharian.²⁷⁶

3. Budaya

Budaya bermaksud tamadun, peradaban, cara kelakuan, kemajuan akal dan budi, dan kemajuan.²⁷⁷ Menurut James E. Birren *et al.* budaya memberi kesan ke atas perkembangan tingkah laku seseorang individu dalam dua aspek iaitu perkembangan motor dan persepsi. Budaya dapat menyalurkan pengetahuan yang diperlukan oleh individu untuk hidup dalam persekitarannya. Manusia dilahirkan dengan kebolehan

²⁷⁵ Shahabuddin Hashim dan Rohizani Yaakub (2002), *Psikologi Pembelajaran dan Personaliti*. Pahang: PTS Publications Sdn. Bhd., h. 15.

²⁷⁶ Abd. Ghafar Md. Din (2003), *Prinsip dan Amalan Pengajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications, h. 11.

²⁷⁷ Teuku Iskandar (1991), *op. cit.*, h. 165.

untuk membangunkan sesuatu budaya dan kesannya dapat dilihat dalam perkembangan motor iaitu kebolehan untuk bergerak dalam persekitarannya. Sebagai contoh, seorang bayi akan mula merangkak, berdiri dan seterusnya berjalan namun perkembangannya tidak sama di antara kanak-kanak bangsa Amerika dan Eropah.²⁷⁸

Lois Hoffman *et al.* mendapati faktor kebudayaan juga mempengaruhi perkembangan dan pertumbuhan psikologi individu. Beliau membawakan contoh budaya yang berbeza di antara peringkat atau kelas masyarakat mampu memberikan kesan ke atas pertumbuhan kanak-kanak. Ia termasuklah hal yang berkait dengan nilai, gaya hidup, pandangan keluarga terhadap kompetensi anak-anak mereka. Menurut Hoffman, keluarga daripada kelas bawahan meluangkan masa yang sedikit dalam penjagaan anak berbanding dengan keluarga dalam kelas pertengahan. Hubungan kekeluargaan juga berbeza disebabkan oleh perbezaan budaya. Beliau mendapati ibu-ibu di Uganda adalah lebih kerap berinteraksi dengan anak-anak mereka berbanding di negara Barat sebab di sana mereka lebih cenderung untuk memilih pengasuh bagi menjaga anak mereka.²⁷⁹

Selain itu, Leon Kuczynski mengakui bahwa budaya turut mempengaruhi pertumbuhan hubungan psikologi di antara keluarga dan ahlinya. Konteks budaya menurut beliau lagi adalah sumber yang penting dalam hubungan kekeluargaan. Budaya juga dapat membangunkan potensi psikologi mereka dalam hal yang berkaitan dengan kasih sayang, pendidikan, hak kebebasan, hak untuk mengeksperesi diri, hak untuk mendapatkan kegembiraan dan juga norma dalam hubungan keluarga yang lebih intim. Hubungan kekeluargaan dapat dibentuk oleh budaya nilai yang dipindahkan dan diubahsuai oleh satu sistem formal dan informal dalam tahap-tahap budaya yang

²⁷⁸ James E. Birren *et al.* (1981), *Developmental Psychology*. U.S.A: International University Press, h. 335.

²⁷⁹ Lois Hoffman *et al.* (1988), *Developmental Psychology Today*. New York: McGraw-Hill Publishing Company, h. 196.

berbeza. Malahan, nilai budaya adalah nilai yang dikongsi dan memberi makna kepada hubungan kekeluargaan termasuklah teori yang berkaitan dengan membesarkan anak-anak, penentuan matlamat dan tindakan yang dapat mempengaruhi perkembangan dan pertumbuhan psikologi individu.²⁸⁰

Neil P. Carlson *et al.* mendapati budaya memainkan peranan yang penting dalam membentuk jati diri dan persepsi individu kepada orang lain. Ia juga dapat mempengaruhi individu dalam konteks pembangunan dan perkembangan psikologi dirinya sendiri. Beliau membawakan contoh budaya di Barat, keluarga menggalakkan anak-anak mereka untuk menghabiskan hidangan makan malam dengan membandingkan kelaparan yang berlaku di benua Afrika. Dengan ini, mereka akan bersyukur dengan nikmat makan yang diperoleh mereka. Selain itu budaya masyarakat Barat juga cenderung melihat kepelbagaian individu di antara satu dengan yang lain melalui menghargai kelainan itu. Ini disebut sebagai budaya khusus individu. Manakala masyarakat di Jepun dan di negara Asia yang lain cenderung untuk memberi perhatian kepada orang lain dan hubungan mereka dengan yang lain dan ini disebut sebagai budaya kolektif. Kepelbagaian budaya ini secara tidak langsung memberikan kesan terhadap perkembangan psikologi individu dalam konteks personaliti dan persepsi individu.²⁸¹

4. Persekitaran

Menurut Dorothy Rogers, faktor persekitaran juga mempengaruhi pertumbuhan psikologi seseorang individu. Terdapat beberapa perkara lain yang berhubungan dengan faktor persekitaran, ia termasuklah asuhan dan didikan awal ibu bapa, pemakanan dan

²⁸⁰ Leon Kuczynski (2003), "Beyond Bidirectionality: Bilateral Conceptual Framework for Understanding Dynamics in Parent-Child Relations", dalam Leon Kuczynski (ed.) *Handbook of Dynamics in Parent-Child Relations*. London: Sage Publications, Inc., h. 17.

²⁸¹ Neil P. Carlson *et al.* (2000), *Psychology The Science of Behavior*. England: Pearson Education Limited, h. 512-513.

pendidikan yang diterima di sekolah, pengaruh rakan sebaya dan media massa.²⁸² Untuk lebih membantu kefahaman kita, di bawah ini akan dibincangkan pecahan faktor tersebut dengan ringkas.

i. Asuhan dan didikan awal ibu bapa

Karl C. Garrison mendapati corak asuhan ibu bapa dapat menentukan peribadi individu dan memberikan kesan terhadap perkembangan psikologi kanak-kanak dan remaja. Keluarga yang memerlukan di antara satu sama lain dapat menjalinkan kehidupan yang bahagia dan tenteram. Beliau mengatakan “*all happy families resemble one another, every unhappy family is unhappy in its own way.*”²⁸³

John Byng-Hall juga bersetuju bahawa keluarga memainkan peranan dalam membina sistem nilai dan kepercayaan dalam diri seseorang individu. Ianya akan menyerap dalam diri dan membentuk tingkah laku di antara ahli keluarga. Beliau menyebut:

*“Thus each family influence the values and belief which become institutionalised and part of conventional behavior and is in turn influenced by them, in a kind of reciprocal relationship.”*²⁸⁴

Manakala dalam kajian yang dilakukan oleh Lester D. Crow dan Alice Crow mereka berdua mendapati personaliti remaja mempunyai kaitan dengan latar belakang keluarga mereka. Kajian mereka telah dijalankan ke atas 34 orang remaja yang terdapat di daerah Prairei City pada tahun 1933. Kesemua remaja tersebut telah ditemubual dan diuji itu berusia 10 hingga 18 tahun. Kajian mereka mendapati corak personaliti

²⁸² Dorothy Rogers (1969), *Child Psychology*. California: Wadsworth Publishing Company, h. 256-263.

²⁸³ Karl C. Garrison (1965), *Psychology of Adolescence*. New Jersey: Prentice-Hall Inc., h. 266.

²⁸⁴ John Byng-Hall *et al.* (1975), “Adolescence and The Family”, dalam Simon Meyerson (ed.) *Adolescence The Crises of Adjustment*. London: George Allen & Unwin Ltd., h. 66.

seseorang remaja itu signifikan dan mempunyai hubungan dengan pengalaman dan personaliti daripada keluarga masing-masing.²⁸⁵

Suasana rumah dalam sesebuah keluarga dapat mempengaruhi psikologi seseorang individu. Suasana rumah yang harmonis dan mesra membawa personaliti yang sihat. Begitu juga keadaan yang aman dan tenang di dalam keluarga menjadi harapan kepada setiap orang. Ruqaiyyah Waris Maqsood memberikan panduan berguna dalam membangunkan keluarga yang tenteram. Menurutnya, “*The best of you are those who are best to your families*” adalah prinsip yang perlu diamalkan. Keluarga yang retak akan mewujudkan persekitaran yang dingin dan mengancam perkembangan kanak-kanak dari aspek emosi dan sosial. Ini akan menyebabkan anak-anak bersikap melawan, bersikap dingin, pesimis. Ibu bapa yang bersikap demokratik akan membantu anak-anak dalam proses membuat keputusan.²⁸⁶

H. Widjaja *et al.* mendapati keluarga dan penjaga memainkan peranan yang penting di dalam pembangunan psikologi remaja dalam mencorakkan masa depan mereka. Pandangan daripada perspektif remaja haruslah diambil dalam membentuk mereka kerana ianya memberikan kesan terhadap perkembangan masa depan mereka. Cara didikan autoritatif membentuk situasi yang bagus. Namun ianya memerlukan perbincangan di antara remaja dan keluarga bagi membantu perkembangan orientasi masa depan mereka. Remaja yang tinggal bersama keluarga mempunyai masa depan yang baik berbanding yang tinggal secara berasingan.²⁸⁷

²⁸⁵ Lester Caw dan Alice Caw (1965), *Adolescence Development and Adjustment*. London: McGraw-Hill Book Company, h. 162.

²⁸⁶ Ruqaiyyah Waris Maqsood (2008), “Peace and Tranquillity in the Family” . *Forward*. Mei 2008. Bil. 23, h. 58-60.

²⁸⁷ H. Widjaja *et al.* (2000), “The Relationship Between Parental Guidance and Adolescence’s Future Orientation”, dalam Mohamad Haji Yusuf dan Abdul Halim Othman (eds.), *Afro-Asian Psychology: Educational Developmental and Cognitive Perspective*. Bangi: Penerbit UKM, h. 132.

Dorothy Rogers pula mendapati kajian-kajian lepas telah menunjukkan bahawa cara ibu bapa mendisiplinkan anak-anak di rumah juga mempengaruhi pertumbuhan dan perkembangan psikologi pelajar. Terdapat beberapa jenis asuhan yang dipraktikkan seperti autoritarian iaitu mementingkan ketaatan sehingga mengorbankan autonomi anak-anak. Jenis yang kedua pula permisif iaitu memberi sepenuh kebebasan dan meletakkan pencapaian yang diharapkan daripada anak-anak mereka dan jenis yang ketiga autoritatif iaitu membentuk tingkah laku kanak-kanak mengikut kebolehan diri mereka, pada masa yang sama menyatakan harapan atau tingkah laku yang mereka harapkan dicapai oleh anak-anak mereka.²⁸⁸

Joyce Wolfgang and William Marjorie Stith pula menegaskan keluarga adalah guru pertama dalam memberikan idea dan nilai kepada kanak-kanak dan remaja. Bukan sahaja melalui perkataan yang diucapkan, malahan melalui aktiviti yang disertai oleh mereka, layanan yang mereka perolehi, hal berkaitan kewangan dan perbelanjaan, gaya disiplin, jenis dan lokasi kediaman serta pelbagai lagi pilihan yang berkaitan dengan kehidupan mereka.²⁸⁹

Dra. Ny. Y. Singgih *et al.* pula mengakui bahawa sebenarnya fungsi keluarga tidaklah terbatas hanya untuk meneruskan keturunan sahaja. Dalam bidang pendidikan, keluarga merupakan sumber pendidikan utama, kerana segala pengetahuan dan kecerdasan intelektual manusia diperoleh oleh kanak-kanak dari orang tua dan anggota keluarganya.²⁹⁰

Shahizan *et al.* pula menjelaskan keluarga banyak mempengaruhi estimasi diri remaja dan ini mempengaruhi interpersonal remaja itu sendiri. Beliau memetik kajian

²⁸⁸ Dorothy Rogers (1969), *op. cit.*, h. 253-254.

²⁸⁹ Joyce Wolfgang and William Marjorie Stith (1974), *Middle Childhood Behaviour and Development*. New York: Mac Millan Publishing Co. Inc., h. 337.

²⁹⁰ Dra. Ny. Y. Singgih *et al.* (1993), *Psikologi Untuk Keluarga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1.

yang dilakukan oleh Coopersmith (1967), ciri-ciri kekeluargaan berhubung rapat dengan remaja lelaki. Antara ciri-ciri itu adalah perluhan kasih sayang, ambil berat dengan masalah mereka dan menunjukkan keadaan harmoni di dalam rumah. Menurut Small (1990), ibu bapa yang mempamerkan sikap ketrampilan pada anak remaja akan merangsang ketrampilan remaja terutamanya dalam hubungan interpersonal. Antara aspek ketrampilan yang boleh diaplikasikan oleh ibu bapa bagi mewujudkan ketrampilan anak remaja adalah menunjukkan rasa mesra dan hormat pada remaja dan mendemostrasikan rasa minat pada kehidupan mereka.²⁹¹

ii. Pemakanan

Hiram E. Fitzgerald *et al.* mendapati faktor pemakanan juga secara tidak langsung dapat mempengaruhi pembentukan personaliti. Makanan yang seimbang membawa kepada kesihatan yang baik dan dapat mempengaruhi aspek psikologi yang sihat. Kekurangan sesuatu jenis zat makanan akan menyebabkan individu mudah letih atau terkena sesuatu penyakit. Ini secara tidak langsung akan menjejaskan perkembangan jasmani, intelek dan rohaninya dan akan mengganggu perkembangan personalitinya. Selain itu, kekurangan zat makanan juga akan menyebabkan kelahiran pra-matang, kekurangan berat pada bayi dan tekanan pada pertumbuhan otak dan sistem saraf pada bayi.²⁹²

Abraham Maslow dalam teorinya berkaitan hierarki keperluan manusia, manusia memerlukan dua keperluan asas dan keperluan perkembangan. Dalam memenuhi keperluan asas, keperluan fisiologi adalah keperluan yang paling utama dan dapat mempengaruhi psikologi laku manusia. Contoh keperluan fisiologi ini termasuklah rasa lapar, dahaga, rehat, pembuangan najis dan seks. Jika keperluan untuk makan tidak

²⁹¹ Shahizan *et al.* (2004), *Intrapersonal dan Interpersonal Untuk Remaja*. Pahang: PTS Publications and Distributors, h. 38.

²⁹² Hiram E. Fitzgerald *et al.* (1982), *Developmental Psychology: The Infant and Young Child*. Illinois: The Dorsey Press, h. 49.

dipenuhi, keperluan yang lain seperti keselamatan, disayangi dan rasa harga diri serta keinginan ke arah kesempurnaan diri akan diabaikan. Manusia memerlukan makanan seimbang untuk mendapatkan tenaga untuk pergerakan, menggantikan sel badan yang mati dan untuk perkembangan badan. Ia seterusnya dapat membantu manusia untuk terus bermotivasi untuk bergerak ke arah keperluan-keperluan yang lain.²⁹³

Kristen Galisson pula menjelaskan tabiat individu lelaki dan perempuan semasa memilih makanan juga dapat menggambarkan personaliti masing-masing. Dalam pemerhatian beliau terhadap 1,005 orang lelaki dan perempuan apabila ditanya apakah makanan kegemaran mereka, jawapan yang diberikan adalah ais krim. Beliau mendapati secara kognitifnya seseorang itu menghubungkan makanan yang tertentu seperti ais krim adalah disebabkan pengalaman semasa kecil. Selain itu, kaum wanita pula menyukai makanan yang manis seperti coklat manakala kaum lelaki lebih menggemari makanan yang panas dan pedas seperti pizza. Ini sebenarnya menggambarkan peranan makanan dalam mempengaruhi aspek psikologi dan personaliti seseorang individu dalam kehidupan mereka.²⁹⁴

Azizi Yahaya *et al.* seterusnya mendapati kesihatan badan yang baik penting bagi menjamin kesihatan otak yang baik. Ada pepatah mengatakan otak yang baik dalam badan yang baik. Oleh itu bagi menjaga kesihatan otak faktor pemakanan adalah perkara penting yang mempengaruhinya. Seperti organ badan yang lain, otak memerlukan bekalan oksigen dan nutrien bagi berfungsi dengan baik. Makanan yang dimakan akan membekalkan darah daripada sistem penghadaman dan menyerap isyarat-isyarat yang terdahulu daripada darah. Otak seterusnya menukar isyarat-isyarat terdahulu kepada neurotransmitter. Kemudian tahap-tahap neurotransmitter akan

²⁹³ Maslow, A.H., (1970). *Motivation and Personality*. New York: Harper and Row, h. 45.

²⁹⁴ Food for Comfort <http://www.psychologytoday.com/articles/pto-20010101-000021.html>, 19 Disember 2008.

mempengaruhi sel-sel otak dibakar dan seterusnya mempengaruhi tingkah laku seseorang individu.²⁹⁵

Di samping itu, Kamarudin Hj. Husin juga bersetuju bahawa faktor pemakanan dapat mempengaruhi psikologi individu. Beliau menjelaskan pemakanan yang seimbang turut penting seawal kandungan dan akan menghasilkan bayi yang sihat pada seseorang ibu yang hamil. Justeru, apa yang dimakan oleh ibu akan memberi kesan kepada kandungannya. Pemakanan yang seimbang dari segi zat dan kandungan vitamin dapat membantu pertumbuhan fizikal dan mental janin yang baik. Sebaliknya jika si ibu itu mengambil dadah semasa mengandung, ia akan mengakibatkan kecacatan kepada bayi dalam kandungannya itu.²⁹⁶

iii. Pendidikan

Robert G. Myers mendapati dalam memperkenalkan pendidikan awal kepada kanak-kanak, ia adalah merupakan perkara yang amat penting dan merupakan satu jenis pelaburan yang baik kerana ia memberikan kesan kepada pembentukan psikologi di kalangan mereka hingga dewasa. Pendidikan baginya merupakan proses penting untuk menguatkan nilai dalam diri kanak-kanak dan remaja. Oleh itu beliau mencadangkan agar mereka mendapat pendidikan awal sama ada semasa mereka di rumah ataupun melalui program yang dianjurkan oleh organisasi luar. Ini bertujuan membentuk peribadi yang luhur di kalangan mereka.²⁹⁷

North pula menjelaskan pendidikan masa kini sama ada di sekolah, kolej dan universiti terlalu memberatkan kaedah pedagogi yang pasif. Ia tidak membantu pelajar

²⁹⁵ Azizi Yahaya *et al.* (2005), *Aplikasi Kognitif Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn Bhd., h. 251.

²⁹⁶ Kamarudin Hj. Husin (1997), *Psikologi Bilik Darjah: Asas Pedagogi*. Kuala Lumpur: Utusan Publications Sdn. Bhd., h. 37.

²⁹⁷ Robert G. Myers (1999), "Early Childhood Development as an Investment", dalam Chian Heng Keng *et al.* (ed.) *Excellence in Early Childhood Education*. Selangor: Pelanduk Publications, h. 48.

menjadi kompeten dan membangunkan kebolehan kreativiti mereka. Kebolehan peribadi, penyelesaian masalah dan kemahiran organisasi yang diperlukan oleh mereka tidak cukup dengan hanya berbekalkan akademik semata-mata. Mereka perlu belajar mengenali diri mereka dalam proses mengetahui sesuatu perkara itu betul atau salah melalui pemantauan oleh mereka yang berkecuali. Oleh itu, pendidikan bukan sahaja tertumpu kepada kertas peperiksaan sahaja malah seharusnya lebih menjurus kepada pembentukan psikologi dan personaliti yang sihat.²⁹⁸

Pendidikan merupakan proses penting yang dilalui oleh setiap tingkat dan tahap individu. Peranan institusi pendidikan dalam mempengaruhi perkembangan aspek psikologi pelajar tidak dapat dinafikan. Golongan pelajar termasuk remaja juga tidak terkecuali dalam hal ini dan banyak perubahan dalam diri remaja dipengaruhi oleh pendidikan yang diterima oleh mereka. Pengaruh sekolah terhadap perkembangan kanak-kanak dan remaja pula bergantung pada saiz sekolah, kelulusan guru yang diterima. Kesemuanya ini memberi kesan pada tingkah laku, falsafah hidup, persepsi dan pembelajaran kanak-kanak dan remaja. Sebagai contoh, sekolah yang terletak di kawasan setinggan mungkin mempunyai kemudahan yang terhad dan mungkin mengalami gangguan dengan masalah sosial setinggan.²⁹⁹

Selain itu Rahil Mahyuddin menambah, kajian mendapati bahawa remaja yang mempunyai pencapaian yang baik dalam akademik mempunyai pola identifikasi yang kukuh dengan nilai sekolah, rakan sebaya dan juga keluarga mereka. Pelajar yang pandai menganggap sekolah sebagai menyediakan mereka kepada alam pekerjaan.³⁰⁰ Ini seterusnya dapat membentuk jati diri dalam diri mereka supaya berupaya menjadi generasi yang mempunyai nilai diri yang baik seperti bertanggungjawab, jujur, amanah

²⁹⁸ Richards North (1987), *Schools of Tomorrow*. Hartland: Green Books, h. 102.

²⁹⁹ Siti Hawa Munji *et al.* (1990), *Pengantar Psikologi*. Selangor: Fajar Bakti Sdn. Bhd., h. 106.

³⁰⁰ Rahil Mahyuddin *et al.* (2005), *op. cit.*, h. 124.

rajin dan sebagainya. Bagaimanapun, pendidikan yang diterima oleh para remaja atau pelajar haruslah dilihat dalam aspek praktikal dan bukan sahaja ditandai oleh kecemerlangan akademik semata-mata.

iv. Pengaruh rakan sebaya

Menurut Patricia P. Minuchin, rakan sebaya adalah orang yang paling hampir dengan kanak-kanak dan remaja. Hubungan ini akan menghasilkan persahabatan, rasa kebenaran dan perasaan kepunyaan. Ia membekalkan model apa yang patut dibuat dan bagaimana pula untuk melakukannya. Ia juga memberikan sokongan di antara satu sama lain. Remaja perlu tahu cara mencari jalan untuk melibatkan diri dengan jayanya dalam aktiviti berkumpulan bagi mengimbangi keinginan diri dan ahli dalam kumpulan. Rakan sebaya juga dapat membangunkan potensi dalam sesuatu kumpulan dan akhirnya dapat membantu membangunkan keperluan psikologi dalam diri mereka.³⁰¹

Greta G. Fein turut mendapati rakan sebaya adalah agen penting dalam pembentukan psikologi diri remaja. Menurutnya rakan sebaya yang berkualiti akan memberikan kesan ke atas diri remaja dalam kehidupan seharian. Beliau menyebut:

*“The quality of peer group behaviour acquired at an early age may be more important for social development than the numbers of opportunities for social interaction. It is also possible that peers can provide social nurturance and protection if they are lacking”*³⁰²

Felicisima C. Serafica pula menjelaskan kepentingan hubungan rakan sebaya dalam perkembangan psikologi mempunyai asas dalam dua dimensi iaitu aspek teori dan empirikal. Ia disokong oleh Adler dan Sullivan yang mendapati hubungan positif dengan rakan sebaya mengukuhkan lagi perasaan sosial di kalangan kanak-kanak dan

³⁰¹ Patricia P. Minuchin (1977), *The Middle Years of Childhood*. California: Wadworth Publishing Company, Inc., h. 69.

³⁰² Greta G. Fein (1978), *op. cit.*, h. 50.

remaja. Ia adalah penting jika seseorang itu dapat melalui fasa pertumbuhan peribadi yang hebat. Sullivan juga menegaskan jika seseorang kanak-kanak dan remaja dapat menjalin hubungan interpersonal yang baik di kalangan rakan sebaya maka ia akan menjadi individu yang hebat semenjak dia kecil lagi.³⁰³

Julian Melgosa dalam bukunya *To Adolescence and Parents* menjelaskan bahawa fungsi kenalan dan rakan sebaya di kalangan remaja amat penting dalam kehidupan mereka. Rakan sebaya dapat memberikan beberapa fungsi kepada remaja di antaranya ialah remaja dapat membandingkan diri mereka dan menjadikan rakan mereka sebagai perujuk. Mereka juga dapat belajar menjalin hubungan dengan orang lain, menguatkan nilai moral dan peraturan, menyokong emosi dan mengimbangi konsep sendiri mereka. Oleh itu, peranan rakan sebaya amatlah utama dalam membentuk psikologi remaja.³⁰⁴

Mohamed Hatta Shaharom menjelaskan pada peringkat remaja pengaruh kelompok sebaya membawa suatu arus perubahan ke atas nilai serta pegangan hidup yang dianutinya selama ini. Proses ini dapat mendorong remaja mengubahsuai ataupun melupakan ajaran yang ditanamkan oleh ibu bapanya selama ini. Dia juga mula berani menambah ataupun menyatupadukan nilai yang lama dengan yang baru dipelajarinya daripada persekitaran dan pergaulan. Jika sebelum ini ibu bapa dikagumi dan disanjung, kini mereka diperkecil hingga tahap yang rendah oleh remaja yang menganggap diri mereka matang dengan idea, nilai dan pengalaman yang tinggi.³⁰⁵

³⁰³ Felicisima C. Serafica (1982), "Conception of Friendship and Interaction Between Friends: An Organismic-Development Perspective", dalam Felicisima C. Serafica (ed.), *Social-Cognitive Development in Context*. New York: The Guilford Press, h. 100.

³⁰⁴ Julian Melgosa (2000), *To Adolescence and Parents*. Spain: Editorial Safeliz S. L, h. 81.

³⁰⁵ Mohamed Hatta Shaharom (2003), *Psikologi dan Kaunseling Remaja: Panduan Remaja Membimbing Diri Sendiri*. Pahang: PTS Publications and Distributors, h. 24-25.

Menurut Rahil Mahyuddin *et al.*, kumpulan rakan sebaya adalah nadi bagi remaja. Menjadi popular adalah penting kerana populariti ada kaitan dengan klik atau *crowd* tertentu. Selain itu kualiti peribadi juga penting. Secara amnya, remaja lelaki dan perempuan yang popular dianggap sebagai menyukai orang lain, simpati, membuat orang rasa diterima, melibatkan diri dalam perancangan dan memulakan aktiviti kumpulan. Remaja popular juga diperihalkan sebagai ceria, bertenaga, baik budi, mempunyai humor, berinisiatif, mempunyai desakan dan idea bernas. Manakala remaja yang terasing mempunyai ciri yang bertentangan dengan remaja popular seperti tidak berkeyakinan, pemalu, sering disingkir oleh rakan sebaya dan juga sombong.³⁰⁶

Ruzlan Md. Ali pula memetik pendapat Iervolina *et al.*, yang mendapati betapa pentingnya rakan sebaya dalam perkembangan remaja berdasarkan berapa banyak masa yang mereka habiskan untuk bersama dengan rakan sebaya. Dalam tempoh alam remaja, jumlah masa yang dihabiskan bersama keluarga ialah separuh dan banyak masa selebihnya diluahkan untuk bersama dengan rakan sebaya.³⁰⁷

v. Media massa

Media massa juga memainkan peranan secara tidak langsung dalam mempengaruhi perkembangan psikologi individu dan masyarakat. Kehidupan masa kini terdedah dengan pelbagai bentuk media sama ada elektronik mahupun bercetak. Jika individu dan masyarakat terdedah kepada tayangan filem dan rancangan televisyen yang banyak memaparkan adegan pergaduhan dan keganasan serta kezaliman, maka akan menyebabkan mereka bertingkah laku agresif dan kasar. Ini akan membentuk personaliti yang tidak sihat. Sebaliknya, jika mereka didedahkan dengan rancangan

³⁰⁶ Rahil Mahyuddin *et al.* (2005), *op. cit.*, h. 123.

³⁰⁷ Ruzlan Md. Ali *et al.* (2003), *op. cit.*, h. 3

berunsurkan kerohanian dan agama yang menekankan nilai-nilai murni dan sebagainya secara tidak langsung akan membentuk personaliti yang sihat.

Raul Posse dan Julian Melgosa mendapati media massa seperti televisyen cenderung untuk memberikan kesan negatif ke atas perkembangan dan pertumbuhan psikologi kanak-kanak dan remaja. Beliau memetik kajian yang dijalankan oleh Looney dari University Arizona menyebut bahawa *“It is estimated that an average North American child will have seen 18, 000 death as murders by the time he complete 14 years of age.”* Bagaimanapun, beliau tidak menafikan televisyen juga memberikan kesan positif yang lain iaitu menyediakan rancangan yang menarik dan bermakna, hubungan interaktif dalam cara yang berbeza dan istimewa, menyalurkan maklumat am dan juga dapat memenuhi masa. Namun peranan keluarga adalah penting dalam memilih rancangan yang betul di samping menghadkan masa menonton.³⁰⁸

Menurut Dorothy Rogers televisyen dapat mempengaruhi perkembangan dan pertumbuhan pemikiran kanak-kanak. Beliau membawakan contoh rancangan *Sesame Street* yang ditayangkan di televisyen dapat membantu ke arah perkembangan imaginasi dan pemikiran reflektif terhadap kanak-kanak. Rancangan sebegini memberikan kesan yang positif kerana nilai yang terdapat di dalamnya dapat menerapkan kemahiran berfikir, bermain dengan huruf dan angka dan juga pelbagai permainan yang menarik dan mudah.³⁰⁹

Menurut David M. Brodzinsky *et al.* dalam kajian yang dilakukan pada tahun 1982 terhadap kesan televisyen ke atas tingkah laku sosial kanak-kanak dan remaja mendapati bahawa:

³⁰⁸ Raul Posse dan Julian Melgosa (2001), *For Raising Your Child*. Spain: Safeliz S. L, h. 78.

³⁰⁹ Dorothy Rogers (1982), *op. cit.*, h. 103.

“Television can no longer be considered as a casual part of daily life, as an electronic toy. Research findings have long since destroyed the illusion that television is merely innocuous entertainment. While learning it provides is mainly incidental rather than direct and formal, it is a significant part of the total acculturation process.”

Beliau seterusnya menjelaskan bahawa televisyen juga mendatangkan lima kesan utama kepada kanak-kanak dan remaja iaitu dari aspek pembangunan kognitif dan afektif, keganasan dan agresif, tabiat dan kepercayaan sosial, hubungan interpersonal dan kesihatan.³¹⁰

Zulkiple Abd. Ghani dalam kajiannya terhadap penyebaran mesej Islam melalui televisyen di stesyen televisyen Malaysia mendapati televisyen memberikan kesan positif dan negatif kepada para penonton. Tidak banyak kajian yang dilakukan dalam mengukur kesan bidang penyiaran terutamanya program-program di kaca televisyen ke atas individu. Dalam satu kajian yang dijalankan ke atas penonton kanak-kanak dan remaja, beliau memetik pandangan Noor Bathi Haji Baharudin yang mendapati kebanyakan rancangan yang ditayangkan di televisyen lebih menjurus ke arah keruntuhan budaya dan mengajar kanak-kanak dan remaja nilai yang buruk.³¹¹

Di samping itu, Zulzadi Mahmud dalam tulisannya menjelaskan media amat berpengaruh ke atas kanak-kanak dan remaja. Mereka adalah golongan terbesar menonton televisyen, terutamanya rancangan berbentuk hiburan termasuk siri kartun. Rancangan sebegini telah menjadi tontonan wajib dan telah mencuri masa emas kanak-kanak ketika mereka berada di rumah. Sepatutnya masa tersebut digunakan untuk mematangkan mereka dengan membaca atau bermesra bersama ibu dan bapa. Justeru

³¹⁰ David M. Brodzinsky et al.(1986), *Lifespan Human Development*. New York: Holt, Rineart and Winston, Inc., h. 262.

³¹¹ Zulkiple Abd. Ghani (1998), *Diffusion of Islamic Message Through Television: The Experience of Television Malaysia*. Bangi: Jabatan Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 22-23.

tanpa disedari televisyen telah mengambil alih masa mendidik kanak-kanak dan remaja dan bukannya ibu dan bapa mereka.³¹²

Menurut Mardzelah Makhsin, dalam kajiannya mengenai pembangunan insan dan hubungannya dengan rancangan televisyen mendapati rancangan berbentuk ilmiah berperanan penting dalam membentuk jati diri pelajar dalam membina sahsiah yang cemerlang. Hasil dapatan kajian beliau menerangkan bahawa rancangan seperti al-kuliyah, berita, dokumentari dan sukan mempunyai hubungan positif dengan pengamalan *muhāsabah al-nafs*.³¹³

Sebagai kesimpulannya, terdapat beberapa faktor yang membantu pertumbuhan dan perkembangan psikologi pelajar iaitu faktor perwarisan atau baka, pengalaman dan pembelajaran, budaya dan juga persekitaran. Kesemua faktor-faktor tersebut mempunyai hubungan yang rapat di antara satu dengan yang lain, malah dapat membantu pemahaman kita terhadap pertumbuhan dan perkembangan kognitif dan moral seseorang individu. Dalam membina aspek dalaman yang seimbang, mereka memerlukan program-program tertentu bagi membantu perkembangan diri mereka. Oleh itu, dalam perbincangan berikutnya, pengkaji akan bawakan apakah bentuk program-program yang dapat membangunkan etika dan moral di kalangan pelajar.

2.4 Program-program Pembangunan Etika dan Moral

Pembangunan etika dan moral di kalangan pelajar amat berkait rapat dengan program-program yang dijalankan ke atas mereka. Program-program ini amat penting dalam membantu pertumbuhan dan perkembangan psikologi para pelajar. Pihak kerajaan dan

³¹² Zulzadi Mahmod (2008), "Pengaruh Media Amat Menakutkan". *Milenia*, Mei 2008. Bil. 69, h. 42.

³¹³ Mardzelah Makhsin (2005), "Pembangunan Insan Melalui Pengalaman Muhāsabat al-Nafs: Hubungannya dengan Rancangan TV." dalam Abd. Hair Awang *et al.* (eds.) *Prosiding Persidangan Kebangsaan ke-2 Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, 5-6 September 2005*. Bangi: Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, UKM, h. 886.

organisasi bukan kerajaan (NGO) adalah terbabit secara langsung dalam menyediakan program-program yang dapat membangunkan etika dan moral mereka. Sehubungan itu dalam bahagian ini, pengkaji akan melihat peranan yang dimainkan oleh pihak-pihak tersebut sama ada melalui organisasi mahupun orang perseorangan. Bagi memudahkan pemahaman, perbincangan akan dimulakan dengan program pembangunan diikuti dengan program pemulihan oleh pihak kerajaan, organisasi bukan kerajaan (NGO) dan juga peranan yang dimainkan oleh orang perseorangan.

2.4.1 Program Pembangunan Anjuran Pihak Kerajaan

Program anjuran pihak kerajaan di sini bermaksud program-program yang dianjurkan oleh kerajaan dalam membantu membangunkan etika dan moral kepada para pelajar mahupun remaja. Program-program yang dipilih adalah berdasarkan matlamat program sama ada secara langsung ataupun tidak menyatakan bahawa ianya adalah khusus untuk membantu pembangunan etika dan moral remaja. Program-program tersebut adalah seperti sekolah, Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dan Rakan Muda.

i. Sekolah

Institusi sekolah memainkan peranan utama dalam membentuk dan membangunkan nilai-nilai etika dan moral di kalangan pelajar melalui perlaksanaan subjek-subjek tertentu sama ada di peringkat sekolah rendah ataupun sekolah menengah.³¹⁴

Sehubungan itu, pengkaji akan melihat beberapa subjek yang telah dilaksanakan dalam sistem pendidikan ke arah pembangunan etika dan moral kepada para pelajar. Subjek-subjek tersebut dipilih berdasarkan matlamat, objektif dan juga kandungan kurikulum

³¹⁴ Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia akan memantapkan kurikulum pendidikan negara dengan meneruskan pelaksanaan mata pelajaran Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral, serta Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan bagi peringkat rendah dan menengah. Lihat *Rancangan Malaysia ke-9 Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010* (2006), Kementerian Pelajaran Malaysia, h. 66.

yang menjurus kepada tujuan yang dinyatakan. Dalam kajian ini pengkaji memilih subjek Pendidikan Islam, Pendidikan Moral, Pendidikan Sivik dan Kewarnegaraan, j-QAF dan KAFA sebagai contoh yang paling relevan dan hampir dengan topik perbincangan.

A. Pendidikan Islam

Pendidikan Islam yang akan dibincangkan di sini akan menjurus kepada dua bidang iaitu Pendidikan Islam yang dilaksanakan di peringkat sekolah rendah (KBSR) dan juga Pendidikan Islam di peringkat sekolah menengah (KBSM).

1. Pendidikan Islam KBSR³¹⁵

i. Matlamat Pendidikan Islam KBSR

Matlamat Pendidikan Islam KBSR untuk menghasilkan muslim yang berilmu, beriman, berketerampilan, beramal soleh dan berakhlak mulia berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah supaya menjadi hamba dan khalifah Allah yang bertakwa dan menyumbang ke arah mempertingkatkan tamadun bangsa dan negara.

ii. Objektif

Setelah mengikuti kurikulum Pendidikan Islam Sekolah Rendah, murid dapat:

1. Membaca surah-surah terpilih daripada juzu' 'amma dengan betul dan fasih, untuk memupuk minat membaca al-Quran dan menjadi amalan.
2. Menghafaz ayat-ayat lazim yang terpilih untuk bacaan dalam solat dan ibadat harian.
3. Memahami maksud beberapa surah yang dipelajari dan menghayati pengajarannya ke arah meyakini al-Quran sebagai rujukan petunjuk Allah.

³¹⁵ *Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSR*, (t.t), Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia, h. 1-18.

4. Memahami dan meyakini asas-asas keimanan sebagai pegangan akidah dan benteng keagamaan.
5. Mengamalkan ibadat-ibadat asas dalam *Farḍu 'Ain* serta memahami *Farḍu Kifāyah* sebagai tuntutan kewajipan umat Islam.
6. Memahami dan mengambil iktibar dengan sirah Rasulullah s.a.w sebagai asas perkembangan tamadun manusia.
7. Mengamalkan adab dan menghayati nilai-nilai akhlak dalam kehidupan seharian.
8. Membaca dan menulis Jawi serta mencintainya sebagai warisan budaya bangsa.

iii. Kandungan

Kandungan Pendidikan Islam Sekolah Rendah dibahagikan kepada empat bidang iaitu:

1. Bidang Asuhan *Tilāwah al-Qurān*.
2. Bidang Asas *'Ulūm Syar'īyyah*.
3. Bidang Asas *Akhlāq Islāmiyyah*.
4. Bidang Pelajaran Jawi.
3. Adab dan *Akhlāq Islāmiyyah*.³¹⁶

2. Pendidikan Islam KBSM³¹⁷

i. Matlamat Pendidikan Islam KBSM

Matlamat Pendidikan Islam KBSM adalah untuk menghasilkan muslim yang berilmu, beriman, berketerampilan, beramal soleh, beradab dan berakhlak mulia berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah sebagai hamba dan khalifah Allah yang bertaqwa dan menyumbang kepada tamadun bangsa dan negara.

³¹⁶ Di bawah topik *Ādab* dan *Akhlāq Islāmiyyah*, terdapat beberapa pecahan tajuk kecil iaitu, adab di dalam kehidupan harian, adab terhadap ibu bapa dan keluarga, adab dalam kehidupan bersosial, adab menuntut ilmu dan adab dengan al-Quran.

³¹⁷ *Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSM* (t,t), Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia, h. 11-16.

ii. Objektif

Setelah mempelajari Pendidikan Islam Bersepadu Sekolah Menengah murid dapat:

1. Membaca ayat-ayat terpilih daripada al-Quran dengan betul, fasih, mahir dan bertajwid, untuk memperkukuhkan minat dan amalan membaca al-Quran.
2. Menghafaz ayat-ayat al-Quran yang terpilih untuk menambah bacaan dalam solat dan amalan ibadah harian.
3. Memahami maksud beberapa ayat al-Quran dan Hadis yang dipelajari serta menghayati pengajarannya sebagai sumber hukum dan panduan mukmin.
4. Memantap keyakinan pegangan akidah Islamiah serta menghidupkan konsep tauhid secara sedar dalam keseluruhan amalan dan menjadi benteng keagamaan.
5. Memperkukuh dan mempertingkat amalan ibadat-ibadat *Farḍu ‘Ain* serta memahami sumbangan *Farḍu Kifāyah* sebagai kewajipan umat Islam menyumbang kepada kemajuan hidup di dunia dan di akhirat.
6. Memahami dan mengambil iktibar daripada *sīrah nabawīyyah*, *khulafā’ al-rāshidīn*, dan tokoh-tokoh Islam sebagai asas pembentukan dan pembangunan insan yang cinta dan menyumbang ke arah pembangunan tamadun bangsa dan negara.
7. Berakhlak mulia dan mengamalkan nilai-nilai murni sebagai tunggak budaya bangsa yang bermaruah.
8. Membaca dan menulis Jawi melalui penggunaannya dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam sebagai warisan amalan budaya bangsa akan terus diperkukuhkan.

iii. Kandungan

Kandungan Kurikulum Pendidikan Islam ini dibahagi kepada tiga bidang pembelajaran iaitu:

1. Bidang Pembelajaran *Tilāwah al-Qurān* dan *Hadīs*.
2. Bidang Pembelajaran *‘Ulūm Shar‘īyyah*.
3. Bidang Pembelajaran Adab Berteraskan *Akhlāq Islāmiyyah*.³¹⁸

B. Pendidikan Moral

Pendidikan Moral akan dilihat pada dua peringkat iaitu peringkat sekolah rendah (KBSR) dan juga peringkat sekolah menengah (KBSM).

1. Pendidikan Moral KBSR³¹⁹

i. Matlamat Kurikulum Pendidikan Moral KBSR

Kurikulum Pendidikan Moral KBSR bermatlamat membentuk insan berakhlak mulia, bertanggungjawab dan boleh menyumbang ke arah keharmonian dan kestabilan negara serta masyarakat global.

ii. Objektif

Kurikulum Pendidikan Moral KBSR membolehkan murid:

1. Memahami dan menghayati nilai-nilai murni masyarakat Malaysia.
2. Meningkatkan amalan budi pekerti mulia.
3. Menyedari dan menerima kepentingan tanggungjawab moral dan sosial bagi mengekalkan kesejahteraan hidup dalam perhubungan diri dengan keluarga, masyarakat, negara serta alam sekitar.

³¹⁸ Bidang pembelajaran Adab berteraskan *Akhlāq Islāmiyyah* diajar khusus dalam bidang *Akhlāq Islāmiyyah*. Adab yang telah diperolehi dan diamalkan di peringkat sekolah rendah dipertingkatkan lagi di sekolah menengah. Adab ini berdasarkan cara hidup muslim dalam hubungannya dengan Allah s.w.t, diri sendiri, keluarga, alam sekitar, masyarakat dan negara. Kandungan kurikulum ini digubal untuk memenuhi keperluan setiap muslim dari segi fardu kifayah bagi mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat, bersesuaian dengan peringkat dan keupayaan pelajar sekolah menengah. Bidang pembelajaran Adab berteraskan *Akhlāq Islāmiyyah* adalah seperti adab dalam kehidupan seharian, adab dalam kehidupan bersosial, adab dalam menunaikan ibadat, adab terhadap ibu bapa dan keluarga, adab menuntut ilmu dan adab terhadap Allah dan Rasul.

³¹⁹ *Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral KBSR* (2000), Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia, h. 3-13.

4. Mengembangkan pemikiran moral, perasaan moral dan amalan moral dalam membuat sesuatu pertimbangan dan keputusan yang selaras dengan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia.

iii. Kandungan

Kurikulum Pendidikan Moral sekolah rendah mengandungi lima bidang pembelajaran³²⁰ yang menjadi wahana untuk menyampaikan nilai-nilai murni di kalangan murid. Bagi membolehkan nilai-nilai murni dipupuk secara berterusan ke dalam diri murid, bidang pembelajaran dan nilai yang sama diajar di setiap tahun iaitu dari tahun satu hingga tahun enam. Walaupun bidang pembelajaran dan nilai itu sama, skop dan penekanan isi pelajaran adalah berbeza kerana isu-isu moral yang dikemukakan semakin kompleks dan mendalam selaras dengan tahap keperluan dan kematangan murid.

2. Pendidikan Moral KBSM³²¹

i. Matlamat Kurikulum Pendidikan Moral KBSM

Kurikulum Pendidikan Moral bermatlamat membentuk insan berakhlak mulia, bertanggungjawab dan boleh menyumbang ke arah keharmonian dan kestabilan negara serta masyarakat global.

ii. Objektif

Kurikulum Pendidikan Moral membolehkan murid:

1. Memahami dan menghayati nilai-nilai yang diperlukan untuk berakhlak mulia;

³²⁰ Bidang-bidang pembelajaran yang terdapat di dalam Pendidikan Moral KBSR adalah seperti berikut:

- a. Nilai berkaitan dengan perkembangan diri.
- b. Nilai berkaitan dengan diri dan keluarga.
- c. Nilai berkaitan dengan diri dan masyarakat.
- d. Nilai berkaitan dengan diri dan alam sekitar.
- e. Nilai berkaitan dengan diri dan negara.

³²¹ *Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral KBSM (2000)*, Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia, h. 1-15

2. Menyedari dan menerima kepentingan keharmonian antara manusia dan alam sekitar serta berusaha ke arah mengekalkannya;
3. Meningkatkan persefahaman dan kerjasama bagi mengekalkan keamanan dan keharmonian hidup dalam negara Malaysia yang demokratik;
4. Mengembangkan pemikiran yang matang berasaskan nilai moral dan rohani dalam membuat keputusan bermoral dan menyelesaikan masalah; dan
5. Mempunyai iltizam untuk mengamalkan perlakuan yang bermoral secara adil dan altruistik selaras dengan nilai murni masyarakat Malaysia.

iii. Kandungan Pendidikan Moral KBSM

Kurikulum Pendidikan Moral sekolah menengah mengandungi tujuh bidang pembelajaran³²² yang menjadi wahana untuk menyampaikan nilai-nilai murni di kalangan murid. Bagi membolehkan nilai-nilai murni dipupuk secara berterusan ke dalam diri murid, bidang pembelajaran dan nilai yang sama diajar di setiap tingkatan iaitu dari tingkatan satu hingga lima. Walaupun bidang pembelajaran dan nilai itu sama, skop dan penekanan isi pelajaran adalah berbeza kerana isu-isu moral yang dikemukakan semakin kompleks dan mendalam selaras dengan tahap keperluan dan kematangan murid.

C. Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan

Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan akan dilihat dari peringkat sekolah rendah (KBSR) dan sekolah menengah (KBSM).

³²² Bidang-bidang pembelajaran yang terdapat di dalam Pendidikan Moral KBSM adalah seperti berikut:

- a. Nilai berkaitan dengan perkembangan diri.
- b. Nilai berkaitan dengan kekeluargaan.
- c. Nilai berkaitan dengan alam sekitar.
- d. Nilai berkaitan dengan patriotisme.
- e. Nilai berkaitan dengan hak asasi manusia
- f. Nilai berkaitan dengan demokrasi
- g. Nilai berkaitan dengan keamanan dan keharmonian

1. Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan KBSR³²³

Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan merupakan mata pelajaran yang memainkan peranan penting dalam kurikulum kebangsaan sekolah rendah bagi melahirkan murid yang dapat menunjukkan perasaan bangga dan cinta akan negara. Mata pelajaran ini memberi tumpuan kepada perkembangan diri dan hubungan dengan orang lain serta interaksi dengan persekitaran. Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan menekankan empat prinsip pendidikan yang penting iaitu belajar untuk mengetahui (*learning to know*) belajar untuk bertindak (*learning to do*), belajar untuk hidup bersama (*learning to live together*) dan belajar untuk membentuk peribadi (*learning to be*).

Melalui prinsip ini, perpaduan dalam keluarga komuniti dan masyarakat pelbagai kaum dapat dipupuk. Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan ialah mata pelajaran teras untuk semua murid sekolah rendah Tahap II (darjah empat, lima dan enam). Selaras dengan ini, pihak sekolah bertanggungjawab membina sahsiah dan potensi murid dengan pengetahuan kemahiran dan nilai yang perlu bagi murid untuk melaksanakan hak dan tanggungjawab sivik. Murid juga perlu dipupuk dengan pemikiran kritis dan kreatif serta kesedaran sivik untuk melahirkan individu yang dapat memainkan peranan yang berkesan dalam keluarga dan masyarakat.

i. Matlamat

Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan bertujuan memberi kesedaran kepada murid tentang peranan, hak dan tanggungjawab mereka dalam masyarakat dan negara untuk melahirkan anggota masyarakat dan warganegara yang bersatu padu, patriotik dan boleh menyumbang ke arah kesejahteraan masyarakat, negara dan dunia.

ii. Objektif

³²³ *Sukatan Pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan KBSR* (t,t), Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia, h. 1-11.

Objektif mata pelajaran ini merangkumi tiga aspek iaitu:

- i. Pengetahuan³²⁴,
- ii. Kemahiran³²⁵,
- iii. dan nilai.³²⁶

iii. Kandungan

Kandungan mata pelajaran ini digubal secara tematik. Terdapat dua komponen kandungan mata pelajaran ini iaitu melalui tema yang ditetapkan dan juga projek kewarnegaraan. Penggubalan tema³²⁷ ini mengambil kira struktur hubungan murid dengan persekitarannya, bermula dengan diri sendiri, hubungan dengan keluarga, masyarakat sekolah, komuniti luar sekolah, negara dan cabaran masa depan murid. Dalam konteks ini, murid didedahkan dengan unsur pengetahuan, kemahiran dan nilai yang menjadi ciri-ciri masyarakat Malaysia.

Manakala Projek Kewarganegaraan merupakan komponen penting dalam kurikulum Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan. Projek Kewarganegaraan ialah

³²⁴ Objektif Pengetahuan:

- i. Mengenal pasti tingkah laku yang boleh menyumbang terhadap pembangunan watak yang mulia.
- ii. Menerangkan peranan dan tanggungjawab ke arah pembinaan keluarga yang bahagia.
- iii. Menjelaskan kepentingan hidup bersama secara harmoni.
- iv. Memahami pelbagai agama, tradisi dan budaya masyarakat Malaysia.
- v. Menerangkan sistem kerajaan Malaysia dan sumbangan pemimpin negara.
- vi. Mengenal pasti cabaran dan ancaman dalam masyarakat.

³²⁵ Objektif Kemahiran:

- i. Menguruskan diri dengan baik dan bertanggungjawab.
- ii. Mengamalkan kesederhanaan dalam tingkah laku.
- iii. Berinteraksi secara sopan dengan anggota keluarga, rakan dan masyarakat.
- iv. Menangani konflik diri, keluarga dan rakan.
- v. Belajar hidup bersama untuk kesejahteraan diri dan masyarakat.
- vi. Menyertai aktiviti masyarakat untuk kebaikan bersama.
- vii. Membuat keputusan yang bijak dengan mengambil kira kepentingan diri dan orang lain.

³²⁶ Objektif Nilai:

- i. Mempunyai keyakinan terhadap kebolehan diri.
- ii. Menghargai sumbangan ibu bapa dan anggota keluarga.
- iii. Menghormati kaum dan budaya lain.
- iv. Menyayangi alam sekitar.
- v. Menunjukkan semangat kekitaan.
- vi. Menghormati pemimpin dan menghargai jasa mereka.
- vii. Menunjukkan perasaan bangga dan cinta akan negara.

³²⁷ Lima tema yang ditetapkan adalah seperti berikut:

- i. Sayangi Diri
- ii. Sayangi Keluarga
- iii. Hidup Bersama di Sekolah dan Masyarakat
- iv. Kenali Budaya Malaysia
- v. Malaysia Negaraku
- vi. Sedia Hadapi Cabaran

kerja amali yang dijalankan di luar jadual waktu persekolahan. Murid dikehendak menjalankan satu Projek Kewarganegaraan sekurang-kurangnya 10 jam setahun dan menyediakan laporan dalam bentuk portfolio. Melalui projek ini murid diharapkan dapat merealisasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai sivik. Penyertaan murid dalam kerja projek ini juga dapat menyediakan warganegara yang prihatin dan bertanggungjawab terhadap masyarakat dan negara. Pihak sekolah memainkan peranan penting dalam memastikan murid menjalankan kerja projek mengikut tema yang sesuai dengan persekitaran, tahap dan pencapaian murid.

2. Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan KBSM³²⁸

Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan KBSM merupakan mata pelajaran yang memainkan peranan penting dalam kurikulum kebangsaan sekolah menengah bagi melahirkan murid yang patriotik dan bertanggungjawab sebagai warganegara Malaysia. Kandungan mata pelajaran ini adalah lanjutan daripada Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan KBSR. Oleh itu, terdapat persamaan dari segi matlamat, objektif dan kandungan mata pelajaran ini, namun topik perbincangan adalah sesuai dengan peringkat pelajar di sekolah menengah.

i. Matlamat

Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan bertujuan memberi kesedaran kepada murid tentang peranan, hak dan tanggungjawab mereka dalam masyarakat dan negara untuk melahirkan anggota masyarakat dan warganegara yang bersatu padu, patriotik dan boleh menyumbang ke arah kesejahteraan masyarakat, negara dan dunia.

³²⁸ *Sukatan Pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan KBSM* (t.t) Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia, h. 1-14.

ii. Objektif

Objektif mata pelajaran ini merangkumi tiga aspek iaitu:

- i. pengetahuan³²⁹,
- ii. kemahiran
- iii. dan nilai.

iii. Kandungan

Kandungan mata pelajaran ini digubal secara tematik. Terdapat dua komponen kandungan mata pelajaran ini iaitu melalui tema yang ditetapkan³³⁰ dan juga khidmat masyarakat. Penggubalan tema ini mengambil kira dimensi peribadi dan sosial murid yang berkembang dari diri individu, hubungan dengan keluarga, masyarakat sekolah, komuniti luar sekolah, negara dan cabaran masa depan yang juga merangkumi masyarakat global. Dalam konteks ini unsur pengetahuan, kemahiran dan nilai sivik menjadi fokus pengajaran dan pembelajaran di dalam dan di luar bilik darjah.

³²⁹ Objektif Pengetahuan:

- i. Mengenal pasti ciri-ciri peribadi yang boleh menyumbang terhadap pembangunan masyarakat dan negara.
- ii. Menerangkan peranan dan tanggungjawab keluarga terhadap pembentukan masyarakat yang sejahtera.
- iii. Memahami pelbagai agama, tradisi dan budaya masyarakat Malaysia untuk mewujudkan masyarakat yang bersatu padu.
- iv. Menjelaskan usaha kerajaan untuk melahirkan masyarakat yang progresif dinamik dan patriotik.
- v. Menghuraikan peranan dan tanggungjawab warganegara terhadap pembangunan negara.
- vi. Mengetahui cara-cara menangani cabaran dan ancaman yang boleh menjejaskan kesejahteraan masyarakat dan negara.

Objektif Kemahiran:

- i. Mendisiplinkan diri dalam mencapai wawasan diri dan negara.
- ii. Menjalankan tanggungjawab sebagai anggota keluarga untuk melahirkan keluarga yang bahagia.
- iii. Berinteraksi dengan anggota masyarakat pelbagai kaum untuk mewujudkan perpaduan negara.
- iv. Menangani konflik diri, keluarga dan masyarakat.
- v. Bekerjasama dengan anggota masyarakat untuk kebaikan bersama.
- vi. Menyertai aktiviti pembangunan masyarakat dan negara.
- vii. Mengambil tindakan wajar dalam menghadapi pelbagai situasi.

Objektif Nilai:

- i. Mempunyai wawasan untuk mencapai kejayaan diri, masyarakat dan negara.
- ii. Menghargai sumbangan keluarga dalam membentuk masyarakat yang mapan.
- iii. Berbangga terhadap keunikan pelbagai budaya sebagai keistimewaan masyarakat Malaysia.
- iv. Menghargai kepentingan alam sekitar dalam meningkatkan kualiti hidup.
- v. Bersikap prihatin terhadap anggota masyarakat yang memerlukan bantuan demi kesejahteraan bersama.
- vi. Menunjukkan kesedaran sivik dan kewarganegaraan sebagai warganegara yang bertanggungjawab.
- vii. Cinta akan negara dan sanggup berkorban untuk negara.
- viii. Menunjukkan semangat kekitaan dalam mengekalkan keamanan dan keharmonian negara dan sejagat.

³³⁰ Enam tema yang ditetapkan adalah seperti berikut:

- i. Pencapaian Kendiri
- ii. Hubungan Kekeluargaan
- iii. Hidup Bermasyarakat
- iv. Warisan Kepelbagaian Budaya Malaysia
- v. Malaysia Negara Berdaulat
- vi. Cabaran Masa Depan

Manakala Khidmat Masyarakat merupakan komponen penting dalam kurikulum Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan. Khidmat Masyarakat ialah kerja amal yang dijalankan di luar jadual waktu persekolahan. Murid dikehendak menjalankan satu projek Khidmat Masyarakat sekurang-kurangnya 10 jam setahun dan menyediakan laporan. Melalui Khidmat Masyarakat ini, murid diharapkan dapat merealisasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai sivik. Penyertaan murid dalam kerja projek ini juga dapat menyediakan warganegara yang prihatin dan bertanggungjawab terhadap masyarakat dan negara. Pihak sekolah memainkan peranan penting dalam memastikan murid menjalankan kerja projek mengikut tingkatan dan tema yang difikirkan sesuai.

D. Program j-QAF

j-QAF adalah suatu program penambahbaikan di dalam Pendidikan Islam (PI) melalui penekanan khusus dalam pengajaran Jawi, al-Quran, Bahasa Arab dan Fardhu Ain yang dilaksanakan di peringkat persekolahan rendah. Pelaksanaan program ini menggunakan kurikulum serta model dan modulnya yang tersendiri. Tenaga guru yang khusus digunakan untuk pemulihan, bimbingan, kemahiran, pengukuhan, pengayaan dan penghayatan murid. Pelaksanaannya menggunakan peruntukan jadual waktu sedia ada.

331

Murid-murid istimewa dalam sistem pendidikan khas juga akan dilibatkan dalam program j-QAF. Pelaksanaan ini memerlukan tenaga guru yang khas, bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran, bahan-bahan sokongan dan insentif yang khas serta kemudahan-kemudahan lain.

Objektif Program j-QAF

³³¹ *Buku Panduan Perlaksanaan Model-model Pengajaran dan Pembelajaran dan Ko-Kurikulum j-QAF* (2006), Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia, h. 1.

Semua murid sekolah rendah akan dapat:³³²

- i. Menguasai bacaan dan tulisan jawi
- ii. Khatam al-Quran
- iii. Menguasai Bahasa Arab
- iv. Memantapkan dan menghayati amalan fardhu

Program j-QAF ini pula mempunyai lima model perlaksanaan iaitu:

i. Model Khatam al-Quran

Al-Quran telah diajar sebagai sebahagian Pendidikan Islam dalam bidang Asuhan Tilawah al-Quran pada masa ini. Namun ia tidak menekankan pembelajaran sehingga khatam al-Quran kerana ia memerlukan bimbingan berterusan daripada bilangan guru yang sesuai dengan nisbah murid yang menepati pendekatan *talaqqi* dan *mushafahah*³³³ Oleh itu Pendidikan Islam pada masa ini hanya menjurus kepada kebolehan membaca sahaja manakala aspek khatam tidak ditekankan di sekolah tetapi menyerahkannya kepada masyarakat.³³⁴

Model 6 Bulan Khatam al-Quran dilaksanakan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan dengan menggunakan peruntukan waktu PI sedia ada. Model ini akan menggunakan pendekatan *talaqqi* dan *musyafahah*. Murid yang belum menguasai bacaan al-Quran dibimbing dengan kaedah IQRA', sementara yang telah menguasainya diteruskan menggunakan model khatam al-Quran modul enam bulan.³³⁵

Model 6 Bulan Khatam al-Quran akan menggunakan waktu PI sebanyak empat masa dalam tempoh enam bulan pertama tahun persekolahan. Pada masa yang sama

³³² *Ibid.*

³³³ *Mushāfahah* ialah satu kaedah pembelajaran secara bersemuka dengan guru bagi mendengar, membetul kesalahan dan menyebut semula dengan baik dan lancar.

³³⁴ Nor Azza Ibrahim, Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan Kurikulum, Unit j-QAF, Kementerian Pelajaran Malaysia. Temubual pada 4 Februari 2009.

³³⁵ *Buku Panduan Dasar, Pelaksanaan dan Pengurusan Kurikulum dan Kokurikulum Program j-QAF*, Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia, h. 115.

bagi murid yang belum menguasai bacaan al-Quran akan meneruskan kaedah IQRA'. Pada enam bulan kedua pengajaran al-Qur'an menggunakan tiga waktu untuk tahun satu dan dua waktu pada tahun dua hingga enam.³³⁶

ii. Model Tasmik

Model Tasmik Khatam al-Quran pula dilaksanakan di luar waktu persekolahan normal mengikut kesesuaian dan keupayaan murid serta dengan persetujuan ibu bapa mereka dan kesediaan guru pembimbing yang terdiri daripada guru-guru j-QAF. Model Tasmik perlaksanaannya adalah di luar jadual waktu persekolahan.³³⁷

iii. Model Bahasa Arab Komunikasi

Bahasa Arab Komunikasi (BAK) yang sedang dilaksanakan secara terhad pada masa ini di sekolah-sekolah kebangsaan akan diperluaskan pelaksanaannya di semua sekolah. Status mata pelajaran ini adalah sebagai mata pelajaran pilihan. Walau bagaimanapun murid diwajibkan memilih BAK sekiranya tidak mengambil mata pelajaran Bahasa Cina dan Tamil. Peruntukan waktu adalah 60 minit seminggu dan diajar oleh guru Bahasa Arab yang dilantik khusus. Model ini diperjelaskan dalam Buku Panduan Model-model Pengajaran dan ko-kurikulum dalam bahagian Model Peluasan Perlaksanaan Bahasa Arab Komunikasi.³³⁸

Peluasan Pelaksanaan Bahasa Arab Komunikasi akan dilaksanakan sepertimana pelaksanaan BAK sebagai bahasa tambahan di sekolah kebangsaan pada masa ini, iaitu selama dua waktu seminggu. Ia diajar bersama-sama dengan mata pelajaran Bahasa Cina Komunikasi dan Bahasa Tamil Komunikasi.³³⁹

³³⁶ Panitia Pendidikan Islam dan Moral, <http://sppimprk.net>, 3 Februari 2009.

³³⁷ *Buku Panduan Dasar, Pelaksanaan dan Pengurusan Kurikulum dan Kokurikulum Program j-QAF*, op. cit., h. 4.

³³⁸ Lihat Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 13/2004. *Pelaksanaan Program j-Qaf di Sekolah Rendah*. Kementerian Pelajaran Malaysia. 30 Disember 2003.

³³⁹ Zamran Mohamed, Guru j-QAF Sekolah Rendah Kem Terendak 1, Melaka. Temubual pada 4 Februari 2009.

iv. Model Kelas Pemulihan Jawi

Jawi adalah sebahagian daripada komponen pendidikan Islam dan mula dilaksanakan pada tahun 2003 dengan pendekatan pengajaran dua waktu seminggu pada enam bulan pertama di tahun satu. Laporan pemantauan mengenainya mendapati penguasaan bacaan dan tulisan Jawi perlu dibaiki lagi. Ini bermakna jawi dalam pendidikan Islam semata-mata masih belum mencukupi dan berkesan. Oleh itu pemulihan Jawi dalam j-QAF menjadi keutamaan khasnya kepada murid tercicir supaya semua murid boleh menguasai Jawi setelah diberi bimbingan secara berterusan.³⁴⁰

Model Kelas Pemulihan Jawi akan diajar oleh guru khas pemulihan jawi dalam waktu yang sama dengan kelas jawi biasa di semua sekolah dengan menggunakan modul pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang disediakan oleh Kementerian Pelajaran. Semua sekolah hendaklah menubuhkan Kelab Seni Tulisan Jawi dan menjalankan aktiviti pengukuhan di peringkat sekolah dengan menyediakan bahan-bahan bacaan tambahan yang bersesuaian serta mempertingkatkan penggunaan kemudahan ICT sedia ada.³⁴¹

Kelas Pemulihan Jawi dijalankan serentak dengan waktu pengajaran jawi murid-murid biasa. Dalam tempoh enam bulan pertama tahun satu jawi diajar selama dua waktu seminggu. Selepas itu ia di ajar selama satu waktu seminggu.³⁴²

v. Model Bestari Solat

Ramai ibu bapa masih belum berpuas hati dengan tahap pencapaian dan penguasaan anak-anak mereka terhadap amalan Fardu Ain terutama dalam hal ibadah mendirikan solat. Pelaksanaannya selama dua hari tanpa bermalam dengan kekerapan empat kali

³⁴⁰ *Buku Panduan Dasar, Pelaksanaan dan Pengurusan Kurikulum dan Kokurikulum Program j-QAF*, op. cit., h. 10.

³⁴¹ *Ibid.*

³⁴² Zamran Mohamed, Guru j-QAF Sekolah Rendah Kem Terendak 1, Melaka. Temubual pada 4 Februari 2009.

setahun. Ia dikategorikan sebagai aktiviti kokurikulum PI dan dimasukkan dalam takwim sekolah. Pelaksanaannya juga memerlukan kerjasama semua pihak terutama penglibatan PIBG, guru-guru sedia ada di sekolah dan tidak semata-mata diserahkan kepada guru Pendidikan Islam. Model Bestari Solat akan dilaksanakan di luar jadual waktu persekolahan. Ia dilaksanakan empat kali setahun.³⁴³

E. KAFA (Kelas al-Quran dan Fardhu Ain)

Kelas KAFA diajar kepada murid tahun satu hingga tahun enam. Pendidikan KAFA menekankan kemahiran amali yang membimbing murid melaksanakan ibadat khususnya selain dari kemahiran menguasai aspek keimanan, kemanusiaan, kemasyarakatan dan kenegaraan. Kelas ini memberi tumpuan kepada pendidikan asas *tilāwah al-Qur'ān*, pembentukan akidah, bimbingan *farḍhu 'ain*, memupuk amalan *farḍhu kifāyah* dan amalan adab yang berteraskan akhlak islamiah. Perkara-perkara di atas disampaikan secara berkesan dan mampu menanam asas keimanan dan membentuk peribadi murid yang mempunyai cita-cita yang tinggi, daya tahan, semangat juang, gigih berusaha dan mempunyai maruah diri untuk menyumbang kepada asas tamadun bangsa dan negara.³⁴⁴

i. Matlamat KAFA

Matlamat KAFA adalah untuk menghasilkan murid yang berilmu, beriman dan berketerampilan, beramal soleh dan berakhlak mulia berdasarkan al-Quran dan al-sunnah supaya menjadi hamba dan khalifah Allah yang bertakwa dan menyumbang ke arah mempertingkatkan tamadun bangsa dan negara.³⁴⁵

ii. Falsafah Pengajian KAFA

³⁴³ Izazi Husin, Penyelaras j-QAF Sekolah Rendah Kem Terendak 1, Melaka. Temubual pada 4 Februari 2009.

³⁴⁴ *Kurikulum Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA)* (2008), Bahagian Pembagunan Pendidikan Islam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, h. 3-15.

³⁴⁵ *Ibid.*

Pengajian al-Quran dan Fardhu Ain adalah satu usaha berterusan untuk mendidik dan membentuk pelajar-pelajar ke arah membangunkan fitrah individu (insan) selaras dengan kehendak al-Quran dan al-Sunnah. Usaha ini bertujuan untuk melahirkan manusia yang terdidik dengan didikan al-Quran dan al-Sunnah yang kuat iman dan amalnya kepada Allah serta menghayati akhlak dan cara hidup Islam.³⁴⁶

iii. Organisasi Kandungan Kurikulum

Terbahagi kepada enam bidang iaitu:

- i. Bidang *al-Qur'ān*
- ii. Bidang *'Ulūm Shar'īyyah*
- iii. Bidang *Sīrah*
- iv. Bidang Adab (*Akhlāq Islāmīyyah*)
- v. Bidang Jawi dan *Khāṭ*
- vi. Bidang Asas *Lughah al-Qur'ān*

Berdasarkan temubual yang dilakukan oleh pengkaji dengan Jamiah Abdullah, beliau mendapati kandungan kurikulum KAFA yang sedia ada mampu untuk membantu para pelajar memahirkan diri dengan aspek yang dinyatakan di atas. Beliau juga tidak menafikan peranan yang dimainkan oleh guru-guru KAFA amat penting dalam mendidik pelajar mendalami bidang-bidang agama Islam dalam kehidupan seharian di samping membangunkan akhlak dan nilai murni di kalangan mereka.³⁴⁷

ii. Program Latihan Khidmat Negara (PLKN)

Di dalam mesyuarat pertama pada 12 November 2002, Jawatankuasa Kabinet Mengenai Kerahan Tenaga telah menerima penggunaan istilah khidmat negara bagi menggantikan istilah kerahan tenaga. Jawatankuasa Kabinet Mengenai Khidmat Negara (JKMKN) telah menubuhkan empat jawatankuasa kecil iaitu jawatankuasa kecil kewangan,

³⁴⁶ *Ibid.*

³⁴⁷ Jamiah Abdullah, Guru Besar Sekolah Rendah Agama Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM), Kampung Tun Razak, Bukit Katil Melaka. Temubual pada 22 Januari 2009.

jawatankuasa kurikulum, jawatankuasa undang-undang dan jawatankuasa logistik bagi membantu jawatankuasa ini menyediakan perancangan dan menyelaraskan keperluan pelaksanaan program khidmat negara (PKN). Kabinet pada 28 Mei 2003 telah meluluskan cadangan rang undang-undang akta latihan khidmat negara pada 25 Jun 2003 manakala dewan negara meluluskan Rang Undang-undang ini pada 7 Julai 2003.

PLKN dilaksanakan adalah untuk mencapai objektif yang digariskan iaitu³⁴⁸:

- i. menanam semangat patriotisme di kalangan generasi muda atau remaja Malaysia.
- ii. memupuk perpaduan kaum serta integrasi nasional.
- iii. membentuk perwatakan positif (*character building*) menerusi nilai-nilai murni.

Terdapat empat modul PLKN iaitu modul fizikal, modul kenegaraan, modul pembinaan karakter dan modul khidmat komuniti.

Modul pembinaan karakter adalah sebuah modul yang dilaksanakan untuk membina karakter yang berkesan bagi para peserta yang merangkumi diri, keluarga, komuniti dan negara. Terdapat dua komponen yang dilalui peserta. Pertama, yang berfokus kepada pembinaan diri dan kedua adalah tentang diri dan orang lain. Dalam komponen pertama, peserta melalui penerokaan diri sendiri, menyedari dan mengenalpasti ciri-ciri diri, memperkayakan kekuatan dan memulihkan kelemahan diri. Peserta menyedari tentang penglibatan orang lain dalam kehidupan mereka, mengetahui kemahiran untuk bekerja sebagai ahli satu pasukan, cara bertindak sebagai pemimpin dalam kumpulan dan mengatasi masalah dalam kumpulan semasa melalui komponen kedua modul ini. Melalui aktiviti-aktiviti ceramah, permainan, latihan dan lain-lain,

³⁴⁸ Program Khidmat Negara (PLKN), <http://www.khidmatnegara.gov.my>, 1 November 2008.

peserta belajar tentang kejujuran, membuat pilihan, tanggungjawab, memimpin, menunaikan janji (komitmen) dan membina keyakinan diri. Modul ini dilaksanakan selama dua minggu dan peserta dipimpin oleh jurulatih.

PLKN adalah satu program pembinaan sahsiah diri bermatlamatkan membina dan mengukuhkan semangat patriotisme di kalangan generasi muda, memupuk perpaduan kaum serta integrasi nasional dan membentuk perwatakan positif menerusi nilai-nilai murni. Program ini bukanlah bersifat kerahan tenaga dan tidak mengikut mana-mana model dari luar kerana dilaksanakan ala Malaysia berteraskan tiga objektif utama seperti yang dinyatakan.

Kesan positif PLKN dalam aspek pembangunan etika dan moral di kalangan pelajar adalah membentuk perwatakan positif di kalangan generasi muda menerusi penerapan nilai-nilai murni. Keberkesanan program PLKN juga dapat mempengaruhi generasi muda di antaranya ialah tenaga pengajar. Kebanyakan tenaga pengajar adalah tidak terlatih dan kurang pengalaman. Walaupun syarat-syarat yang ketat diperlukan sebelum mereka menjadi jurulatih. Ini disebabkan program ini baru diperkenalkan di negara kita. Maka terdapat sesetengah jurulatih kurang bertanggungjawab dan mempunyai nilai moral yang rendah yang menjejaskan program ini. Ini menjejaskan objektif pelaksanaan program ini iaitu bermatlamatkan membina dan mengukuhkan semangat patriotisme di kalangan generasi muda, memupuk perpaduan kaum serta integrasi nasional dan membentuk perwatakan positif menerusi nilai-nilai murni.³⁴⁹

Dari aspek penyertaan, seseorang individu juga mungkin terdedah kepada bahaya akibat daripada sesetengah golongan yang ingin menganiayai orang lain. Pihak

³⁴⁹ Mahadi Abu Hassan (2005), "Semangat Patriotisme Generasi Muda Melalui Program Latihan Khidmat Negara (PLKN)", dalam Mohd Taib Dora *et al.* (eds), *Prosiding Konvensyen Kebangsaan Kecemerlangan Sosial dan Pembangunan Komuniti*. Melaka: Penerbit Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia, h. 264.

ini mungkin terdiri daripada peserta sendiri, tenaga pengajar dan pihak luar yang mempunyai kepentingan mereka sendiri. Golongan pertama iaitu peserta, ada sesetengah mereka yang mempunyai disiplin yang buruk, akan membuli peserta yang lain dan memaksa mereka melakukan perbuatan yang mendatangkan keuntungan kepada mereka. Contohnya, mereka memeras ugut dengan mengambil wang pelajar yang lemah dengan menggunakan kekerasan. Selain itu, golongan ini juga suka menimbulkan pergaduhan dan melakukan kes jenayah seperti mencuri, membuli, memukul pelajar lain dan sebagainya. Pihak kedua ialah tenaga pengajar itu sendiri. Berita yang disiarkan pada 29 Jun 2004 melaporkan satu kes rogol yang melibatkan peserta dengan tenaga pengajar di Kuala Terengganu. Rencana ini melaporkan bagaimana seorang peserta berumur 17 tahun dipukul dan dirogol di dalam kereta.³⁵⁰ Ini dapat menggambarkan bahawa para peserta juga terdedah kepada bahaya yang datangnya daripada pelatih yang tidak bertanggungjawab.

iii. Program Rakan Muda

Program Rakan Muda telah dilancarkan secara rasminya oleh Y.A.B Perdana Menteri Malaysia pada 29 Oktober 1994 dengan misi terasnya adalah untuk merealisasikan potensi tertinggi remaja supaya berupaya mendukung matlamat pembangunan negara iaitu melahirkan generasi muda yang lengkap dengan nilai-nilai murni, positif, berilmu dan berkemahiran bagi menempuh kemajuan peradaban yang akan datang.³⁵¹

Program Rakan Muda telah dilancarkan di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur pada 29 Oktober 1994. Program ini telah diiktiraf sebagai sebuah program pembangunan sosial dengan tumpuan untuk melahirkan generasi pewaris yang

³⁵⁰ *Utusan Malaysia*, Februari 29, 2004: 12.

³⁵¹ *Garis Panduan Pelaksanaan Program Rakan Muda dan Tatacara Pemberian Bantuan Kewangan (t.t)*, Kuala Lumpur: Kementerian Belia dan Sukan Malaysia, h. 5.

bertanggungjawab, aktif, berkeyakinan dan berupaya mengawal diri serta menghapuskan amalan-amalan negatif seperti melepak dan sebagainya.

Pendekatan pelaksanaan Program Rakan Muda adalah berdasarkan kepada sembilan Gaya Hidup yang digubal bagi memenuhi citarasa golongan muda. Sembilan Gaya Hidup tersebut ialah Rakan Rekreasi, Rakan Wajadiri, Rakan Sukan, Rakan Kecergasan, Rakan Wirausaha dan Wiramahir, Rakan Masyarakat, Rakan Cinta Alam, Rakan Seni Budaya dan Rakan Kecergasan.

Program Rakan Muda dilaksanakan berdasarkan visi dan misi berikut:³⁵²

i. Visi

Ke arah pembentukan remaja cemerlang lagi gemilang yang dapat menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara serta mempunyai kualiti peribadi yang tinggi dan berdaya saing.

ii. Misi

Melahirkan remaja yang berdisiplin, bertanggungjawab, prihatin, mahir, dinamik, proaktif, cergas, berkepimpinan, berkemahiran, berdikari, berbudaya, patriotik, sentiasa berkhidmat dan daya juang yang tinggi dan berfikiran positif.

Sejak Rakan Muda dilancarkan sehingga tahun 2006, seramai 5.35 juta remaja telah menyertai Program Rakan Muda melalui 267,489 aktiviti. Program ini telah mendapat sambutan yang mengalakkan daripada remaja kerana ia berkonsepkan “Dari Remaja Untuk Remaja”. Berdasarkan sambutan yang mengalakkan, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 9 Mei 2007 telah bersetuju untuk meneruskan program ini di bawah Program Rakan Muda dengan pendekatan baru bersesuaian dengan keadaan dan

³⁵² Program Rakan Muda, <http://www.2-u.com.my/home.php?do=about>, 31 Disember 2008.

keperluan semasa di mana golongan remaja lebih terdedah kepada cabaran globalisasi dan arus pembangunan negara yang pesat.

Program Rakan Muda merupakan program yang dilaksanakan berasaskan transformasi falsafah pelaksanaan dari fokus individu kepada fokus komuniti. Falsafah pelaksanaan adalah selaras dengan pendekatan pembangunan belia komuniti (*Community Youth Development*).

Penekanan pendekatan pembangunan belia komuniti adalah penglibatan secara total golongan belia dan komuniti setempat. Golongan remaja akan digerakkan secara bersama dengan komuniti setempat dalam melaksanakan pelbagai aktiviti meliputi kegiatan ekonomi, sosial dan budaya yang dilaksanakan melalui Gaya Hidup Rakan Muda. Penglibatan ini akan meningkatkan peranan remaja dalam masyarakat dan membawa impak pembangunan menyeluruh komuniti tersebut. Secara tidak langsung transformasi ini akan membawa golongan remaja dalam arus pembangunan negara. Teras gerakan ini melibatkan elemen perancangan, pelaksanaan dan penilaian yang dilakukan oleh pengamal Gaya Hidup berkenaan, berdasarkan citarasa dan keperluan persekitaran komuniti tersebut. Di bawah teras ini, tumpuan utama pelaksanaan program adalah ke arah menjana keupayaan pengamal Gaya Hidup dengan melengkapkan mereka dengan pelbagai pengetahuan, kemahiran dan sikap.

Gaya Hidup Rakan Muda memberi penekanan kepada elemen pembangunan diri remaja, seperti patriotisme, kesukarelaan, berbudaya, pendidikan moral, pembangunan 3K (Kepimpinan, Kemahiran dan Keusahawanan) dan selaras dengan pembentukan modal insan yang diberi penekanan oleh kepimpinan negara.

Berdasarkan program-program yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan seperti yang dibincangkan sebelum ini, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa pembangunan etika dan moral di kalangan pelajar amat berkait rapat dengan keterlibatan mereka dengan program tersebut. Daripada sudut akademik, pelaksanaan subjek PI dan Pendidikan Moral dan Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan dapat membangunkan peribadi pelajar yang beretika dan bermoral. Manakala PLKN dan Rakan Muda telah membantu pelajar untuk mempraktikkan nilai-nilai positif di kalangan sesama rakan sebaya dengan suasana kehidupan yang sebenar yang lebih mencabar. Justeru, pengkaji melihat program-program tersebut amat signifikan dan memberi kesan terhadap pembangunan etika dan moral mereka.

2.4.2 Program Pembangunan Anjuran NGO

Program anjuran badan bukan kerajaan (NGO) adalah anjuran yang dilakukan oleh organisasi ataupun badan tertentu bagi tujuan membantu pihak kerajaan dalam memperkukuhkan lagi aspek etika dan moral di kalangan pelajar ataupun remaja. Ianya mampu membangunkan aspek dalaman remaja melalui program-program yang dijalankan berdasarkan pendekatan khusus yang dibawa oleh mereka. Di bawah ini dinyatakan badan-badan bukan kerajaan tersebut dan juga program-program yang dilakukan oleh mereka.

i. Institut Khalifah

Institut Khalifah diasaskan oleh Prof. Dr. Muhammad al-Mahdi, pakar psikologi kanak-kanak dari Amerika. Beliau memulakan operasi pendidikan pada tahun 2006. Kaedah yang digunakan adalah gabungan nilai-nilai Islam dan ilmu psikologi moden. Mereka

yang terlibat dalam institut ini adalah Dr. Abdul Aziz Azimullah, Dr. Alini Marzuki dan En. Karim Omar.

Objektif Penubuhan

1. Membantu masyarakat melakukan perkara yang baik dan betul dengan pelbagai cara berteraskan al-Quran, al-Sunnah, digabungkan dengan pemikiran yang logik, saintifik bertunjuangkan Allah SWT sebagai Pencipta dan juga fakta-fakta yang diterima pakai (bukan dari penafsiran non-Muslim) dalam segala bidang sains moden.
2. Membangun, menyambung dan menyebarkan usaha pengasas institut ini sama ada di peringkat nasional ataupun antarabangsa dalam pelbagai bentuk usaha ke arah kehidupan yang lebih baik.
3. Menyebarkan ilmu pengetahuan melalui penerbitan, seminar, bengkel, ceramah dan konfrens serta latihan menggunakan methodologi ‘khalifah’ dan juga membantu cara praktikal usaha tersebut dalam setiap lapisan masyarakat.

Institut ini menjalankan program-program berdasarkan kaedah yang dikenali dengan Kaedah Khalifah, iaitu:

- i. Tanam dalam diri anak-anak mahu menjadi khalifah Allah yang sejati. Lakukan dengan cara yang boleh menimbulkan perasaan dalam hati mereka bahawa ini adalah satu penghormatan yang besar dan tanggungjawab yang amat menyeronokkan. Terangkan pada anak-anak tiga tanggungjawab khalifah sekurang-kurangnya beberapa kali dalam sehari dengan cara yang positif dan berbeza-beza. Ingatkan anak bahawa mereka adalah seorang

khalifah Allah. Oleh itu mereka perlu jadikan diri mereka baik, membantu orang lain jadi baik dan jadikan alam sekeliling bersih, indah dan sejahtera.

- ii. Perkukuhkan tabiat baik melalui ganjaran. Berikan ganjaran berupa kata-kata penghargaan, perhatian dan kasih sayang untuk perkara baik yang anak-anak lakukan atau perkara buruk yang mereka tinggalkan.
- iii. Sediakan peraturan yang jelas, supaya anak-anak akan tahu dan faham apa yang mereka boleh buat dan apa yang mereka perlu jauhi. Laksanakan peraturan dengan tegas tetapi secara lembut iaitu tanpa kekasaran dan cemuhan.

Di antara program yang dijalankan oleh institut ini adalah program Kem Khalifah. Kem Khalifah adalah salah satu aktiviti yang dijalankan oleh Institut Khalifah. Ia dilaksanakan dengan kerjasama khas daripada Jawatankuasa Belia Khalifah (Mahasiswa UIA) untuk golongan remaja. Tujuan utamanya ialah untuk membantu remaja muslim mengenalpasti tugas mereka sebagai khalifah Allah dengan berbuat baik kepada diri sendiri, menolong orang lain berbuat baik dan menjadikan alam persekitaran baik, bersih dan cantik.

Kem ini berbeza dengan kem yang lain kerana ianya satu-satunya kem yang menggunakan kaedah khalifah yang diasaskan lebih dari 40 tahun kajian dalam bidang psikologi, fizik, kosmologi dan teologi. Selain itu, ia juga memberikan penekanan khusus untuk kepentingan solat dan cara membetulkan solat. Para peserta juga akan belajar untuk menghargai kecantikan Islam dan merasa bangga sebagai khalifah Allah melalui aktiviti yang dijalankan. Konsep ilmu khalifah akan dipraktikan melalui aktiviti *jungle trekking, night of the stars, explorace* dan sebagainya.³⁵³

³⁵³ Institut Khalifah, <http://www.islamic-world.net/institute>, 11 Oktober 2008.

ii. *In Person Trading and Consultancy (IPTC)*

In Person Training and Cosultancy telah ditubuhkan oleh En Rohizal b. Hj Kasim sejak 12 tahun yang lepas dan bergiat aktif dalam menganjurkan program-program berbentuk motivasi dan ilmiah di sekitar Melaka, Johor Bahru, Negeri Sembilan dan Kuala Lumpur. Program-program yang dianjurkan melibatkan semua lapisan masyarakat dan golongan remaja dan pelajar IPT.

Visi dan misi IPTC adalah 'Melahirkan insan unggul yang berilmu dan mampu berfikir', maka fokus utama IPTC adalah membantu remaja untuk menjadi insan yang cemerlang dalam segenap segi tanpa mengira siapa diri mereka.

IPTC adalah NGO yang terlibat dalam aktiviti pembangunan manusia khususnya golongan remaja. Menurut pengarah urusannya, Rohizal Kasim³⁵⁴ terdapat program yang dijalankan menjurus kepada pembinaan jati diri dan kecemerlangan remaja. Kebanyakan daripada program-program yang dijalankan adalah berteraskan tiga A iaitu, akhlak, akidah dan akademik. Kesemua elemen tersebut cuba diterapkan ke dalam diri para remaja supaya mereka akan dapat membangunkan kecemerlangan diri mereka sama ada dalam aspek dalaman mahupun luaran. Pendekatan secara halus atau berhikmah diaplikasikan dalam program yang dijalankan supaya para pelajar atau remaja yang mengikutinya tidak mudah berasa jemu atau bosan.

Program-program yang dijalankan oleh beliau di kalangan pelajar IPT adalah seperti Kem Mahasiswa Cemerlang, Kem Kepimpinan Mahasiswa dan Kem Jatidiri Ekstrem. Tujuan program-program tersebut adalah untuk mencapai objektif yang

³⁵⁴ Rohizal Kasim, Pengarah In Person Training and Consultancy, Melaka. Temubual pada 12 November 2008.

digariskan oleh IPTC sendiri iaitu melahirkan insan unggul yang berilmu dan mampu berfikir melalui aktiviti-aktiviti yang disediakan oleh pihak IPTC .

Selain daripada aktiviti yang bersifat ceramah dan hubungan dua hala di antara remaja dan fasilitator, terdapat juga aktiviti fizikal atau lasak dalam program anjuran IPTC. Ini selaras dengan objektif IPTC bagi merealisasikan insan yang mampu berfikir haruslah mempunyai tubuh badan yang sihat dan cergas. Aktiviti-aktiviti tersebut adalah seperti *Paint Ball*, *Abseiling*, *Survival Jungle Trekking*, *Obstacle Run Extreme*, dan *Treasure Hunt*. Menurut Rohizal, kesemua aktiviti yang disediakan adalah sesuai dengan jiwa remaja di samping dapat membangunkan nilai sendiri, kerjasama kumpulan dan pengamalan etika dan moral sesama mereka.

2.4.3 Program Pemulihan Anjuran Pihak Kerajaan dan NGO

Program pemulihan di sini bermaksud program-program yang dilakukan oleh agensi kerajaan mahupun NGO dalam memulihkan etika dan moral di kalangan remaja. Sehubungan itu, di sini pengkaji bawakan beberapa peranan daripada pihak kerajaan dan dan juga NGO yang terlibat.

i. Program Perkhidmatan Perintah Khidmat Masyarakat

Bahagian Perintah Khidmat Masyarakat (PKM) ialah satu bahagian baru yang ditubuhkan pada 1 Februari 2007 susulan daripada Jawatankuasa Khas Pilihan Parlimen (*Select Committee*) yang telah dibentuk oleh Parlimen. Jawatankuasa ini telah dipengerusikan oleh Y.B Dato' Seri Mohd Radzi Bin Sheikh Ahmad, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Pada 18 Julai 2006 Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2006

[Akta A1274] dan Kanun Keseksaan (Pindaan) 2006 [Akta A1273] telah diluluskan di Parlimen. Seterusnya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah diberi tanggungjawab untuk merangka dan menjalankan program Perintah Khidmat Masyarakat di bawah seksyen 293 Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2006 [Akta A1274]. Kumpulan sasar yang terlibat dalam program ini adalah pesalah muda yang berumur 18 tahun ke atas dan dibawah umur 21 tahun yang diperintahkan untuk menjalani perintah khidmat masyarakat oleh mahkamah.³⁵⁵

Elemen yang terkandung di dalam Perintah Khidmat Masyarakat adalah seperti berikut :

- i- Hukuman - melalui pelucutan masa lapang pesalah dan memberikan suatu tanggungjawab ke atas mereka untuk dilaksanakan. Hukuman yang diberikan bukan mengikut keselesaan dan keperluan pesalah.
- ii- Pemulihan - dengan merangsang tanggungjawab sosial dan menjadikan program khidmat masyarakat sebagai suatu pengalaman berfaedah kepada pesalah muda.
- iii- Penginsafan - dengan mewujudkan ruang bagi pesalah muda menjalani pemulihan akhlak dan menawarkan faedah nyata kepada masyarakat.

Aktiviti yang telah dikenalpasti untuk pesalah muda menjalani program adalah seperti pemuliharaan kawasan dan lanskap, pemuliharaan bangunan, pembaikan kecil, housekeeping, penyajian makanan, jagaan dan pengurusan penghuni serta aktiviti-aktiviti lain yang difikirkan bersesuaian.

ii. Pusat Serenti

³⁵⁵ Jabatan Kebajikan Masyarakat, <http://www.jkm.gov.my/jkm/>, 2 Januari 2009.

Pusat serenti adalah salah satu daripada cawangan yang terdapat di bawah Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Terdapat dua program yang dikenalpasti dapat membangunkan aspek etika dan moral di kalangan remaja yang telah terjebak dalam penyalahgunaan dadah. Program-program tersebut adalah program pendidikan agama dan moral dan program sivik dan tatanegara.³⁵⁶

Program Pendidikan Agama Dan Moral mempunyai objektif seperti memberikan kefahaman kepada penghuni mengenai asas pendidikan agama Islam supaya dapat dihayati dengan sebaik-baiknya. Selain itu ia juga membolehkan penghuni membaca al-Quran dan dapat menghayatinya dengan baik. Di samping itu ia bertujuan membaiki dan mengukuhkan akidah Islamiah penghuni untuk dikaitkan dengan seluruh kehidupan penghuni, melahirkan kesedaran dan membina kekuatan diri dan peribadi serta melahirkan seorang penghuni yang berilmu, beriman dan amal salih berdasarkan ajaran Islam.

Pelaksanaan program ini dijalankan dengan solat, program agama harian, tazkirah qiamullail, ceramah, usrah, pertandingan, seminar dan kelas akademik. Bagi penghuni yang beragama selain daripada Islam, aktiviti mereka dijalankan pada setiap hari Jumaat dan Ahad bagi beragama Kristian, Buddha dan Hindu. Ia dikelolakan oleh guru masing-masing mulai jam 8.30 sehingga 9.30 pagi.

Manakala program sivik dan tatanegara dilaksanakan dengan mengadakan perhimpunan pagi setiap hari. Aktiviti yang dilakukan termasuklah menaikan bendera dan menyanyikan lagu-lagu seperti Negaraku, lagu AADK. Selain itu ikrar penghuni, bacaan doa dan seminar tatanegara turut dilakukan pada setiap hari. Terdapat juga

³⁵⁶ Pusat Serenti Gambang, <http://psgambang.gov.my/>, 3 Januari 2009.

aktiviti lain seperti perbincangan di dalam kumpulan, menghayati bulan kemerdekaan, sambutan Hari Antidadah Kebangsaan dan Antarabangsa, kempen-kempen kesedaran, tayangan video yang berkaitan dengan program pemulihan dan seminar yang berkaitan. Semua aktiviti tersebut dijalankan bagi memulihkan semula jati diri pelatih di pusat serenti.

iii. Pusat Pemulihan Akhlak

Pusat Pemulihan Akhlak adalah salah satu daripada pusat pemulihan yang bernaung di bawah Jabatan Penjara Malaysia. Ia berperanan memberikan program pemulihan kepada orang-orang tahanan.³⁵⁷ Di antara kategori yang terlibat dalam pusat pemulihan ini adalah banduan muda, terdiri daripada semua banduan yang disabitkan di bawah umur dua puluh satu tahun.

Di antara program yang dijalankan di sini adalah program halaqah dan aktiviti keagamaan. Program halaqah merupakan '*Core Treatment*' bagi penghuni yang beragama Islam yang telah dikenalpasti mempunyai tahap pengetahuan agama yang cetek. Program dijalankan selama enam bulan dan ianya berkonsepkan sistem pondok. Ini bertujuan memberi pendedahan agama kepada penghuni supaya mengamalkan hidup secara Islam yang sebenar. Manakala aktiviti keagamaan adalah program untuk mereka yang bukan beragama Islam. Antara program yang dijalankan ialah dengan mengadakan seminar agama bagi memupuk nilai-nilai rohaniah yang baik di kalangan penghuni mengikut ajaran dan kefahaman agama masing-masing. Program biasanya akan

³⁵⁷ Pengertian Orang Tahanan ialah orang yang ditahan oleh kerajaan dengan Surat Kuasa *Order of Detention* dan orang ini akan ditahan di Tempat Tahanan Perlindungan dan dikenali dengan panggilan 'Orang Tahanan'. *Order of Detention* adalah satu Perintah Tahanan yang ditandatangani oleh Menteri Dalam Negeri untuk menahan mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.

dikendalikan oleh pihak penjara dengan bantuan NGO yang dilantik atau pertubuhan agama yang berdaftar.³⁵⁸

iv. Didik Diri Resources (DDR)

Pengurus Didik Diri Resources adalah Ahmadi bin Haji Baharudin. Beliau juga merupakan Timbalan Pengerusi Pertubuhan Kebajikan Sahabat Insan Dan Iman Malaysia (SIDIM) dan Ketua Jurulatih Integrasi Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) pada 2006 hingga sekarang. Visi DDR ialah menjadi sebuah premis perunding pemulihan dan pembangunan remaja yang berkualiti melalui kursus, latihan, kaunseling dan sebarang jua bentuk dakwah yang bertujuan mencapai kecemerlangan dunia dan akhirat. Manakala misi DDR ialah membangunkan minda remaja yang teratur, bercita tinggi dan beremosi positif yang dikawal syariat Allah. Objektif penubuhan DDR adalah untuk mencuit kesedaran fitrah diri untuk rasa bertuhan dan rasa beribu bapa, membina rasa beriman melalui rutin ibadah wajib dan sunat dan membina disiplin kepimpinan diri ditegarkan ke arah kecemerlangan dunia dan akhirat.³⁵⁹

Pendekatan DDR menggunakan metodologi multi-dimensi di dalam operasinya. Elemen syarahan dinaik-tarafkan dengan penggunaan teknologi ICT dan sistem audio yang berkuasa tinggi bagi merangsang emosi dan spiritual peserta melalui kuliah, video klips, lagu dan nasyid. Sesi bengkel dan soal jawab menjadi medan terbaik peserta berkongsi rasa dengan fasilitator. Riadah bermodul, senaman dan kembara bertujuan menguatkan fizikal dan mental peserta. Di samping penerangan berkenaan penjagaan kesihatan. Kawasan air terjun adalah standard spesifikasi yang diperlukan dalam kemendalian DDR. Alam semulajadi yang indah lagi damai menguja emosi negatif

³⁵⁸ Jabatan Penjara Malaysia, <http://www.prison.gov.my/bm/carta/btgajah.htm>, 3 Januari 2009.

³⁵⁹ Didik Diri Resource, <http://www.didikdiri.com/>, 4 Januari 2009

kembali tenang dan ilmu mudah disampaikan. DDR percaya manusia mencari alam untuk menenangkan fikiran kerana itulah fitrah manusia kembali kepada asal penciptaan.

Selain itu, melalui kaunseling, pihak DDR akan mencungkil semua rahsia gejala sosial remaja untuk pengetahuan ibu bapa. Ibu bapa yang tidak mempunyai masalah anak digalakkan juga memberi kaunseling kepada anak di DDR kerana sebagai pendedahan awal kepada anak agar tidak terlibat dengan gejala sosial. Anak akan tahu semua keburukan gejala sosial dan impak kepada kehidupan. DDR mempunyai kepakaran dan bukti rakaman pengakuan (realiti dan menakutkan) akan bahaya gejala sosial.

Di antara program yang dijalankan di sini adalah kaunseling remaja. Ia memberikan fokus kepada masalah-masalah³⁶⁰ yang sering dihadapi oleh para remaja. Selain itu, terdapat lapan modul yang disediakan yang dikenali sebagai 8 Modul *Survivor Camp*³⁶¹ kepada para peserta, terutamanya remaja.

³⁶⁰ Masalah-masalah yang disenaraikan oleh DDR adalah seperti berikut:

1. Malas solat
2. Degil
3. Kurang ajar
4. Merokok
5. Ponteng sekolah dan kelas
6. Terlibat kumpulan terlarang – black metal, punk, skinhead dan gangster
7. Lari dari rumah
8. Dadah
9. Gam
10. Melepak
11. Kelucahan – vcd lucu, sms lucu, klip lucu dan mencarut
12. Seks bebas
13. *Coupling*
14. Hamil anak luar nikah
15. Gugurkan anak
16. Minum arak
17. Mencuri
18. Berjudi

³⁶¹ Modul-modul tersebut adalah seperti berikut:

1. Modul solat
2. Modul wirid dan selawat
3. Modul doa
4. Modul anak soleh
5. Modul visi dan misi hidup
6. Modul bahaya gejala sosial
7. Modul budaya kerja orang Jepun
8. Modul D.A.D.A (Define, Analyse, Decide & Act)

2.5 Faktor Keberkesanan Program

Berdasarkan program-program pembangunan dan pemulihan etika dan moral yang telah dibincangkan sebelum ini, dapatlah difahami bahawa ianya perlu bagi membangunkan etika dan moral di kalangan remaja. Oleh itu, dalam bahagian ini pengkaji akan membincangkan dari sudut teorinya apakah faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan program-program tersebut sepertimana yang telah dibincangkan sebelum ini. Justreru, terdapat beberapa faktor utama yang boleh diketengahkan iaitu faktor:

- i. Penganjuran
- ii. Persekitaran
- iii. Pengisian
- iv. Kemudahan dan Prasarana
- v. Metode Perlaksanaan
- vi. Penyertaan

2.5.1 Penganjuran

Penganjuran program-program pembangunan dan pemulihan etika dan moral yang telah dilaksanakan mendapat kerjasama yang positif daripada semua pihak sama ada agensi kerajaan ataupun NGO. Dalam program pembangunan misalnya, pihak kerajaan dapat menyalurkan pengetahuan yang penting dalam membangunkan nilai etika dan moral di kalangan remaja. Pendidikan yang diberikan pada peringkat sekolah rendah mahupun menengah mampu mendidik para pelajar dengan nilai-nilai murni seperti yang terdapat dalam matapelajaran Pendidikan Islam, Pendidikan Moral dan Pendidikan Sivik dan Kewarnegaraan. Bagi memantapkan lagi aspek nilai tersebut, pihak kerajaan juga melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) memperkenalkan KAFA untuk para pelajar di peringkat sekolah rendah. Ini adalah program yang baik dalam

memenuhi falsafah melahirkan fitrah individu yang selaras dengan kehendak al-Quran dan al-Sunnah. Manakala program j-QAF pula diwujudkan dengan tujuan memberi nilai tambah dalam mata pelajaran Pendidikan Islam dengan penumpuan kepada pengajaran jawi, al-Quran, Bahasa Arab dan Fardhu Ain. Selain itu, penganjuran daripada pihak NGO juga turut membantu keberkesanan penganjuran program pembangunan etika dan moral seperti yang dilakukan oleh Institut Khalifah, In Person Training and Consultancy dan juga Didik Diri Resource. Kesemua penganjuran program yang telah dilaksanakan sememangnya dapat membangunkan nilai-nilai positif di kalangan remaja terutamanya dalam aspek etika dan moral.

2.5.2 Persekitaran

Persekitaran yang kondusif dapat menjamin sesuatu program itu dapat bergerak dengan lancar dan berjaya. Persekitaran di sini bermaksud suasana sekeliling, iklim, ruang dan keadaan tempat sesuatu program itu dijalankan. Menurut Way K. Hoy dan Cecil G. Miskel, memang tidak dapat dinafikan lagi bahawa persekitaran yang baik adalah faktor kritikal ke arah organisasi yang berfungsi dan berkesan.³⁶²

Selain itu, Donald C. Orlich *et al.*, mendapati persekitaran juga berkait rapat dengan budaya yang wujud dalam sesuatu program yang dijalankan. Dalam budaya sekolah misalnya, beliau membawakan elemen-elemen penting yang perlu ada dalam mewujudkan persekitaran pembelajaran yang baik dengan adanya nilai murni, misi dan visi yang jelas dan juga guru-guru yang bermotivasi serta penyayang.³⁶³

³⁶² Wayne K. Hoy dan Cecil G. Miskel (2008), *Educational Administration: Theory, Research and Practice*. New York: McGraw-Hill International Edition, h. 29.

³⁶³ Donald C. Orlich *et al.* (1998), *Teaching Strategies*. New York: Houghton Mifflin Company, h. 10.

Dalam program PLKN yang dianjurkan oleh pihak kerajaan, ia mengambil kira faktor persekitaran tempat program itu dijalankan. Biasanya ianya dilaksanakan di hutan simpan atau hutan rekreasi, misalnya di Melaka ia ditempatkan di Hutan Rekreasi Ayer Keroh. Selain itu, program In Person Training juga menjalankan aktiviti fizikal seperti *survival jungle trekking*, *run extreme*, *treasure hunt* di kawasan air terjun, sungai dan hutan. Persekitaran yang bersih dan sihat adalah penting dalam mendidik fizikal dan emosi para remaja kerana melalui kaedah menghargai alam sekeliling dapat mendekatkan lagi mereka dengan Pencipta.³⁶⁴ Bagi Didik Diri Resource, kawasan air terjun adalah elemen penting dalam kem atau program yang dikendalikan oleh mereka. Menurut pengarah program tersebut, suasana alam semulajadi yang indah dan damai dapat menenangkan fikiran dan kembali kepada fitrah kemanusiaan.³⁶⁵ Oleh itu faktor persekitaran yang sihat dan memberangsangkan amat perlu untuk memberikan kesan yang baik dalam program pembangunan etika dan moral yang telah dilaksanakan di kalangan peserta.

2.5.3 Pengisian

Pengisian program yang mantap dan berkualiti dapat menjamin keberkesanan sesuatu program. Banyak aspek yang bersangkutan paut dengan pengisian program seperti kandungan program, slot yang diadakan, modul yang digunakan, kurikulum, objektif dan matlamat program dan juga aktiviti yang dijalankan di dalam program-program tersebut. Dalam program berbentuk pendidikan misalnya, institusi sekolah berperanan penting dalam melaksanakan mata pelajaran yang dapat membangunkan etika dan moral di kalangan pelajar. Ini dapat dilihat dari sudut objektif, matlamat dan kandungan matapelajaran-matapelajaran yang diajar kepada mereka seperti Pendidikan Islam,

³⁶⁴ Rohizal Kasim, Pengarah In Person Training and Consultancy, Melaka. Temubual pada 12 November 2008.

³⁶⁵ Ahmadi Baharudin, Motivator, Didik Diri Resource. Temubual pada 2 Mac 2009.

Pendidikan Moral dan juga Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan pada peringkat KBSR dan KBSM.³⁶⁶

Selain itu, terdapat banyak nilai-nilai murni dan kemanusiaan yang cuba diterapkan ke dalam diri para pelajar seperti yang dibincangkan sebelum ini dan ianya mampu untuk membangunkan personaliti unggul dalam jiwa mereka. Ini dapat dilihat di dalam pengisian program j-QAF dan KAFA. Kedua program ini adalah satu program khusus kepada pelajar Islam dalam memperkasakan lagi asas-asas ilmu Islam yang berhubung dengan kemahiran Jawi, al-Quran, Bahasa Arab dan Fardu 'Ain di kalangan mereka. Oleh itu, diharapkan dengan perlaksanaan kedua program tersebut dapat melahirkan golongan pelajar yang mempunyai kemahiran insaniah dan menjadi aset utama dalam penyediaan modal insan negara.³⁶⁷

Manakala dalam program yang dilakukan oleh Pusat Serenti, penerapan nilai-nilai Islam mampu mendatangkan perubahan sikap kepada para pelatih yang terlibat. Kajian yang dilakukan oleh Zurimi Hashim mendapati program penerapan nilai-nilai Islam merupakan program yang amat penting dan paling berkesan kepada pelatih-pelatih untuk menghilangkan ketagihan dadah. Seramai 50 orang responden yang terlibat dalam kajian beliau, 15 orang mengatakan sangat setuju dan 20 orang pula bersetuju bahawa program pembangunan diri melalui aktiviti keagamaan amat membantu menghilangkan ketagihan mereka.³⁶⁸

³⁶⁶ Lihat perbincangan matlamat Pendidikan Islam, Pendidikan Moral dan Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan peringkat KBSR dan KBSM di halaman 141-149.

³⁶⁷ Zamran Mohamed, Guru j-QAF sekolah Rendah Kem Terendak 1, Melaka. Temubual pada 4 Februari 2009.

³⁶⁸ Zurimi Hashim (2002), *Penerapan Nilai-nilai Islam ke atas Pelatih Pusat Pemulihan Dadah: Kajian Perbandingan Antara Pusat Serenti Raub dengan Pengasih*. Disertasi Sarjana Usuluddin, Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia., h. 48.

Dalam program Perintah Khidmat Masyarakat pula, pengisian program yang ada merangkumi elemen seperti hukuman, pemulihan dan pengisafan.³⁶⁹ Contoh aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan pula seperti pemulihan kawasan lanskap, pemuliharaan bangunan dan penyajian makanan. Terdapat juga pengisian program lain seperti *qiāmullail*, ceramah agama, usrah, tazkirah dan kelas akademik dalam program pemulihan etika dan moral. Ini telahpun dilaksanakan oleh Pusat Serenti Gambang pada setiap hari Jumaat bagi memenuhi keperluan rohani di kalangan para pelatih.³⁷⁰

2.5.4 Kemudahan dan Prasarana

Kemudahan yang disediakan oleh sesuatu program dapat membantu melancarkan perjalanan program tersebut. Dalam program KAFA dan j-QAF misalnya, pihak kerajaan telah menyediakan bahan-bahan rujukan kepada para guru yang mengajar dengan sistematik dan seragam di seluruh negara. Oleh itu, semua murid dapat mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran dengan baik dan berkesan dengan adanya buku-buku teks tersebut. Kelas-kelas pula dapat menampung permintaan murid-murid dengan suasana yang kondusif dan ini dapat menggalakkan minat para pelajar untuk mengikuti aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan baik dan berkesan.³⁷¹ Ini diakui oleh Esah Sulaiman apabila beliau menyatakan pengurusan bilik darjah yang berkesan dapat mewujudkan iklim bilik darjah yang kondusif untuk proses pembelajaran berjalan dengan baik.³⁷²

Prasarana yang lengkap juga dapat dilihat dalam program PLKN apabila pihak kerajaan telah menyediakan pusat-pusat latihan di seluruh negara dengan kemudahan-

³⁶⁹ Lihat huraian lanjut elemen-elemen yang terkandung dalam program Perintah Khidmat Masyarakat di halaman 167.

³⁷⁰ Lihat aktiviti yang dikendalikan oleh Pusat Serenti Gambang di <http://psgambang.gov.my/>, 3 Januari 2009.

³⁷¹ Zin Zawiyah Hamid, Guru KAFA, Sekolah Rendah Agama Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM), Bukit Katil Melaka. Temubual pada 23 Januari 2009.

³⁷² Esah Sulaiman (2004), *Pengenalan Pedagogi*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia, h. 172.

kemudahan seperti bilik penginapan, padang kawad, bilik air, surau, pakaian seragam, jurulatih yang bertauliah, pengangkutan ke tempat latihan, makanan dan minuman serta pelbagai kemudahan lain.³⁷³

2.5.5 Metode Pelaksanaan

Metode pelaksanaan sesuatu program adalah bertunjangkan kepada objektif atau matlamat yang telah digariskan. Ini amat penting bagi mendatangkan kesan yang positif di penghujung program tersebut. Program Rakan Muda misalnya meletakkan matlamat untuk membentuk remaja yang cemerlang lagi gemilang yang dapat menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara. Oleh itu program yang dilaksanakan bertujuan membentuk remaja yang mempunyai nilai-nilai etika dan moral yang unggul seperti disiplin, bertanggungjawab, prihatin, sabar dan yang seumpamanya.³⁷⁴ Bagi mencapai matlamat tersebut pelaksanaannya mengambil kira pembangunan berfokuskan individu dikembangkan kepada fokus komuniti supaya modal insan yang diharapkan oleh kerajaan dapat dibentuk melalui program ini.

Manakala untuk program yang dikendalikan oleh Institut Khalifah, ia menggarapkan gabungan nilai-nilai Islam dan ilmu-ilmu psikologi moden dalam setiap aktiviti yang dijalankan. Keunikan program ini berbanding dengan program yang lain adalah berdasarkan kaedah yang dikenali dengan Kaedah Khalifah.³⁷⁵ Kaedah ini secara ringkas ingin membangunkan diri anak-anak dengan ciri-ciri khalifah yang sejati, memperkukuhkan tabiat baik dengan ganjaran dan peraturan yang jelas dalam kehidupan seharian. Kaedah inilah yang memberikan kesan yang baik dan positif dalam pembangunan etika dan moral kepada para peserta yang mengikutinya.

³⁷³ Hafzan Arifin. Jurulatih PLKN Cawangan Ayer Keroh Melaka. Temubual pada 20 Januari 2009.

³⁷⁴ Jasiman Ahmad (2000), *Rakan Muda Sebagai Penyambung Kemajuan*. Kuala Lumpur: Goodmark Enterprise, h. 19. Lihat juga, Program Rakan Muda, <http://www.2-u.com.my/home.php?do=about>, 31 Disember 2008.

³⁷⁵ Sila lihat semula huraian Kaedah Khalifah di halaman 163.

2.5.6 Penyertaan

Faktor penyertaan juga dapat mempengaruhi keberkesanan sesuatu program. Didik Diri Resource misalnya melaporkan kehadiran seramai 187 orang peserta adalah bilangan yang terbesar sepanjang penganjurannya dalam *Survivor Camp* yang telah diadakan pada bulan Mei 2008. Menurut Ahmadi Baharudin, ini menunjukkan program seperti itu semakin diperlukan oleh ibu bapa dan keluarga yang ingin melihat anak-anak mereka terselamat daripada gejala sosial.³⁷⁶ Manakala dalam program yang telah dianjurkan oleh Institut Khalifah, rata-rata para peserta menyatakan amat seronok terlibat dengan aktiviti yang dianjurkan. Ini dapat dibuktikan dengan testimonial daripada para remaja yang telah mengikuti program.³⁷⁷

Keputusan peperiksaan yang cemerlang juga dapat menggambarkan penyertaan terhadap sesuatu program itu berkesan dan berjaya. Dalam keputusan Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK) pada tahun 2007, data menunjukkan bahawa seramai 162,789 orang calon yang menduduki ujian tersebut di seluruh negara. Seramai 160,357 orang atau 98% telah lulus dengan jayanya.³⁷⁸ Begitu juga dengan para pelajar yang mengambil program j-QAF, analisa pencapaian menunjukkan peratusan yang baik dengan pelajar tahun satu sebanyak 86.66%, tahun dua 90.39%, tahun tiga 92.87% dan tahun empat pula 91.34%. Peratus lulus keseluruhan adalah sebanyak 90% meliputi pelajar tahun satu hingga tahun empat.³⁷⁹

³⁷⁶ Ahmadi Baharudin, Motivator, Didik Diri Resource. Temubual pada 2 Mac 2009.

³⁷⁷ Sila lihat testimonial peserta di www.islamic-world.net/institute/testimonials.php

³⁷⁸ Analisa keputusan Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK) Tahun 2007, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

³⁷⁹ Analisa Pencapaian Murid Model-model Pengajaran, Pembelajaran dan Kokurikulum j-QAF dari Januari hingga Oktober 2008, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia.

2.6 Kesimpulan

Dalam bahagian ini pengkaji telah membincangkan pembangunan etika dan moral yang merangkumi aspek keperluan, pertumbuhan dan perkembangan psikologi pelajar, program-program pembangunan etika dan moral dan juga keberkesanan program yang telah dijalankan. Bab ini juga dapat memberikan kefahaman kepada kita bahawa pembangunan etika dan moral di kalangan pelajar adalah satu proses yang begitu penting dalam kehidupan individu. Ini kerana proses perkembangan yang sihat sama ada dalam aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek dapat memberikan kesan yang besar ke arah pembentukan personaliti seseorang. Apabila nilai-nilai positif telah dibangunkan dengan baik dalam diri individu, barulah terbinanya keluarga yang harmoni dan komuniti yang sejahtera. Dalam bab seterusnya, pengkaji akan melanjutkan fokus kajian ke arah pembangunan etika dan moral menerusi kursus-kursus yang ditawarkan di UTeM.

